

**KEINDAHAN PERLAMBANGAN ALAM DALAM
PERIBAHASA MELAYU MELALUI TEORI
KEINDAHAN BRAGINSKY**

**AISYAH HUMAIRA' BINTI MUSTAPHA FAIDZUL
C18A0030**

UNIVERSITI

MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KELANTAN

2022



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**Keindahan Perlambangan Alam Dalam Peribahasa Melayu
Melalui Teori Keindahan Bragisnky**

**Aisyah Humaira' Binti Mustapha Faidzul
C18A0030**

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian
daripada syarat memperoleh Ijazah Sarjana Muda
Pengajian Warisan Dengan Kepujian**

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan**

2022

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh _____ sehingga _____

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan
No Kad Pengenalan:
990903-85-5014
Tarikh: 22/02/2022



Tandatangan Penyelia
Nama Penyelia:
Dr. Nordiana binti Ab Jabar
Tarikh: 22/02/2022

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala syukur di panjangkan ke hadrat Ilahi kerana di atas limpah dan kurnia daripada Nya telah memberi saya kesihatan tubuh badan serta akal fikiran yang baik sehingga penulisan tesis ini dapat disempurnakan oleh saya dengan jayanya mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

Sejuta penghargaan teristimewa dan terima kasih dilisankan kepada penyelia projek penyelidikan, Dr. Nordiana binti Ab Jabar di atas segala tenaga dan masa yang sudi beliau luangkan dalam memberi tunjuk ajar, teguran serta bimbingan yang tidak pernah jemu kepada saya sepanjang tempoh penghasilan tesis ini sehinggalah saya dapat menyiapkannya. Beliau amat komited dan prihatin terhadap anak-anak didik yang melaksanakan penyelidikan di bawah beliau sehingga menjadi asbab untuk saya sentiasa bersemangat menyiapkan penulisan tesis ini. Terima kasih juga diucapkan kepada panel, Pn. Siti Nur Anis binti Muhammad Apandi di atas teguran yang membina sehingga saya dapat memperbaiki penulisan tesis ini ke arah kesempurnaan.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih buat kedua ibu bapa yang saya hormati dan kasihi, En. Hj. Mustapha Faizul bin Hamli dan Pn. Hj. Hartini binti Mat Razali di atas kasih sayang, doa, dorongan, bantuan dan semangat yang amat saya perlukan sepanjang melaksanakan penulisan tesis ini. Ucapan terima kasih dilontarkan juga kepada adik-beradik yang saya sayangi kerana banyak memberi sokongan, bantuan dan kata-kata semangat kepada saya sehingga mendorong saya untuk menyiapkan penulisan tesis bagi Ijazah Sarjana Muda ini.

Turut tidak dilupakan, ucapan penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang sentiasa bersama-sama menyokong, berkongsi pendapat dan idea berkualiti serta memberikan semangat ketika berdepan dengan dugaan dan cabaran untuk terus kuat bersama menyiapkan penulisan tesis ini sehingga ke penamatnya. Terima kasih juga di atas pengalaman pahit dan manis yang berjaya ditempuhi bersama sewaktu menyiapkan penulisan tesis masing-masing.

Akhir kalam, terima kasih diungkapkan kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung di atas segala bantuan, cadangan, sumbangan dan kerjasama yang telah diberikan dalam menjayakan penulisan tesis ini. Semoga Allah SWT membalas segala budi dan jasa luhur yang telah diberikan oleh kalian semua kepada saya sepanjang tempoh pelaksanaan penulisan tesis ini. Sekian, terima kasih.

Aisyah Humaira

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

2022

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRAK

Peribahasa merupakan harta kekayaan genre kesusasteraan tradisional yang amat bernilai bagi masyarakat Melayu. Keintelektualan pemikiran masyarakat Melayu yang tidak bertepi dalam mengamati keindahan alam sekeliling telah melahirkan ungkapan peribahasa seperti pepatah, bidalan, perumpamaan, simpulan bahasa dan sebagainya. Masyarakat Melayu memanasifestasikan alam sebagai lambang atau simbol kepada sesuatu perihal, objek mahupun perwatakan manusia menerusi peribahasa dengan cara penyampaian yang halus dan berbudi bahasa. Perlambangan alam yang digunakan dalam peribahasa mengandungi keindahannya tersendiri yang perlu dicungkil makna keindahan tersebut secara lebih terperinci. Hal ini dikatakan demikian kerana kurangnya pendedahan dan pengetahuan tambahan kepada masyarakat tentang makna simbol alam dalam peribahasa. Di samping itu, turut berlaku kekurangan kajian tentang peribahasa khususnya dalam aspek keindahan kepada khalayak. Ekoran daripada itu, kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengenal pasti simbol-simbol alam semula jadi dan menganalisis keindahan makna simbol alam semula jadi dalam peribahasa Melayu dengan berpaksikan Teori Keindahan Braginsky. Data kajian diperoleh daripada buku *Kamus Peribahasa Melayu* oleh Sapinah Haji Said (2013) dan *Memahami Asal Usul Peribahasa Melayu* oleh Md Ridzuan Md Nasir (2020). Selain itu, kajian ini menggunakan Teori Keindahan Braginsky untuk menganalisis data kajian menerusi dua pendekatan yakni pendekatan keindahan dalaman yang merujuk kepada aspek asal usul keindahan dan pendekatan keindahan luaran iaitu aspek sifat-sifat *immanen* keindahan serta psikologi persepsi keindahan. Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa makna keindahan simbol alam semula jadi mempunyai hubung kait dengan kekuasaan Allah SWT serta dapat memberi kesan kepada khalayak melalui keindahan penggunaan gaya bahasa yang

digunakan dalam peribahasa. Oleh yang demikian, kajian sebegini diharap dapat dijadikan sumber ilham kepada pengkaji lain untuk memperluas kajian tentang keindahan peribahasa Melayu di samping menjadi wadah kepada semua pihak untuk terus memelihara peribahasa Melayu sebagai suatu aset warisan bangsa Melayu kepada generasi akan datang agar ia tidak terus hilang dimamah zaman.

Kata kunci: keindahan, simbol alam, peribahasa Melayu, Teori Keindahan Braginsky


ABSTRACT

Proverbs are traditional literary genres that are very valuable to the Malay community. The intellectual thinking of the Malay community which has no edge in observing the beauty of the environment has given birth to proverbial expressions such as proverbs, sayings, parables, idioms and so on. Malay community manifests nature as a symbol of a subject, object or human character through proverbs in a subtle and courteous way of delivery. The symbolism of nature used in the proverb contains its own beauty that needs to be explored the meaning of the beauty in more detail. This is said so because lack of exposure and additional knowledge to the community about the meaning of natural symbols in proverbs. In addition, there is also a lack of research proverbs especially in the aspect of beauty to them. As a result, this study aims to identify symbols of nature and analyze the beauty of the meaning of natural symbols in Malay proverbs based on Braginsky's Theory of Beauty. Research data were obtained from the book entitled *Kamus Peribahasa Melayu* by Sapinah Haji Said (2013) and *Memahami Asal Usul Peribahasa Melayu* by Md Ridzuan Md Nasir (2020). In addition, this study uses Braginsky's Theory of Beauty to analyze research data through two approaches namely the internal beauty approach which refers to the origin of beauty and the external beauty approach namely the aspects of the immanent properties of beauty and the psychology of beauty perception. Furthermore, the findings show that the meaning of the beauty of the symbols of nature has a relationship with the power of Allah SWT and can affect the community through the beauty of the use of language style used in proverbs. Therefore, it is hoped that such a study can be a source of inspiration to the other researchers to expand the study of the the beauty of Malay proverbs as well as a platform for all parties to continue preserve Malay proverbs as a heritage asset of the Malay race to future generations so that it does not continue to disappear.


Keywords: beauty, natural symbols, Malay proverbs, Braginsky’s Theory of Beauty



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

	KANDUNGAN	HALAMAN
BAB 1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Permasalahan Kajian	6
1.4	Persoalan Kajian	7
1.5	Objektif Kajian	7
1.6	Kepentingan Kajian	8
1.7	Definisi Konsep	9
1.7.1	Konsep Keindahan	9
1.7.2	Konsep Perlambangan	10
1.7.3	Konsep Alam	11
1.7.4	Konsep Peribahasa	11
1.8	Batasan Kajian	12
1.9	Kesimpulan	13
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	14
2.2	Kajian Lepas Mengenai Perlambangan Alam	15
2.2.1	Tesis Ijazah Doktor Falsafah	15
2.2.2	Tesis Ijazah Sarjana	16

2.2.3	Tesis Ijazah Sarjana Muda	17
2.2.4	Artikel Jurnal	18
2.2.5	Buku	20
2.2.6	Lain-Lain	21
2.3	Kajian Lepas Mengenai Peribahasa Melayu	21
2.3.1	Tesis Ijazah Doktor Falsafah	22
2.3.2	Tesis Ijazah Sarjana	23
2.3.3	Tesis Ijazah Sarjana Muda	25
2.3.4	Artikel Jurnal	26
2.3.5	Buku	29
2.3.6	Lain-Lain	30
2.4	Kajian Lepas Mengenai Teori Keindahan Braginsky	30
2.4.1	Tesis Ijazah Doktor Falsafah	31
2.4.2	Tesis Ijazah Sarjana	32
2.4.3	Tesis Ijazah Sarjana Muda	33
2.4.4	Artikel Jurnal	33
2.4.5	Buku	35
2.4.6	Lain-Lain	36
2.5	Kesimpulan	36

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	38
3.2	Reka Bentuk Kajian	38
3.2.1	Reka Bentuk Kajian Kualitatif	39
3.2.1.1	Kaedah Analisis Teks	40
3.2.1.2	Kaedah Pengumpulan Data	42
3.2.1.3	Kaedah Kepustakaan	42
3.2.1.4	Kaedah Internet	43
3.2.2	Penerapan Teori	44
3.2.2.1	Teori Keindahan Braginsky	44
3.2.2.2	Pendekatan Keindahan Dalaman	45
3.2.2.3	Pendekatan Keindahan Luaran	47
3.3	Kesimpulan	50

BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	52
4.2	Jenis Simbol Alam Semula Jadi	53
4.2.1	Simbol Alam Semula Jadi Hidup	54
4.2.1.1	Simbol Air	54
4.2.1.2	Simbol Hujan	57
4.2.1.3	Simbol Sungai	60
4.2.1.4	Simbol Haiwan	63
4.2.1.5	Simbol Tumbuh-Tumbuhan	66

4.2.1.6 Simbol Tanah	69
4.2.2 Simbol Alam Semula Jadi Bukan Hidup	71
4.2.2.1 Simbol Minyak	72
4.2.2.2 Simbol Batu	75
4.2.2.3 Simbol Emas	77
4.2.2.4 Simbol Besi	80
4.2.2.5 Simbol Kertas	82
4.3 Makna Keindahan Simbol-Simbol Alam Semula Jadi dalam Peribahasa Melayu Melalui Teori Keindahan Braginsky	84
4.3.1 Keindahan Dalaman	85
4.3.1.1 Asal Usul Keindahan	87
4.3.2 Keindahan Luaran	90
4.3.2.1 Sifat-Sifat <i>Immanen</i> Keindahan	93
4.3.2.2 Psikologi Persepsi Keindahan	96
4.4 Kesimpulan	98

BAB 5**KESIMPULAN**

5.1 Pengenalan	100
5.2 Rumusan Kajian	100
5.3 Cadangan Kajian	108

5.3.1	Cadangan Kepada Pengkaji	
	Hadapan	109
5.3.2	Cadangan Kepada Pihak Sekolah	110
5.4	Kesimpulan	111
RUJUKAN		113

SENARAI JADUAL

Jadual 4.1	Kategori Simbol Alam	53
Jadual 4.2	Peribahasa Simbol Air	55
Jadual 4.3	Peribahasa Simbol Hujan	58
Jadual 4.4	Peribahasa Simbol Sungai	61
Jadual 4.5	Peribahasa Simbol Haiwan	64
Jadual 4.6	Peribahasa Simbol Tumbuh-Tumbuhan	67
Jadual 4.7	Peribahasa Simbol Tanah	70
Jadual 4.8	Peribahasa Simbol Minyak	73
Jadual 4.9	Peribahasa Simbol Batu	75
Jadual 4.10	Peribahasa Simbol Emas	78
Jadual 4.11	Peribahasa Simbol Besi	80
Jadual 4.12	Peribahasa Simbol Kertas	83
Jadual 5.1	Pengkelasan Simbol Alam Semula Jadi	105

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan beberapa perkara utama berkaitan langsung dengan tajuk kajian mengikut kronologi yang telah ditetapkan iaitu bermula dengan latar belakang kajian. Dalam latar belakang kajian, pengkaji akan membincangkan mengenai keindahan perlambangan alam semula jadi yang terdapat dalam ungkapan peribahasa Melayu untuk memberi gambaran secara lebih terperinci berkaitan tajuk kajian. Peribahasa yang merupakan salah satu genre kesusasteraan ini seringkali digunakan oleh masyarakat dalam kehidupan seharian seperti dalam konteks pembelajaran di peringkat sekolah mahupun IPT, upacara dan adat perkahwinan serta tidak terkecuali dalam penggunaan bahasa sehari-hari. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan membincangkan dengan lebih khusus mengenai tajuk kajian serta menerangkan secara ringkas teori yang akan digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini.

Menurut Harun Mat Piah et al (2006: 6) kesusasteraan membawa maksud segala suatu penghasilan karya kesusasteraan yang dijiwai, dihayati dan disampaikan baik melalui penulisan dan pembacaan ataupun melalui lisan dan pendengaran. Pernyataan itu selari dengan pandangan M.K Danziger dan W.S Jahnsen (1983: 2), memberi definisi bahawa sastera sebagai satu hasil yang menggunakan kata-kata dalam bentuk tulisan mahupun lisan. Sehubungan dengan itu, kesusasteraan Melayu telah diklasifikasikan kepada dua jenis iaitu kesusasteraan Melayu tradisional dan kesusasteraan Melayu moden (Arba'ie et al, 2008: 8). Kesusasteraan Melayu tradisional terdiri daripada dua genre iaitu genre prosa dan genre puisi. Puisi Melayu tradisional terbahagi kepada beberapa bentuk puisi iaitu pantun, peribahasa, syair, gurindam,

seloka, talibun, teromba, nazam dan banyak lagi (Rosli Saludin, 2000: 10). Oleh yang demikian, kajian ini hanya memfokuskan peribahasa Melayu yang terdapat dalam genre puisi Melayu tradisional.

Seperti yang diketahui umum, puisi Melayu tradisional telah wujud sebelum bermulanya sistem penulisan lagi dan ianya merupakan warisan Melayu yang amat unik. Puisi dicipta tidak hanya berakar pada jiwa masyarakat sebagai hasil karya seni sahaja, namun menjadi sebagai satu cara untuk melestarikan adat, membentuk keperibadian diri serta menyebarkan bentuk-bentuk agama dan pengetahuan termasuklah sebagai hiburan, pertahanan dan kepercayaan (A. Halim Ali, 2004: 2). Hal ini demikian kerana, karya kesusasteraan tidak dihasilkan oleh kekosongan, namun ianya dihasilkan di bawah dorongan tertentu dengan menggunakan sumber-sumber yang wujud di persekitaran (Arba'ie et al, 2008: 5). Oleh yang demikian, peribahasa Melayu adalah satu bahagian penting dalam genre puisi yang mencerminkan kehebatan orang Melayu dalam terhasilnya sesuatu peribahasa. Menurut Junaini Kesdan et al, 2016), keindahan peribahasa Melayu bukan sekadar terpancar menerusi susunan kata-kata dan makna perlambangannya, tetapi yang lebih penting adalah peribahasa Melayu itu sendiri merupakan gambaran tingkah laku serta ketinggian ilmu dan falsafah yang lahir daripada daya fikir orang Melayu. Hal ini dikatakan sedemikian kerana tahap buah fikiran orang Melayu terhadap alam di sekeliling mereka dalam mencipta peribahasa Melayu adalah tidak dapat dinafikan atau disangkal oleh sesiapa pun.

Seterusnya, dalam bab ini akan membincangkan mengenai permasalahan kajian atau isu-isu yang menjadi sebab utama kepada pelaksanaan kajian ini. Setiap kajian yang akan dilaksanakan pastinya mempunyai isu atau masalah yang mendorong pengkaji melaksanakan kajian ini bagi menyelesaikan permasalahan yang timbul tersebut. Permasalahan kajian ini dikemukakan berdasarkan pemerhatian oleh pengkaji berkaitan tajuk kajian yang dilakukan

serta tinjauan literatur daripada penyelidikan lepas yang dikaji oleh pengkaji lain. Di samping itu, aspek persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, definisi konsep batasan kajian turut menjadi aspek utama dalam perbincangan bab ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Peribahasa merupakan sebuah aset yang tidak ternilai harganya dalam kesusasteraan Melayu tradisional kepada masyarakat pada zaman terdahulu dan ianya masih lagi digunakan serta diamalkan sehingga kini. Terdapat banyak perkara menarik mengenai peribahasa Melayu yang amat berkait rapat dengan kehidupan masyarakat sehingga dapat dikatakan sebagai teman akrab (Noraini Shukor, 2016). Gambaran alam semesta yang terdapat dalam peribahasa telah memberi inspirasi kepada masyarakat pada masa lalu dalam menghasilkan ungkapan peribahasa (Muhammad Afandi Yahya, 1995). Ini menunjukkan bahawa kehidupan manusia pada masa lalu sangat berkait rapat dengan alam semesta. Sesungguhnya, alam semesta berfungsi untuk memenuhi keperluan harian masyarakat dalam menjalani kehidupan. Alam semesta berfungsi sebagai cerminan kehidupan manusia dan ia menjadi guru yang tidak ternilai.

Selanjutnya, pandangan dan pemerhatian mengenai sifat-sifat ini akan menghasilkan beberapa pengetahuan yang tidak ternilai. Setiap peribahasa yang terhasil mempunyai makna yang tersurat dan tersirat. Selain itu, hutan menjadi tempat beribu-ribu spesies tumbuhan, haiwan, dan burung menjalani kehidupan dan mereka telah menjadi sebahagian dari pengetahuan yang dikumpulkan dari kehidupan individu dalam memberi banyak pengalaman kepada masyarakat (Ishak Ramly, 1990). Kepelbagaian ciri alam mempunyai beberapa persamaan dengan watak dan tingkah laku manusia. Tumbuhan, haiwan serta cakerawala

dalam peribahasa mewakili pelbagai simbol. Simbol tumbuhan dan haiwan dapat dibahagikan kepada beberapa jenis simbol berdasarkan kekerapan menggunakan simbol yang terdapat dalam peribahasa. Tanda dan simbol berfungsi dalam menamakan atau melabel sesuatu objek dan perkara. Menurut Tenas Efendy (2003), peribahasa menjadi penting apabila makna yang disampaikan menerusi lambang atau simbol yang menjadi pokok dalam peribahasa dapat difahami oleh masyarakat.

Kajian mengenai sastera Melayu tradisional yang berkaitan dengan puisi seperti pantun, syair, gurindam, teromba, sajak dan termasuk peribahasa telah banyak dilakukan. Sebilangan besar pengkaji meneroka kebijaksanaan berfikir masyarakat Melayu dari sudut struktur dan ideologi yang terdapat dalam karya sastera lisan ini. Walau bagaimanapun, kajian mengenai keindahan perlambangan dan makna perlambangan alam belum meluas dikaji oleh pengkaji lain. Sehubungan dengan itu, kajian ini memilih salah satu dari genre kesusasteraan iaitu peribahasa untuk dijadikan sebagai tajuk bagi pelaksanaan kajian ini. Kajian dilakukan adalah bagi memfokuskan mengenai simbol alam yang terdapat dalam peribahasa sebagai perlambangan kepada sesuatu perkara atau objek. Fokus utama kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti simbol alam semula jadi serta menganalisis makna simbol alam semula jadi hidup dan bukan hidup yang berkait rapat dengan kehidupan manusia secara lebih terperinci.

Peribahasa merupakan sebuah penyusunan kata yang disampaikan secara berkias dan beralas dengan memiliki berbagai makna yang tersirat. Sebilangan orang menggolongkan peribahasa menjadi pepatah, bidalan, perumpamaan dan perbilang (Za'ba, 2002). Menurut definisi Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2005), peribahasa dapat diterjemahkan sebagai ayat atau kumpulan kata dengan urutan tetap dan makna tertentu yang mencerminkan budaya sesebuah masyarakat. Peribahasa memainkan peranan penting dalam hidup bermasyarakat. Ia menjadi sebagai medium dalam memberi nasihat, peringatan dan

membuat perbandingan secara berkias. Hal ini disebabkan kerana, masyarakat ketika dahulu amat berhati-hati dalam setiap tutur kata yang disampaikan, bijak dalam berbahasa, beradab serta memelihara hubungan antara sesama anggota masyarakat yang lainnya.

Seterusnya, alam amat rapat dengan manusia sebagaimana teman rapat yang seringkali ada walau di mana sahaja. Begitulah gambaran yang dapat diberikan terhadap alam dengan masyarakat. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005, p.30) memberikan definisi bahawa alam adalah semua benda yang hidup dan mati yang ada tanpa dicipta oleh manusia di muka bumi mahupun sebahagian darinya. Kata alam biasanya dikaitkan dengan kata sekitar dan kata semester serta mempunyai makna yang lebih pekat dan dan lebih luas. Selain itu, alam sekitar atau persekitaran adalah bahagian yang tidak terpisahkan dari kehidupan di bumi, sekitar kehidupan di laut, udara dan darat.

Berdasarkan kajian dilakukan, pengkaji memilih untuk menggunakan teori Keindahan Braginsky bagi mengukuhkan lagi kajian ini. Teori ini digunakan oleh pengkaji untuk menganalisis makna simbol alam semula jadi yang hidup dan bukan hidup yang terkandung dalam peribahasa Melayu untuk mencungkil keindahan yang ada di sebalik makna tersebut. Bersesuaian dengan kata estetika, ia merujuk kepada sesuatu yang diserap oleh pancaindera atau lebih khusus lagi, kepekaan manusia terhadap apa yang dilihatnya (Braginsky, 1994). Keindahan sering digunakan dalam penyelidikan falsafah untuk melihat dan mengkaji keindahan atau estetika terhadap sesuatu perkara, objek atau benda. Dalam teori ini juga, Braginsky turut menyatakan konsep keindahan dalaman dan luaran berdasarkan pandangan Abd al-Karim al-Jili yakni seorang penganut aliran sufi Wahdatul al-Wujud.

1.3 Permasalahan Kajian

Alam dianggap sebagai teman rapat dengan manusia kerana banyak memberi manfaat dan kebaikan dalam kehidupan harian masyarakat. Alam terbahagi kepada tumbuh-tumbuhan, haiwan, alam semesta dan cakrawala. Simbol-simbol alam inilah yang banyak digunakan oleh masyarakat dalam mewujudkan sesebuah peribahasa. Namun demikian, makna simbol alam dalam peribahasa Melayu ini kurang diberi pendedahan dengan lebih terperinci tentang asal terjadinya ungkapan peribahasa tersebut kepada masyarakat terutamanya dalam golongan anak muda kini. Menurut Edwar D. (1985), peribahasa tidak mendapat banyak perhatian disebabkan oleh wujudnya andaian bahawa peribahasa merupakan bahasa kuno yang lazimnya digunakan oleh golongan tua dalam majlis tertentu.

Selain itu, bidang kesusasteraan tidak kesemuanya dikenali dan dipelajari oleh golongan masyarakat. Justeru, wujudnya masyarakat yang kurang berpengetahuan dalam bidang kesusasteraan pastinya menjurus kepada ketidakjelasan akan pemaknaan sesebuah peribahasa yang menjadikan alam sebagai perlambangan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, kajian mengenai peribahasa Melayu didapati masih belum meluas dan menyebabkan masyarakat tidak dapat menelaahnya dengan lebih mendalam. Tambahan lagi, pembelajaran mengenai peribahasa Melayu secara khususnya hanya didedahkan kepada golongan pelajar di sekolah rendah dan sekolah menengah sahaja.

Selanjutnya, kekurangan kajian terhadap peribahasa Melayu dalam genre kesusasteraan juga akan menyebabkan lama-kelamaan ianya dilupakan oleh generasi yang akan datang. Tambahan lagi, jika masyarakat tidak lagi mengenali dan menggunakan peribahasa Melayu pastinya negara akan kehilangan warisan sastera yang menjadi sebagai sebuah aset atau khazanah bagi sesebuah negara. Oleh itu, kajian ini dilakukan adalah untuk menjelaskan

dengan lebih terperinci mengenai simbol-simbol alam semula jadi yang hidup dan bukan hidup dalam peribahasa Melayu serta menganalisis makna simbol alam yang berkait rapat dengan kehidupan masyarakat dengan menggunakan Teori Keindahan Braginsky. Melalui pengaplikasian Teori Keindahan Braginsky, pengkaji akan menyentuh keindahan yang merujuk kepada hubungan alam dengan manusia dan Tuhan bagi memperlihatkan kepada masyarakat tentang keindahan yang tersembunyi di sebalik makna tersurat dan tersirat simbol alam dalam sesebuah ungkapan peribahasa Melayu.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini akan mengetengahkan dua persoalan yang akan dijawab oleh pengkaji menerusi kajian ini iaitu:

- i. Apakah simbol-simbol alam semula jadi yang terkandung dalam peribahasa Melayu?
- ii. Bagaimanakah makna simbol-simbol alam semula jadi dalam peribahasa Melayu berkait rapat dengan kehidupan masyarakat?

1.5 Objektif Kajian

Dua objektif yang akan dikemukakan dalam kajian ini, iaitu:

- i. Mengenal pasti simbol-simbol alam semula jadi yang terkandung dalam peribahasa Melayu.

- ii. Menganalisis makna simbol-simbol alam semula jadi dalam peribahasa Melayu melalui Teori Keindahan Braginsky.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan penting bagi mengenal pasti simbol-simbol berkaitan alam flora, fauna dan cakrawala yang terkandung dalam ungkapan peribahasa Melayu yang mana secara tidak langsung memberi pengetahuan kepada seseorang individu tentang makna suatu simbol yang digunakan tersebut. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, pengkaji secara langsung mendalami asal-usul, simbol peribahasa Melayu serta maknanya dalam analisis teks, buku dan kamus yang akan digunakan bagi menentukan tema-tema peribahasa Melayu kemudian memperjelaskan dengan lebih terperinci dalam kajian yang akan dilaksanakan ini.

Di samping itu, kajian ini juga penting untuk memberi peluang kepada khalayak masyarakat supaya memahami makna-makna simbol alam yang berkaitan flora, fauna dan cakrawala dengan lebih mendalam selain memperlihatkan keindahan di sebalik simbol alam yang digunakan dalam peribahasa tersebut sekaligus mengaplikasikannya dalam kehidupan sehari-hari. Pengkaji juga akan membincangkan hubungan alam dengan manusia sehingga dapat menghasilkan peribahasa yang mempunyai kaitan dengan kehidupan masyarakat. Akhir sekali, kajian ini dijalankan supaya dapat memperluaskan lagi kajian tentang peribahasa Melayu dan dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji-pengkaji lain khususnya pelajar di peringkat IPT yang akan melakukan kajian berkaitan peribahasa di masa akan datang mahupun dalam pembelajaran.

1.7 Definisi Konsep

Dalam kajian ini, beberapa konsep yang digunakan akan didefinisikan oleh pengkaji dengan mengambil pandangan oleh para ahli, sarjana, kamus dewan ataupun Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka bagi memperjelaskan konsep-konsep tersebut supaya khalayak dapat memahami terlebih dahulu konsep atau istilah yang digunakan dalam kajian ini. Konsep yang akan didefinisikan adalah seperti berikut:

1.7.1 Konsep Keindahan

Pada umumnya, keindahan boleh dimaksudkan dengan sesuatu perkara atau objek yang kelihatan indah dari pelbagai aspek. Keindahan juga dikenali dengan perkataan estetika atau estetik yang membawa kepada satu persamaan makna yakni sesuatu yang indah. Keindahan merupakan suatu sifat atau inti dari sesuatu perkara yang apabila dilihat perkara atau objek tersebut memberikan satu perasaan yang menyenangkan. Menurut *Kamus Besar Bahasa Indonesia* keindahan didefinisikan sebagai keadaan kesenangan, kecantikan, keaslian atau keanggunan. Kajian keindahan adalah sebahagian daripada estetika, sosiologi, psikologi sosial dan budaya. Keindahan yang ideal adalah identiti yang dikagumi atau mempunyai ciri-ciri yang berkaitan dengan keindahan. Segala sesuatu yang membuat individu atau hati seseorang berasa kagum, teruja atau gembira akan suatu pesona yang dilihat juga adalah merupakan makna lain bagi keindahan.

Konsep keindahan mempunyai makna yang tersendiri dalam menggambarkan sesuatu keindahan. Bertepatan dengan tajuk kajian yang ingin melihat keindahan di sebalik lambang

atau simbol alam dalam peribahasa jelas menunjukkan bahawa setiap objek dan ungkapan peribahasa mempunyai unsur keindahan baik secara ekstrinsik mahupun intrinsik. Keindahan juga mempunyai pembahagiannya yakni keindahan alam, keindahan rohani dan keindahan jasmani. Menurut Drs. Hartono dalam bukunya yang bertajuk *Ilmu Budaya Dasar* (1986; 34) menyatakan bahawa maksud keindahan itu bagus, cantik, elok dan anggun. Benda yang mempunyai sifat indah adalah hasil seni seperti pemandangan alam semula jadi, manusia, rumah, suara, warna dan sebagainya. Selain itu, Alexandar Baurgarten yang merupakan ahli falsafah dari Jerman pula menyatakan bahawa keindahan dilihat secara menyeluruh, bahagiannya disusun dengan teratur dan bahagian-bahagian ini saling berkaitan antara satu sama lain dan juga secara menyeluruh.

1.7.2 Konsep Perlambangan

Perlambangan ialah satu perkataan yang digunakan bagi menggambarkan sesuatu perkara, objek atau benda. Istilah perlambangan juga boleh digantikan dengan perkataan simbol dan tanda. Seperti yang dilihat, kajian ini menggunakan istilah perlambangan alam yakni merujuk kepada simbol di antara alam dengan manusia. Istilah perlambangan boleh digunakan dalam pengertian yang luas. Namun begitu, perlambangan dan contoh perbandingan kerap digunakan dalam puisi Melayu moden khususnya peribahasa. Penggunaan lambang dan simbol adalah merupakan salah satu elemen penting dalam dalam sesebuah puisi bahkan dalam Al-Quran juga mengandungi perlambangan untuk menjelaskan sesuatu ayat. Kitab suci Al-Quran yang diturunkan dengan keindahan ayat-ayat yang mengandungi makna simbolik atau perlambangan seperti yang dijelaskan dalam ayat yang bermaksud, “Demi sesungguhnya!

Kami telah mengemukakan kepada umat manusia berbagai missal perbandingan dalam Al - Quran supaya mereka mengambil peringatan dan pelajaran” (Surah Az-zumar: 27).

1.7.3 Konsep Alam

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005, p.30) memberikan definisi bahawa alam adalah semua benda yang hidup dan mati yang ada tanpa dicipta oleh manusia di muka bumi mahupun sebahagian darinya. Dalam erti lain adalah persekitaran tanpa aktiviti manusia. Kata alam biasanya dikaitkan dengan kata sekitar, semula jadi dan semesta serta mempunyai makna yang lebih pekat dan dan lebih luas. Kata alam tidak berseorangan kerana ianya sering kali digabungkan menjadi istilah alam semula jadi. Alam semula jadi merujuk kepada bahagian yang tidak terpisahkan dari kehidupan di bumi, sekitar kehidupan di laut, udara dan darat. Alam semula jadi merupakan objek yang mengandungi sifat keindahan yang sering dikaitkan dengan manusia. Dalam konteks Islam juga keindahan alam semula jadi menggambarkan keindahan Tuhan yang menciptanya.

1.7.4 Konsep Peribahasa

Peribahasa merujuk kepada suatu ayat yang ingin disampaikan secara berkias atau berlapis tanpa menimbulkan perasaan tersinggung kepada orang lain yakni yang mendengarnya. Wolfgang dan Mieder (2004) mendefinisikan peribahasa sebagai satu ayat pendek yang mempunyai peraturan yang berkaitan dengan kebijaksanaan, kebenaran dan pengajaran. Unsur metafora yang digunakan adalah berbentuk tradisional dan tetap. Peribahasa juga merupakan sastera lisan yang diturunkan dari generasi ke generasi. Definisi ini

mempunyai persamaan dengan definisi yang dinyatakan oleh Sapinah Haji Said (2004) bahawa peribahasa merupakan ayat yang disusun pendek mengikut makna yang diturunkan secara turun temurun. Manakala Kaujien (1991) pula menyatakan peribahasa sebagai ayat pendek yang mengandungi kebenaran dan kata-kata moral yang digunakan dalam kiasan.

1.8 Batasan Kajian

Batasan kajian adalah spesifikasi utama dalam sesuatu kajian yang ingin dilakukan. Kajian ini akan dijalankan berdasarkan rujukan teks *Memahami Asal Usul Peribahasa Melayu* oleh Mohd Ridzuan Md Nasir dan juga *Kamus Peribahasa Melayu* oleh Sapinah Haji Said. Dalam kajian ini, fokus utamanya adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis makna simbol-simbol alam semula jadi hidup dan bukan hidup yang terkandung dalam peribahasa Melayu yang berkait rapat dengan kehidupan masyarakat. Melalui Kamus Peribahasa Melayu yang memiliki lebih daripada 3000 ungkapan peribahasa ini dapat dijadikan sebagai pilihan oleh pengkaji dalam memilih ungkapan peribahasa Melayu yang mempunyai unsur atau simbol yang melambangkan alam semula jadi di dalamnya.

Seterusnya, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan menganalisis dua buah teks yang berkaitan peribahasa Melayu tersebut. Selain itu, kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu turut diteliti oleh pengkaji menerusi tujuan literatur bagi mendapatkan data sokongan dan tambahan terhadap kajian yang akan dilakukan. Kajian ini hanya menyenaraikan 11 simbol-simbol alam semula jadi hidup dan bukan hidup yang dipecahkan kepada enam simbol alam semula jadi hidup dan enam alam semula jadi bukan hidup. Simbol alam semula jadi tersebut akan dilihat menerusi simbol tumbuh-tumbuhan, haiwan dan alam cakrawala untuk dianalisis maknanya secara lebih terperinci dengan

menggunakan Teori Keindahan Braginsky. Teori yang membincangkan tentang keindahan ini digunakan oleh pengkaji dalam analisis makna simbol alam semula jadi yang berhubung kait antara alam dengan manusia dengan menggunakan dua pendekatan iaitu pendekatan keindahan dalaman dan keindahan luaran melalui teori tersebut. Dengan ini, secara tidak langsung dapat memperjelaskan kepada khalayak masyarakat mengenai simbol alam semula jadi tersebut mempunyai keindahan makna tersurat dan tersirat di dalamnya yang mempunyai perkaitan rapat dengan kehidupan manusia sejak dahulu kala sehinggalah kini.

1.9 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dalam bab ini membincangkan bahawa peribahasa adalah merupakan satu khazanah warisan sastera yang tinggi nilainya dalam kalangan masyarakat Melayu. Peribahasa dan alam diibaratkan sebagai teman akrab yang saling memerlukan antara satu sama lain. Peribahasa mengandungi keindahan intrinsik dan ekstrinsik baik dari maknanya mahupun simbol alam yang dijadikan sebagai perlambangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemikiran dan persekitaran masyarakat dahulu mengenai alam menghasilkan nilai keindahan yang tinggi dengan kehidupan masyarakat. Namun begitu, segelintir masyarakat yang menggunakan peribahasa dalam kehidupan seharian tidak begitu mengetahui nilai keindahan di sebalik makna hubungan alam dengan manusia. Justeru, pengkaji telah menyusun permulaan kronologi kajian dalam bab satu ini supaya dapat memperlihatkan kepada pembaca secara umum terhadap apa yang ingin dikaji oleh pengkaji.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Dalam bab dua ini akan dibincangkan oleh pengkaji mengenai kajian literatur dari sudut sorotan kajian-kajian lepas dan kerangka teori yang akan digunakan dalam pelaksanaan kajian ini. Pengkaji akan melampirkan beberapa kajian terdahulu yang telah dilakukan oleh para pengkaji lain mengikut tema perlambangan alam, peribahasa Melayu dan Teori Keindahan Braginsky. Tinjauan literatur atau sorotan kajian penting dalam sesebuah penyelidikan. Tujuan kajian lepas dilakukan adalah bagi mengkaji sejauh mana para pengkaji lain telah menulis berkaitan dengan kajian yang akan dilakukan ini. Selain itu, kajian lepas adalah maklumat yang membolehkan pengkaji memahami latar sesebuah kajian itu serta berfungsi sebagai gambaran kepada kajian yang akan dilakukan. Sebenarnya, sorotan kajian lepas berperanan dalam memberikan maklumat mengenai perkembangan yang terjadi dalam kajian yang akan dilakukan. Justeru, sorotan kajian lepas atau tinjauan literatur yang akan disenaraikan ini amatlah membantu pengkaji untuk mengkaji sudut atau aspek yang masih belum ditulis oleh para pengkaji lain. Berdasarkan sorotan kajian lepas yang disenaraikan ini, pengkaji akan melihat kesesuaian dan kerelevanannya dalam kajian yang akan dilakukan.

2.2 Kajian Lepas Mengenai Perlambangan Alam

Perlambangan bermaksud simbolisme atau simbol. Ia merupakan satu kata dasar dalam bahasa Melayu, manakala perkataan simbol pula adalah kata dasar dalam bahasa Inggeris (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009). Perlambangan alam merujuk kepada simbol alam bagi mendukung makna yang berlainan atau menerangkan sesuatu perkara. Masyarakat dahulu kala sering menggunakan perlambangan alam ini dalam menghasilkan peribahasa Melayu yang masih digunakan sehingga ke hari ini. Oleh itu, kajian ini akan meneliti dan menyenaraikan kajian-kajian yang berkaitan perlambangan alam menerusi pelbagai simbol alam semulajadi yang terdiri dari flora dan fauna, air, tanah dan cakrawala. Kajian ini akan melihat kajian-kajian terdahulu melalui penulisan tesis, artikel jurnal, buku, majalah dan lain-lain untuk dijadikan rujukan serta maklumat tambahan terhadap kajian yang akan dilakukan.

2.2.1 Tesis Ijazah Doktor Falsafah

Kajian mengenai perlambangan alam dalam tesis Ijazah Doktor Falsafah didapati belum meluas lagi. Pengkaji menjumpai satu kajian tesis oleh Kasmaizun Enuni binti Mohd Sarji (2018) dari Universiti Putra Malaysia telah menyiapkan tesis kedoktorannya yang bertajuk *Unsur Alam dalam Cerpen Pilihan Siti Zainon Ismail*. Kekuatan dalam kajian ini adalah ia berfokus kepada pengenalpastian unsur alam flora, fauna, tanah, air dan cakrawala, penganalisisan makna unsur alam serta membuat rumusan tentang kepengaruhan pengungkapan unsur alam dalam kumpulan cerpen pilihan Siti Zainon Ismail. Tiga kumpulan cerpen karya Siti Zainon Ismail telah dipilih oleh pengkaji sebagai data dan bahan kajian iaitu kumpulan cerpen *Julai Palma* (2001), *Piazza Di Spagna* (2005), dan *Rindu Pala Muda* (2006).

Kajian ini telah menggunakan teori Konseptual Kata Kunci yang dikemukakan oleh Mohamad Mokhtar Hassan untuk melihat konsepsi pengarang terhadap alam yang telah dijelaskan melalui prinsip pemilihan kata. Kasmaizun Enuni telah berjaya mencapai objektif kajiannya dengan penemuan 18 unsur alam yang terdiri daripada lapan unsur alam flora, lapan unsur alam fauna, empat unsur alam tanah, tiga unsur alam air dan yang terakhir tiga unsur alam cakrawala. Berbanding dengan kajian yang akan dilakukan, pengkaji memilih 12 simbol alam yang terdiri dari enam simbol alam semula jadi hidup dan enam simbol alam semula jadi bukan hidup.

2.2.2 Tesis Ijazah Sarjana

Kajian mengenai perlambangan alam telah dikaji oleh para pengkaji lain khususnya pengkaji dalam bidang kesusasteraan di peringkat sarjana. Kajian yang bertajuk *Penggunaan Unsur Alam sebagai Perlambangan dalam Puisi Melayu Moden* telah dilakukan oleh sasterawan negara, Zurinah Hassan dalam tesis ijazahnya di peringkat Sarjana pada tahun 2001. Dalam kajian ini, beliau menyatakan perlambangan merupakan satu aspek penting untuk menulis puisi. Dalam pengertiannya yang luas, istilah perlambangan atau simbolisme merujuk kepada penggunaan kata untuk membawa lebih banyak makna dan makna umum. Simbolisme berlaku apabila suatu kata dikaitkan dengan objek atau pemikiran lain dan kebiasaannya muncul dalam bentuk kiasan (metafora), perumpamaan (simili) dan keperibadian (personifikasi). Penyelidikan ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti dan menentukan sumber kiasan, persamaan dan keperibadian tersebut. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya berfokus kepada penggunaan alam yang menjadi lambang utama dalam penghasilan sajak manakala kajian yang akan dilakukan adalah berfokus kepada keindahan perlambangan alam dalam peribahasa Melayu.

Zaitun binti Hasan (2015), menerusi tesis Ijazah Sarjana yang bertajuk *Manifestasi Citra Alam dalam Novel Ombak Bukan Penghalang* membincangkan tentang naratif yang terdapat dalam novel Osman Ayob bagi membuat penelitian terhadap unsur-unsur alam. Hal ini demikian kerana, alam dikatakan sudah sehati dengan diri seseorang pengarang atau pengkarya untuk menghasilkan sebuah karya yang mempunyai nilai mutu yang tinggi, berkualiti dan dapat memberi tarikan kepada khalayak pembaca. Justeru, tidak hairanlah jika unsur alam sering didapati dalam genre kesusasteraan. Kajian ini dilakukan untuk menganalisis penggunaan unsur alam sebagai citra melalui aspek persoalan, gaya bahasa, perwatakan dan plot cerita dalam novel tersebut. Kajian ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu untuk menganalisis kajiannya menerusi pendekatan Firasat Melayu yang telah diperkenalkan oleh Hashim Awang (1994) sedangkan pengkaji akan menggunakan teori Keindahan oleh Braginsky sebagai proses penganalisan kajian.

2.2.3 Tesis Ijazah Sarjana Muda

Berdasarkan penelitian pengkaji sepanjang melaksanakan kajian di peringkat ini, pengkaji tidak menjumpai sebarang sumber kajian lepas yang dilakukan oleh para pengkaji terdahulu dalam tesis Ijazah Sarjana Muda yang berkaitan dengan tema kajian iaitu perlambangan alam. Jika terdapat kajian lepas berkaitan tema yang dikaji oleh pengkaji di peringkat ini, kemungkinan pengkaji terlepas pandang semasa pelaksanaan kajian dilakukan dan ianya merupakan kelemahan dari pengkaji sendiri. Bagi pengetahuan umum, semasa pelaksanaan kajian, dunia telah mengalami satu wabak penyakit berjangkit yang dikenali sebagai Covid-19 atau *coronavirus*. Oleh itu, kerajaan menjalankan Kawalan Perintah Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan wabak tersebut dan PKP ini masih dilaksanakan semasa tempoh pelaksanaan kajian ini. Hal ini merupakan salah satu faktor yang

telah menjadi keangan bagi pengkaji untuk mendapatkan data kajian-kajian lepas dalam tesis di peringkat Ijazah Sarjana Muda ini.

2.2.4 Artikel Jurnal

Seterusnya, kajian yang berkaitan perlambangan alam turut dilakukan oleh Saidatul Nornis Haji Mahali dan Mohd. Rasdi Saamah menerusi artikel jurnal pada tahun 2013 yang berjudul *Haiwan sebagai Perlambangan dalam Peribahasa Orang Semai*. Kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji unsur-unsur haiwan dalam peribahasa suku masyarakat Semai dengan mengaplikasikan pendekatan komunikasi etnografi yang diasaskan oleh Hymes pada tahun 1972. Kajian ini memfokuskan kepada 4 aspek utama iaitu penerangan keadaan, cara pemakaian, struktur serta peranan sesuatu aktiviti yang melibatkan pertuturan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa simbol peribahasa yang kebiasaannya digunakan oleh kaum Semai mempunyai banyak unsur tumbuhan dan haiwan dalam kehidupan seharian mereka. Kedua-dua pengkaji ini hanya memilih unsur haiwan yang terdapat dalam peribahasa orang Semai menerusi kajian mereka. Hal ini berbeza dengan pengkaji yang memilih 12 alam semula jadi yang mempunyai lambang atau simbol alam dalam peribahasa Melayu dan bukan peribahasa orang Semai.

Tuan Rusmawati Raja Hassan (2021) melalui artikel jurnal yang bertajuk *Alam dan Perlambangan dalam Cerpen-Cerpen Pilihan S.Othman Kelantan* telah membincangkan mengenai unsur alam yang berkait rapat dengan pengarang. Kajian ini menganalisis unsur flora dan fauna berdasarkan lima buah cerpen S.Othman Kelantan yang telah dimuatkan dalam Kumpulan Cerpen Berjalan-Jalan Di Sini (2004) iaitu *Dedalu* (1970), *Angin Timur Laut* (1967), *Pahlawan Lembu* (1969), *Riang Bagaikan Burung-Burung* (1970) dan *Bintang*

Kemilau (2001) dengan menggunakan pendekatan Semiotik oleh Charles Sander Pierce. Fokus utama pengkaji dalam proses menganalisa teks S.Othman Kelantan adalah untuk mencari dan menilai tanda-tanda yang digunakan menerusi ikon, indeks dan simbol. Pendekatan Semiotik yang dipilih oleh pengkaji dalam kajian ini amat sesuai untuk membahaskan setiap unsur alam yang digunakan oleh S.Othman Kelantan terhadap hasil karya beliau. Kajian ini memilih alam sebagai perlambangan dalam cerpen S.Othman Kelantan dengan melihat dari tiga aspek iaitu ikon, indeks dan simbol sedangkan pengkaji pula memilih peribahasa Melayu untuk melihat keindahan perlambangan alam semula jadi melalui dua pendekatan keindahan yang dikemukakan oleh Braginsky.

Russel Dundang Anak Jeffrey dan Mary Fatimah Subet (2018) menerusi kajian artikel yang bertajuk *Unsur Alam dalam Peribahasa Iban (Jaku' Sempama): Satu Analisis Semantik Inkuisitif* membuat penelitian terhadap unsur-unsur alam yang terkandung dalam peribahasa Iban. Masyarakat Iban menggunakan peribahasa dalam memberi nasihat dan teguran kepada org lain sekaligus menggambarkan keperibadian masyarakat itu yang sangat menjaga kesantunan bahasa. Kajian ini menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif untuk menganalisis akal budi dan falsafah masyarakat Iban dalam penciptaan peribahasa Iban berdasarkan dua objektif kajian yang telah dikemukakan. Pendekatan Semantik Inkuisitif telah digunapakai oleh pengkaji untuk memberi penjelasan mengenai makna, kognitif dan memasukkan falsafah serta akal budi masyarakat Iban berkaitan peribahasa yang telah dipilih. Unsur alam yang dianalisis oleh pengkaji adalah berdasarkan empat domain iaitu haiwan, tumbuhan, sumber tenaga dan alam semesta. Berbeza dengan kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji iaitu menggunakan enam simbol alam semula jadi hidup dan enam simbol alam semula jadi bukan hidup menerusi peribahasa Melayu untuk melihat keindahan hubungan alam dengan manusia.

Selain itu, kajian berkaitan perlambangan alam turut dilakukan oleh Salinah Jaafar (2017) menerusi artikel jurnal beliau yang bertajuk *Unsur Alam dan Masyarakat dalam Teks Terjemahan Bahasa Melayu Surah ar-Rahman*. Perlambangan alam sering digunakan untuk mengekspresikan idea pemikiran dan makna mengenai amalan, kepercayaan dan budaya masyarakat. Kajian ini menjelaskan bahawa segala sesuatu yang terjadi dalam kehidupan manusia tidak dapat dipisahkan dari alam. Alam boleh merujuk kepada alam semesta, cakrawala, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan sebagainya. Selain itu, masyarakat yang beragama Islam hidup dalam landasan ajaran Islam serta mengaplikasikan ajaran Islam dalam kehidupan seharian. Masyarakat yang beragama Islam juga mempelajari al-Quran dengan membaca dan memahami makna pada setiap ayat yang terkandung dalam al-Quran. Berdasarkan pernyataan tersebut, maka kajian ini telah memfokuskan kepada teks terjemahan surah ar-Rahman yang mengandungi 78 ayat dan pelbagai unsur alam di dalamnya yang dapat dikaji dalam surah tersebut.

2.2.5 Buku

Kajian berkaitan perlambangan alam telah dilakukan oleh sasterawan negara Zurinah Hassan (2010) melalui bukunya yang bertajuk *Unsur Alam dalam Puisi Melayu Moden* terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian yang dilakukan oleh beliau ini adalah untuk mengkaji genre puisi moden (sajak) dalam hasil kesusasteraan Melayu sekaligus menilai kesesuaian dan ketepatan Teori Pengkaedahan Melayu yang digunakan untuk menganalisis data kajiannya. Alam dan agama Islam merupakan teras kepada penciptaan atau penghasilan kesusasteraan Melayu (Hashim Awang, 1993). Zurinah Hassan telah membuat penelitian dan penganalisisan kajian berdasarkan perkataan-perkataan yang mempunyai unsur dan objek alam melalui penggunaan metafora, simili dan personafikasi dalam puisi moden. Hasil dapatan kajian

memperlihatkan cara unsur alam fizikal diterapkan ke dalam bahasa kias dan ibarat untuk menyampaikan maksud puisi tersebut kepada khalayak pembaca. Kebanyakan maksud puisi mengandungi pengajaran dan menjadi sumber rujukan yang dapat memberi banyak manfaat kepada pembacanya. Tuntasnya, kajian Zurinah Hassan ini memaparkan gaya pemikiran penyair terhadap alam fizikal yang berkaitan dengan kewujudan dan keagungan Yang Maha Esa yakni Pencipta Alam.

2.2.6 Lain-Lain (Majalah, Laman Sesawang dan Akhbar)

Selanjutnya, Zurinah Hassan (2005) telah menulis satu ulasan dalam bentuk penulisan ringkas yang bertajuk *Perlambangan Alam dan Dakwah* di laman sesawangnya. Alam memberi pengetahuan dan pengajaran kepada manusia tentang erti kehidupan dan keagungan Tuhan. Puisi-puisi yang tercipta adalah lahirnya dari renungan seseorang penyair yang cinta terhadap alam dan kemudiannya mengaitkan objek-objek alam di sekelilingnya dengan kehidupan manusia dan manusia itu sendiri. Penyair turut memberi contoh atau perbandingan berkaitan alam dengan manusia. Hal ini jelaslah membuktikan bahawa penyair menggunakan alam sebagai perlambangan. Hal ini demikian kerana, penggunaan simbol atau lambang menjadi satu elemen yang amat penting dalam penghasilan puisi bahkan penggunaan lambang turut terdapat dalam Al-Quran untuk membuat perbandingan bagi sesuatu perkara (Zurinah Hassan, 2005).

2.3 Kajian Lepas Mengenai Peribahasa Melayu

Peribahasa Melayu merujuk kepada satu ungkapan yang mengandungi perumpamaan, perbandingan dan nasihat yang digunakan oleh masyarakat Melayu lama bagi menyampaikan

sesuatu secara kiasan tanpa menyakiti atau mengguris hati orang lain. Menurut Abdullah Hussain (1989), peribahasa ialah salah satu cabang sastera lama yang tidak mempunyai apa-apa perubahan sehingga kini. Setiap bangsa kebiasaannya memiliki bentuk peribahasa mereka yang tersendiri bahkan peribahasa itulah yang menggambarkan watak dan ciri-ciri bagi bangsa tersebut. Berdasarkan pernyataan di atas, terdapat pelbagai jenis peribahasa bagi setiap bangsa yang ada di negara ini. Oleh yang demikian, kajian yang akan dilakukan hanyalah terbatas kepada peribahasa Melayu. Namun begitu, sumber kajian lepas mengenai peribahasa lain selain dari peribahasa Melayu turut diteliti oleh pengkaji untuk memenuhi kajian di peringkat ini.

2.3.1 Tesis Ijazah Doktor Falsafah

Kajian berkaitan peribahasa Melayu telah dilaksanakan oleh Zabedah Mohammed (2020) menerusi tesis beliau di peringkat kedoktoran dengan tajuk *Citra Wanita dalam Peribahasa Melayu*. Kajian ini membincangkan mengenai gambaran wanita dan kewanitaan berdasarkan persepsi masyarakat melalui kaedah dan corak unik dalam menyatakan perihal wanita. Sebanyak 184 jenis peribahasa yang dikumpulkan daripada tujuh jenis sumber telah mendasari kajian ini. Pengkaji telah membentuk suatu model CINTA sebagai sandaran untuk menganalisis dan menerangkan kaedah dan corak pencitraan wanita berlandaskan pendekatan gender. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa wanita dalam peribahasa dicorakkan kepada ciri-ciri dan kelakuan, status dan pergolakan. Hal ini kerana pencitraan wanita sering diwujudkan dalam bentuk kiasan yang tersembunyi di sebalik pelbagai corak. Kebiasaan wanita dikaitkan dengan corak objek dan tumbuh-tumbuhan. Sebagai contoh, corak bunga sering disesuaikan dengan wanita khususnya bagi golongan anak dara. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan ini jelas memperlihatkan bahawa ungkapan berkaitan wanita yang

pelbagai dalam peribahasa terbukti bahawa masyarakat tidak pernah meminggirkan golongan wanita bahkan golongan ini sangat dimartabatkan.

2.3.2 Tesis Ijazah Sarjana

Terdapat beberapa kajian di peringkat sarjana telah dilakukan oleh para pengkaji berkaitan peribahasa Melayu. Ragini Ragavan (2016) dari Universiti Putra Malaysia telah menyiapkan tesis Ijazah Sarjana yang bertajuk *Perbandingan Aspek Leksikal dan Makna dalam Peribahasa Melayu dan Peribahasa Tamil*. Kekuatan dalam kajian ini adalah berfokus kepada persamaan dan perbezaan perkataan dalam peribahasa Melayu dan Tamil melalui makna simbol kedua-dua peribahasa tersebut. Bagi memberi penjelasan terhadap makna simbol kedua-dua peribahasa itu, pengkaji telah menggunakan tiga aspek dari teori Segi Tiga Makna yakni simbol, fikiran dan rujukan. Hasil kajian mendapati setiap peribahasa yang tercipta itu menggambarkan cara pemikiran dan budaya golongan masyarakat Melayu dan Tamil. Kajian ini menggunakan sebanyak enam buah buku iaitu buku *Peribahasa Sekolah Rendah*, *Koleksi Terindah Peribahasa Melayu*, *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*, *Peribahasa Tamil Kuil*, *Tamil karka venduma* dan *Ilakkana Ilakkiya Vizhakavurai* sebagai bahan dan rujukan kajian. Ragini menggunakan dua jenis peribahasa iaitu peribahasa Melayu dan Tamil sebagai kajiannya. Berbeza dengan kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji hanya menggunakan satu jenis peribahasa iaitu peribahasa Melayu.

Kajian di peringkat sarjana juga dilakukan oleh Muhammad Zaid bin Daud dari Universiti Malaysia Sarawak yang telah mengemukakan tesis bertajuk *Unggas dalam Peribahasa Melayu: Satu Analisis Semantik Inkuisitif* (2020). Kajian ini menganalisis unsur unggas dalam peribahasa Melayu yang dibahagikan kepada beberapa subunggas seperti ayam, burung, itik dan angsa dengan menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif oleh Jalaluddin

(2014). Namun begitu, peribahasa yang memiliki leksikal unggas seperti yang dinyatakan di atas kemudiannya dibahagikan lagi kepada lapan domain yang khas yang terdiri daripada domain kebiasaan, sia-sia, rezeki, sindiran, khianat, teliti, kekuasaan dan jodoh. Pendekatan yang dikemukakan oleh Jalaluddin (2014) digunakan adalah untuk memberi penjelasan dengan lebih mendalam mengenai makna peribahasa yang didapati mempunyai hubungkait dengan akal budi dan kebijaksanaan daya fikir masyarakat Melayu. Kajian ini hanya memfokuskan mengenai peribahasa Melayu yang bersumberkan unggas tanpa membincangkan peribahasa yang mempunyai unsur tumbuh-tumbuhan dan cakrawala sedangkan pengkaji pula menggunakan data peribahasa Melayu yang mempunyai unsur alam semula jadi yang dibahagikan kepada dua jenis iaitu alam semula jadi hidup dan bukan hidup dalam kajian yang akan dilakukan.

Noraini Abd. Shukor (2016) menerusi tesis di peringkat Ijazah Sarjana yang bertajuk *Padi dan Air Sebagai Tanda dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Firasat* meneliti “padi” dan “air” yang menjadi tanda alam dalam kehidupan masyarakat Melayu. Unsur alam yang terdapat dalam peribahasa Melayu merupakan hasil daripada kebijaksanaan buah fikiran masyarakat dalam penciptaan peribahasa tersebut. Kajian ini menganalisis kedua-dua tanda tersebut dengan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu yang hanya berfokuskan kepada Pendekatan Firasat menerusi aspek Pengkaedahan Alamiah. Pengkaji menggunakan buku “Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai” sebagai bahan rujukan kajian untuk mengenal pasti tanda unsur alam iaitu padi dan air. Hasil kajian mendapati bahawa tanda padi dan air dalam peribahasa Melayu memiliki tanda atau simbol yang tertentu dalam kehidupan masyarakat Melayu. Kajian ini hanya berfokuskan kepada tanda padi dan air dalam peribahasa Melayu sedangkan pengkaji menggunakan 12 simbol alam semula jadi yang terdiri daripada flora, fauna dan alam cakrawala.

Seterusnya, kajian lain berkaitan peribahasa Melayu dilakukan oleh Nur Afiqah Wan Mansor pada tahun 2016 dengan tajuk kajiannya *Deria Rasa dalam Kiasan Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif*. Kajian ini adalah untuk meneliti tentang deria rasa seperti masam, manis, masin dan pahit yang terdapat dalam peribahasa Melayu melalui kajian semantik dan akal budi pemikiran Melayu. Melalui kajian ini, pengkaji telah menerangkan mengenai makna tersirat daripada bahasa kiasan yang amat kompleks terutamanya dalam peribahasa dan hubungannya dengan akal budi pemikiran masyarakat Melayu. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah mengumpul data kiasan peribahasa Melayu menerusi tiga buah kamus yang berjudul *Kamus Simpulan Bahasa*, *Kamu Istimewa Peribahasa Melayu* dan *Kamus Peribahasa Melayu* bagi mendapatkan data berkaitan kajian yang dilakukan. Selain itu, pengkaji turut menggunakan data korpus yang didapati daripada Pangkalan Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Malay Concordance Project (MCP) bagi mengukuhkan lagi data kajian kiasan Peribahasa Melayu. Kajian ini menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif dengan menggabungkan kesemua data yang diperolehi sehingga membawa kepada penafsiran akal budi pemikiran Melayu. Hasil daripada penyelidikan yang dilakukan, pengkaji telah mendapati bahawa kiasan peribahasa Melayu berkait rapat dengan budaya dan akal budi pemikiran Melayu. Justeru, makna tersirat melalui deria rasa masam, masin, manis dan pahit serta makna yang berkaitan dengan rasa telah digali dan dihubungkan dengan daya pemikiran penutur oleh pengkaji menerusi kajiannya.

2.3.3 Tesis Ijazah Sarjana Muda

Berdasarkan penelitian pengkaji sepanjang melaksanakan kajian di peringkat ini, pengkaji tidak menjumpai sebarang sumber kajian lepas yang dilakukan oleh para pengkaji terdahulu dalam tesis Ijazah Sarjana Muda yang berkaitan dengan tema kajian iaitu peribahasa

Melayu. Jika terdapat kajian lepas berkaitan tema yang dikaji oleh pengkaji di peringkat ini, kemungkinan pengkaji terlepas pandang semasa pelaksanaan kajian dilakukan dan ianya merupakan kelemahan dari pengkaji sendiri. Bagi pengetahuan umum, semasa pelaksanaan kajian, dunia telah mengalami satu wabak penyakit berjangkit yang dikenali sebagai Covid-19 atau *coronavirus*. Oleh itu, kerajaan menjalankan Kawalan Perintah Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan wabak tersebut dan PKP ini masih dilaksanakan semasa tempoh pelaksanaan kajian ini. Hal ini merupakan salah satu faktor yang telah menjadi kekangan bagi pengkaji untuk mendapatkan data kajian-kajian lepas dalam tesis di peringkat Ijazah Sarjana Muda ini.

2.3.4 Artikel Jurnal

Di samping itu, kajian mengenai peribahasa Melayu turut dikaji oleh beberapa pengkaji menerusi artikel jurnal. Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011) dari Universiti Putra Malaysia turut melaksanakan kajian yang berbentuk artikel jurnal dengan tajuk *Bahasa dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu*. Kajian berkaitan sejumlah peribahasa terdahulu yang tidak menumpukan kepada kajian bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu ini telah menyebabkan terhasilnya kajian yang dilakukan oleh kedua pengkaji ini. Kajian pemikiran tersebut memperlihatkan dengan lebih jelas mengenai ideologi bangsa Melayu yang mempunyai hubung kait antara metafizik, epistemologi, etika, logik dan keindahan. Kesemua itu adalah hasil daripada hubungan masyarakat terhadap alam benda, alam flora dan fauna yang ada di sekitar mereka. Hubungan bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu telah dikenal pasti dengan menggunakan hipotesis Sapir-Whorf yang berasaskan fenomenologis. Kajian ini menumpukan tentang aspek bahasa dan pemikiran sedangkan

pengkaji pula akan memfokuskan tentang aspek keindahan yang merujuk kepada hubungan alam dengan manusia berdasarkan perlambangan alam dalam peribahasa Melayu.

Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin dan Wan Nurasikin Wan Ismail (2016) melalui kajian artikel jurnal mereka yang berjudul *Ikan (Pisces) dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif*. Menurut definisi yang dinyatakan oleh pengkaji, ikan didefinisikan sebagai semua jenis haiwan yang termasuk dalam golongan *Pisces*, mempunyai tulang belakang dan habitatnya tinggal di air. Kajian ini menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif yang dicetuskan oleh Nor Hashimah (2014) bagi memberi penjelasan dengan lebih lanjut mengenai makna-makna tersirat yang mempunyai unsur ikan dalam peribahasa Melayu. Selain itu, ketiga-tiga pengkaji turut menyingkapkan serta menghuraikan falsafah pemikiran dan akal budi orang Melayu mengenai unsur ikan tersebut. Pendekatan ini digunakan dalam kajian mereka untuk menjawab segala macam permasalahan sama ada dari segi tatabahasanya, perlambangannya ataupun metaforanya. Tuntasnya, fokus utama kajian ini dilakukan adalah untuk meneroka falsafah dan akal budi orang Melayu melalui peribahasa Melayu yang mengandungi unsur ikan. Berbeza dengan kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji, meneroka keindahan peribahasa Melayu yang mengandungi unsur atau perlambangan alam.

Kajian mengenai peribahasa Melayu turut dilakukan oleh Salinah Jaafar dari Universiti Malaya dalam kajian berbentuk artikel jurnal dengan tajuknya *Fungsi Leksikal Bunga dalam Simpulan Bahasa dan Peribahasa Bahasa Melayu* (2005). Kata leksikal yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada perkataan, makna kata, bentuk kata atau perbendaharaan kata bagi sesuatu bahasa. Setiap leksikal dalam peribahasa dan simpulan bahasa memiliki fungsinya yang tersendiri melalui pemilihan kata yang digunakan. Malahan, fungsi leksikal tersebut mempunyai perbezaan dengan bahasa biasa mahupun bahasa harian yang digunakan oleh khalayak masyarakat. Oleh yang demikian, kajian ini telah membincangkan konsep fungsi leksikal bagi bunga melalui empat istilah iaitu kolokasi, konkordans, lema dan data korpus.

Hasil penelitian mendapati kajian ini hanya mengambil kata bunga dalam peribahasa dan simpulan bahasa untuk dibincangkan makna dan fungsi leksikal tersebut mengikut beberapa istilah yang digunakan berbanding dengan kajian yang akan dilakukan, pengkaji mengambil unsur alam flora, fauna dan cakrawala sebagai data untuk dianalisis dalam kajian.

Ahmad Fuad Mat Hassan (2016) dari Universiti Putra Malaysia menerusi kajiannya yang berbentuk artikel jurnal dengan tajuk *Warisan Budaya Pemikiran dalam Peribahasa Melayu* merupakan kajian tentang pemikiran masyarakat yang mempunyai kaitan antara peribahasa dengan budaya masyarakat Melayu itu sendiri. Permasalahan kajian mendapati bahawa terdapat kekurangan kajian mengenai tiga perspektif warisan budaya yang merujuk kepada budaya sosial, ekonomi sosial dan politik sosial dalam kajian-kajian peribahasa terdahulu menyebabkan kajian ini dilaksanakan oleh pengkaji. Sehubungan dengan itu, kajian ini telah mengenal pasti dan membincangkan mengenai warisan budaya pemikiran masyarakat Melayu dalam peribahasa Melayu menerusi perspektif budaya sosial, ekonomi sosial dan politik sosial. Berdasarkan data yang berjaya dikumpul dan diperoleh daripada teks pilihan, pengkaji kemudiannya menganalisis data-data tersebut menggunakan hipotesis dari Sapir Whorf (1921). Hasil kajian daripada 5359 peribahasa telah mendapati bahawa sebanyak 74.5% peribahasa telah membincangkan perspektif budaya sosiasl dalam warisan budaya pemikiran manakala 17.7% dari perspektif ekonomi sosial dan 7.8% dari perspektif politik sosial. Oleh yang demikian, berdasarkan dapatan kajian tersebut secara jelasnya memperlihatkan bahawa peribahasa yang mengandungi warisan budaya pemikiran orang Melayu terdahulu menjadi penentu arus pemikiran penuturnya.

2.3.5 Buku

Kajian berkaitan Peribahasa Melayu telah dikaji oleh Mohd Ridzuan Md Nasir (2020) menerusi bukunya yang bertajuk *Memahami Asal Usul Peribahasa Melayu* Menhaji Resourcess. Intipati buku ini merupakan terbitan semula daripada penulisan tesis pengkaji untuk dijadikan sebagai bahan rujukan dan bacaan kepada sesiapa sahaja yang ingin memahami peribahasa Melayu menerusi pendekatan Semantik Inkuisitif. Dalam bahagian satu buku ini, pengkaji telah membincangkan mengenai peribahasa yang menjadi lambang kebijaksanaan bagi masyarakat Melayu. Peribahasa digunakan sebagai alat untuk menyindir atau memberi teguran secara berkias terhadap sesuatu perbuatan yang tidak baik, memberi harapan, motivasi dan sebagainya yang dilambangkan melalui metafora. Penggunaan unsur alam sering digunakan dalam peribahasa disebabkan ianya mempunyai hubungkait dengan budaya, kehidupan sesuatu bangsa tersebut. Menurut Jalaluddin (2014), untuk mengenali bangsa Melayu dengan mengkaji peribahasa Melayu yang dipunyai oleh mereka cukup untuk melambangkan budaya, pemikiran, falsafah dan akal budi orang Melayu.

Seterusnya, Sapinah Haji Said (2013) yang merupakan seorang guru bahasa Melayu telah menghasilkan kamus berkaitan peribahasa dengan tajuknya “Kamus Peribahasa Melayu” terbitan Pelangi Sdn. Bhd. Peribahasa merupakan ayat atau sekumpulan kata yang tersusun dan mengandungi makna atau pengertian yang tertentu. Susunan katanya pendek namun menepati makna yang ingin disampaikan. Susunan kata yang sedap didengar, bijak serta tepat pengertiannya ini telah menjadi pengucapan masyarakat sejak turun temurun. Selain itu, sifat orang Melayu itu sendiri yang lemah lembut dan sopan santun antara faktor penyebab terhasilnya kata-kata yang berbentuk simbolik, indah dan tersusun bagi meluahkan rasa hati. Penghasilan kamus ini adalah untuk memberi pendedahan dan input yang berguna kepada

pelajar mahupun masyarakat supaya dapat mengetahui makna peribahasa sekaligus menggunakan dengan betul dan sempurna (Sapinah Haji Said, 2009).

2.3.6 Lain-Lain (Majalah, Laman Sesawang dan Akhbar)

Mohd Raman Daud menerusi akhbar Berita Harian yang ditulis oleh beliau pada 27 Jun 2016 dengan tajuk akhbar *Berpeluh-peluh Ajar Peribahasa*, menyatakan bahawa perumpamaan, bidalan, simpulan bahasa, perbilang, pepatah-petitih dan kata hikmat adalah tergolong sebagai peribahasa ataupun suatu bentuk ungkapan puitis dalam bahasa Melayu. Menurut Encik Fauzi yang merupakan ketua Jabatan Kesenian dan Peradaban Melayu di IPG Kampus Bahasa Melayu, peribahasa bukan hanya suatu ungkapan berpuitis bahkan mengandungi bentuk perasaan dan pengetahuan (makrifat). Selain itu, menurut beliau lagi, peribahasa melambangkan kajian mengenai konsep sesuatu makna terhadap masyarakat. Hal ini demikian kerana, setiap peribahasa yang diungkapkan mempunyai penceritaannya yang tersendiri dari aspek simbol ataupun lambang. Sebagai contoh, peribahasa “hati emas” merujuk kepada dua lambang yakni lambang hati sebagai perasaan, semangat mahupun tekad manakal lambang emas pula simbol kepada sesuatu yang tinggi nilainya dan berharga (Raman Daud, 2016).

2.4 Kajian Lepas Mengenai Teori Keindahan Braginsky

Perkataan keindahan merujuk kepada segala sesuatu yang indah atau estetik. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2007), keindahan adalah suatu cabang pemikiran yang mengkaji konsep estetika, keindahan, kecantikan, rasa serta konsep lain yang berkaitan dengan keindahan. Teori Keindahan oleh Braginsky yang digunakan pengkaji dalam kajian ini adalah

merujuk kepada satu pendekatan untuk mengkaji keindahan dalaman dan luaran berkaitan dengan lambang alam yang terkandung dalam peribahasa Melayu. Selaras dengan pandangan Braginsky (1994), keindahan wujud dalam dua keadaan yakni keindahan dalaman dan keindahan luaran. Keindahan dalaman dan luaran sering dikaitkan dengan perkataan “elok” dan “indah” dalam karya kesusasteraan. Sehubungan dengan itu, Braginsky (1994: 25) telah merumuskan bahawa kata “indah” lebih menekankan aspek luaran yang telah dinyatakan mahalan turut dirasai oleh pancaindera. Sementara, kata “elok” pula menegaskan aspek dalaman yang hakiki dan tersirat. Oleh itu, kajian ini akan meneliti dan menyenaraikan kajian-kajian yang berkaitan dengan Teori Keindahan Braginsky. Namun begitu, teori ini didapati tidak begitu meluas digunakan oleh para pengkaji terdahulu dalam melaksanakan kajian. Justeru, teori berkaitan keindahan, puitika, estetik mahupun estetika turut dimasukkan oleh pengkaji di bawah tema ini sebagai maklumat sokongan kajian.

2.4.1 Tesis Ijazah Doktor Falsafah

Berdasarkan penelitian pengkaji sepanjang melaksanakan kajian di peringkat ini, pengkaji tidak menjumpai sebarang sumber kajian lepas yang dilakukan oleh para pengkaji terdahulu dalam tesis Ijazah Doktor Falsafah yang berkaitan dengan tema kajian iaitu Teori Keindahan Braginsky. Pengkaji juga mendapati kajian lepas mengenai tema di peringkat ini belum meluas. Jika terdapat kajian lepas berkaitan tema yang dikaji oleh pengkaji di peringkat ini, kemungkinan pengkaji terlepas pandang semasa pelaksanaan kajian dilakukan dan ianya merupakan kelemahan dari pengkaji sendiri. Bagi pengetahuan umum, semasa pelaksanaan kajian, dunia telah mengalami satu wabak penyakit berjangkit yang dikenali sebagai Covid-19 atau *coronavirus*. Oleh itu, kerajaan menjalankan Kawalan Perintah Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan wabak tersebut dan PKP ini masih dilaksanakan semasa tempoh

pelaksanaan kajian ini. Hal ini merupakan salah satu faktor yang telah menjadi kekangan bagi pengkaji untuk mendapatkan data kajian-kajian lepas dalam tesis di peringkat ijazah kedoktoran ini.

2.4.2 Tesis Ijazah Sarjana

Kajian keindahan Braginsky telah dilakukan oleh Dina Rizka Faidhani, Rakhmat Soleh, S.S. dan M.Hum (2018) melalui kajian tesis yang berjudul *Keindahan dalam Hikayat Syah Mandewa: Kajian Estetika Melayu Braginsky*. Keindahan menurut Braginsky (1994), merujuk kepada keindahan dalaman yang dapat dilihat menggunakan mata dan keindahan luaran yang tidak dapat dilihat oleh mata. Kajian ini memberi tumpuan kepada kisah pengembaraan tokoh menerusi teks lipur lara Hikayat Syah Mandewa. Kajian dilakukan adalah untuk melihat keindahan-keindahan dominan di dalam teks hikayat tersebut yang dapat memberi hiburan kepada hati yang sedang berduka itu dengan menggunakan kajian estetika Melayu Braginsky. Kajian estetika Braginsky yang membicarakan tentang keindahan sesuai digunakan untuk menganalisis teks Hikayat Syah Mandewa melalui konsep keindahan yang telah dikemukakan oleh Braginsky. Sehubungan dengan itu, keindahan yang terkandung dalam teks Hikayat Syah Mandewa telah dikenal pasti secara terperinci baik dari segi keindahan yang tersurat mahupun tersirat. Pemerolehan data kajian ini adalah menerusi data coretan teks Hikayat Syah Mandewa yang dianggap sebagai keindahan untuk dikelaskan mengikut kategori iaitu dua kategori keindahan luaran yang terdiri daripada keindahan peristiwa dan keindahan lahiriah, manakala tiga kategori keindahan dalaman pula terdiri daripada doktrin yang berkaitan dengan hubungan antara manusia dengan PenciptaNya, hubungan manusia sesama makhluk ciptaan Allah dan yang ketiga hubungan manusia dengan alam semesta.

2.4.3 Tesis Ijazah Sarjana Muda

Berdasarkan penelitian pengkaji sepanjang melaksanakan kajian di peringkat ini, pengkaji tidak menjumpai sebarang sumber kajian lepas yang dilakukan oleh para pengkaji terdahulu dalam tesis Ijazah Sarjana Muda yang berkaitan dengan tema kajian iaitu Teori Keindahan Braginsky. Pengkaji juga mendapati kajian lepas mengenai tema di peringkat ini belum meluas. Jika terdapat kajian lepas berkaitan tema yang dikaji oleh pengkaji di peringkat ini, kemungkinan pengkaji terlepas pandang semasa pelaksanaan kajian dilakukan dan ianya merupakan kelemahan dari pengkaji sendiri. Bagi pengetahuan umum, semasa pelaksanaan kajian, dunia telah mengalami satu wabak penyakit berjangkit yang dikenali sebagai Covid-19 atau *coronavirus*. Oleh itu, kerajaan menjalankan Kawalan Perintah Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan wabak tersebut dan PKP ini masih dilaksanakan semasa tempoh pelaksanaan kajian ini. Hal ini merupakan salah satu faktor yang telah menjadi kekangan bagi pengkaji untuk mendapatkan data kajian-kajian lepas dalam tesis di peringkat Ijazah Sarjana Muda ini.

2.4.4 Artikel Jurnal

Kajian mengenai Teori Keindahan Braginsky secara khusus didapati tidak banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lain. Terdapat beberapa kajian berkaitan keindahan yang turut membincangkan mengenai Teori Keindahan Braginsky di dalamnya telah dikenal pasti oleh pengkaji. Namun begitu, data kajian ini merujuk kepada kesusasteraan Melayu tradisional, iaitu dalam kajian artikel jurnal yang bertajuk *Konsep Keindahan dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional* oleh Abdul Halim Ali (2011) dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Kajian mengenai konsep keindahan tersebut berpandukan kepada gagasan estetika yang dicetuskan oleh Muhammad Haji Salleh dan idea estetika pula oleh I.V Braginsky melalui

dua teks utama iaitu *Puitika Sastera Melayu* (2000) karya Muhammad Haji Salleh serta buku *Erti Keindahan dan Keindahan Erti* (1994) karya Braginsky. Hasil kajian mendapati konsep keindahan dalam kesusasteraan Melayu Tradisional daripada kedua tokoh tersebut mempunyai tiga perbezaan yang ketara dari aspek sumber keindahan, dasar keindahan dan cara mengkonsepsi keindahan. Menurut Braginsky (1994), dari sudut makna semantik, konsep keindahan bukanlah hanya bergantung kepada istilah “indah”, namun istilah-istilah lain yang mempunyai persamaan makna dengan “indah” seperti elok, baik, bagus dan menarik juga boleh digunakan. Hal ini demikian kerana, penggunaan istilah “indah” dalam karya kesusasteraan Melayu tradisional lebih menitikberatkan aspek luaran, manakal “elok” pula lebih menekankan aspek dalaman yang tersembunyi (Braginsky, 1994:25). Kajian ini hanya menganalisis konsep keindahan berdasarkan dua teks di atas sedangkan pengkaji menggunakan Teori Keindahan oleh Braginsky untuk menganalisis keindahan perlambangan alam melalui hubungan alam dengan manusia serta pemikirannya melalui dua pendekatan keindahan yakni keindahan dalaman dan keindahan luaran.

Seterusnya, kajian Abdul Halim Ali (2014) lagi menerusi artikel jurnal yang bertajuk *Konsep Estetika Bersepadu: Satu Kaedah Baharu Kaedah Kritik Estetik dalam Kesusasteraan Melayu* pula meneliti konsep Estetika Bersepadu yang berteraskan dua idea iaitu kesepaduan unsur dalaman (idea, pemikiran dan perutusan) dengan unsur luaran (bahasa, bentuk, teknik dan plot) yang mana kesepaduan ini menzahirkan *stail* serta yang kedua ialah perkaitan *stail* (kesepaduan unsur dalaman) dengan kebenaran (agama dan realiti). Menurut Muhammad Haji Salleh (2000:235), unsur penting yang terdapat pada sebuah karya kesusasteraan adalah keindahan bahkan menjadi pengukur kepada karya tersebut. Hal ini disokong oleh Braginsky (1994:46), dengan menyatakan bahawa keindahan merupakan salah satu elemen terpenting yang menjadikan sebuah karya kesusasteraan bersifat unggul seain cerminan baik dalam sistem imej mahupun dalam susunan kata. Hasil kajian mendapati kebanyakan kajian kesusasteraan

Melayu moden berkaitan keindahan lebih cenderung untuk menggunakan istilah estetika atau estetik berbanding dengan istilah keindahan yang digunapakai oleh pengkaji terdahulu yang membuat kajian berkenaan karya-karya kesusasteraan tradisional.

2.4.5 Buku

Fadzilah Amzah (2016) melalui bukunya yang berjudul *Sfera Keindahan dalam Cerita Penglipur Lara* menghuraikan tentang Teori Keindahan atau Estetik pada bab dua dengan tajuk *Teori Keindahan dan Teori Sfera Fungsional* dalam buku tersebut. Keindahan wujud dalam dua keadaan iaitu keindahan dalam dan keindahan luaran. Oleh yang demikian, Braginsky (1994) membincangkan konsep keindahan dengan memetik beberapa pandangan oleh ilmuwan Islam serta daripada karangan tasawuf Melayu berkaitan dua jenis keindahan tersebut. Selain itu, Braginsky telah mengemukakan tiga aspek keindahan dalam sastera Melayu tradisional melalui teorinya. Dalam sesebuah karya jelas menyatakan ketiga-tiga aspek mempunyai sifat universal dan stereotaip malahan turut hadir dalam setiap hasi persuratan Melayu, baik dalam bentuk prosa mahupun puisi (Braginsky, 1994). Tiga aspek yang dinyatakan di atas merujuk kepada asal usul keindahan, sifat-sifat immanen keindahan dan psikologi persepsi keindahan. Selain itu, dalam teori ini Braginsky turut mengemukakan dua pendekatan keindahan yang merujuk kepada keindahan luaran dan dalaman. Berdasarkan dua pendekatan keindahan yang dikemukakan Braginsky tersebut, pengkaji akan menganalisis data-data peribahasa Melayu yang diperolehi terhadap kajian yang akan dilakukan.

2.4.6 Lain-Lain (Majalah, Laman Sesawang dan Akhbar)

Seterusnya, Suhairah bte Ismail (2003) menerusi kertas kerja beliau dalam bab 2 yang bertajuk *Konsep dan Kerangka Teori*. Pada bab 2 ini, pengkaji telah menghuraikan mengenai konsep keindahan atau estetika. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Ketiga (1996) Keindahan merujuk kepada salah satu cabang pemikiran atau falsafah untuk mengkaji mengenai konsep berkaitan keindahan, estetika, kehendak (cita rasa) dan lain-lain. Perkataan estetika juga merupakan suatu pendekatan yang digunakan oleh para pengkaji yang ingin mengkaji berkaitan dengan keindahan ataupun estetik. Menurut V.I Braginsky (1979), keindahan dilihat melalui tiga aspek yang bersifat semesta dan stereotaip. Prinsip yang pertama merujuk kepada konsep keindahan yang berkait dengan konsep Tuhan yakni kekayaan Allah SWT. Manakala prinsip kedua merujuk kepada perkataan “indah” yang membawa maksud sesuatu yang luar biasa. Istilah luar biasa pula muncul dengan beberapa perkataan lain seperti gharib, aneh, ajaib, hairan, temasya dan sebagainya. Akhir sekali, prinsip ketiga pula merujuk kepada perkataan indah yang berhubung dengan psikologi misalnya kesan daripada cerita lipur lara terhadap khalayak pembacanya.


2.5 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini membincangkan mengenai kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu berkaitan peribahasa Melayu. Berdasarkan tinjauan literatur yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa kajian mengenai peribahasa Melayu belum meluas malah terdapat banyak lagi aspek lain yang belum dikaji. Sehubungan dengan itu, aspek keindahan dalam peribahasa Melayu akan dikaji oleh pengkaji bagi mencungkil


makna keindahan melalui simbol alam semula jadi dalam peribahasa Melayu yang mempunyai kaitannya dengan kehidupan masyarakat Melayu.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Dalam bab tiga ini akan menjelaskan mengenai kaedah-kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian. Metodologi kajian amat penting dalam sesebuah penyelidikan bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan oleh pengkaji di samping mengetahui reka bentuk dan kaedah kajian, teknik pengumpulan sesebuah data serta cara untuk menganalisis data kajian. Setiap permasalahan yang dihadapi oleh pengkaji serta pemerolehan sesuatu maklumat dalam melaksanakan kajian ini akan diselesaikan menerusi kaedah dan reka bentuk kajian, proses pengumpulan dan penganalisan data. Metodologi kajian bertujuan untuk memudahkan pengkaji memahami dan menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai kajian yang dilakukan menerusi proses-proses yang terkandung dalam bab ini. Oleh itu, perkara-perkara yang akan dikemukakan dalam bab ini adalah reka bentuk kajian, kaedah kajian dan teori yang akan digunakan oleh pengkaji dalam proses pelaksanaan kajian.

3.2 Reka bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah merupakan sebuah kaedah yang akan digunakan untuk menentukan kaedah yang digunakan sepanjang proses pelaksanaan kajian dilakukan. Tujuan reka bentuk kajian dilakukan adalah untuk memberi penekanan kepada proses pengumpulan

data. Selain itu, reka bentuk kajian penting dalam sesebuah penyelidikan untuk dijadikan panduan bagi mencapai objektif-objektif yang telah dikemukakan pada permulaan bab dengan jayanya sekaligus menjawab persoalan kajian. Bagi memastikan objektif kajian dapat dicapai dengan baik, pengkaji memilih reka bentuk kajian kualitatif kerana kaedah ini dilihat lebih sesuai untuk digunakan bagi memperolehi maklumat yang berkaitan dengan kajian. Sehubungan dengan itu, kaedah kajian yang berbentuk kualitatif digunakan dalam pelaksanaan kajian bagi memenuhi objektif kajian yang telah dikemukakan.

3.2.1 Reka Bentuk Kajian Kualitatif

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi tinjauan literatur dalam proses pelaksanaan kajian. Tinjauan literatur penting untuk memudahkan proses pemerolehan dan penganalisan data bagi mengelakkan berlakunya persamaan tajuk kajian yang dilakukan dengan kajian-kajian terdahulu. Cresswell (1994) mendefinisikan penyelidikan kualitatif sebagai proses pemahaman berdasarkan kaedah menganalisis dokumen dan kaedah pengumpulan data. Reka bentuk kajian kualitatif ditentukan oleh pengkaji adalah berdasarkan kepada objektif-objektif yang dikemukakan dalam kajian. Berikut merupakan objektif-objektif kajian yang dikemukakan oleh pengkaji iaitu:

- a) Mengenal pasti simbol-simbol alam semula jadi yang terkandung dalam peribahasa Melayu.
- b) Menganalisis makna simbol-simbol alam semula jadi dalam peribahasa Melayu melalui Teori Keindahan Braginsky.

Selain itu, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dalam kajian ini bagi memahami sesuatu konsep, idea atau pemikiran dan pengalaman dalam kajian yang dilakukan. Oleh itu, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif bagi menganalisis data yang berbentuk tekstual atau dokumen sebagai sokongan kepada data kajian.

3.2.1.1 Kaedah Analisis Teks

Kajian yang bersifat kualitatif ini telah memilih untuk menggunakan kaedah analisis teks dalam kajian yang dilakukan. Kaedah analisis teks dilakukan adalah untuk dijadikan sebagai bahan rujukan pengkaji dalam pelaksanaan kajian. Selain itu, kaedah ini penting dalam memperoleh data kajian untuk dimasukkan ke dalam dapatan kajian. Berdasarkan tajuk dan objektif kajian yang dikemukakan, pengkaji mendapati bahawa kaedah analisis teks merupakan suatu kaedah yang tepat serta sesuai dalam proses mengenal pasti dan menganalisis kajian. Melalui kaedah analisis teks ini, pembacaan yang teliti amat diperlukan bagi mendapatkan maklumat berkaitan kajian. Oleh yang demikian, sebanyak dua buah teks digunakan oleh pengkaji untuk dijadikan sebagai panduan dan rujukan dalam kajian yang dilakukan. Teks yang digunakan pengkaji ialah buku *Kamus Peribahasa Melayu* (2013) dan *Memahami Asal Usul Peribahasa Melayu* (2020).

a) Kamus Peribahasa Melayu

Kaedah analisis teks melalui buku *Kamus Peribahasa Melayu* (2013) oleh Haji Sapinah Said digunakan oleh pengkaji bagi mengenal pasti simbol-simbol alam semula jadi yang terkandung dalam peribahasa Melayu. Hal ini demikian kerana, kamus ini mempunyai lebih

3000 peribahasa Melayu yang telah disusun oleh Sapinah Hj Said mengikut abjad. Terdapat penerangan, maksud dan contoh ayat bagi setiap ungkapan peribahasa tersebut. Dengan itu, dapat memudahkan sesiapa sahaja yang ingin mengetahui dan memahami makna dalam sesebuah peribahasa khususnya bagi pengkaji-pengkaji yang melakukan kajian berkaitan peribahasa Melayu. Melalui buku ini juga, pelbagai pilihan peribahasa yang dimuatkan dapat dipilih oleh pengkaji. Oleh yang demikian, pengkaji akan memfokuskan peribahasa yang melambangkan alam semula jadi selari dengan objektif kajian ini. Daripada lebih 3000 jumlah peribahasa yang dimuatkan dalam kamus tersebut, pengkaji akan mengumpulkan peribahasa yang hanya berkaitan alam semula jadi sahaja. Kemudian, melalui peribahasa yang telah dikumpulkan itu, sebanyak 12 simbol alam semula jadi akan dipilih dan disenaraikan oleh pengkaji menerusi buku ini untuk dianalisis pada bahagian analisis kajian.

b) Memahami Asal Usul Peribahasa Melayu

Kaedah analisis teks melalui buku *Memahami Asal Usul Peribahasa Melayu* (2020) karya Mohd Ridzuan Md Nasir turut digunakan oleh pengkaji dalam merealisasikan objektif kajian yang telah dikemukakan. Buku ini menerangkan mengenai proses pemahaman asal usul penciptaan peribahasa Melayu melalui Semantik Inkuisitif. Pendekatan yang digunakan dalam buku ini jelas berlainan dengan pendekatan yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Namun begitu, buku ini hanyalah sebagai panduan bagi pengkaji untuk memahami asal usul peribahasa Melayu dalam proses menganalisis makna simbol alam dalam peribahasa Melayu. Selain itu, proses menganalisis makna sesebuah peribahasa Melayu turut dimuatkan dalam buku ini dengan menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif. Penulis buku ini menganalisis makna peribahasa Melayu yang telah dibahagikan mengikut beberapa tema. Bagi pengkaji, buku ini amat sesuai dijadikan sebagai panduan dan rujukan untuk pengkaji mengetahui dan

memahami asal usul terciptanya sesebuah peribahasa Melayu oleh masyarakat Melayu pada ketika dahulu dengan lebih jelas.

3.2.1.2 Kaedah Pengumpulan Data

Menurut Sugiyono (2009: 224), kaedah pengumpulan data adalah satu langkah yang paling strategik dalam penyelidikan kerana tujuan utama penyelidikan dilakukan adalah untuk mendapatkan data. Dalam sesebuah kajian, proses mengumpul data amat penting untuk mendapatkan maklumat-maklumat atau informasi yang mempunyai kaitan dengan kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji. Pengumpulan sesebuah data merupakan suatu tahap kepada proses kajian. Di tahap ini, pengkaji akan menggunakan kaedah saintifik bagi mengumpulkan data-data yang sistematik sebagai tujuan untuk menganalisis data. Kaedah sebegini adalah untuk melihat bagaimana sesebuah data yang dikumpulkan dalam kajian dilakukan secara teratur dan kemas. Kaedah pengumpulan data penting untuk menentukan kaedah yang sesuai untuk mengutip data kajian yang dilakukan. Melalui kaedah pengumpulan data, pengkaji dapat mengutip pelbagai data berkaitan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu bagi tujuan penyelidikan (Marican: 2005). Oleh itu, pengkaji memilih untuk menggunakan data sekunder yang merujuk kepada kaedah kepustakaan dan kaedah internet sebagai suatu kaedah dalam proses pengumpulan data terhadap kajian ini.

3.2.1.3 Kaedah Kepustakaan

Menurut Siti Sarah (2015), dalam sebuah penyelidikan, kaedah kepustakaan amat penting bagi pengkaji untuk mendapatkan rujukan, maklumat dan data yang berbentuk teks

bagi kajian yang dilakukan. Tambahan lagi, pengkaji menggunakan kaedah kajian yang berbentuk kualitatif, makanya kajian kepustakaan amatlah perlu. Kaedah kepustakaan digunakan bagi mendapatkan segala maklumat yang berbentuk dokumentasi. Tujuan pengumpulan data dilakukan melalui kaedah kepustakaan adalah untuk memudahkan pengkaji mencari data-data yang berbentuk fakta dan tulen berkaitan dengan kajian secara lebih terperinci. Lazimnya, sebelum sesuatu kajian dilakukan, pengkaji akan mendapatkan maklumat melalui bahan-bahan ilmiah seperti buku-buku ilmiah, tesis dan artikel jurnal yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu berkaitan dengan kajian di perpustakaan agar data yang diperolehi adalah berasas. Oleh yang demikian, pengkaji mendapatkan kesemua bahan rujukan seperti yang dinyatakan di atas sebagai data dalam kajian di beberapa perpustakaan yang berdekatan dengan pengkaji iaitu Perpustakaan Awam Daerah Bentong dan Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan.

3.2.1.4 Kaedah Internet

Kaedah lain yang digunakan oleh pengkaji dalam proses pelaksanaan kajian berlangsung adalah melalui kaedah internet. Pengkaji menggunakan kaedah internet sebagai sumber untuk mendapatkan data-data dan maklumat tambahan berkaitan kajian yang dapat digunakan oleh pengkaji bagi membantu pengkaji menyiapkan kajian dengan jayanya. Selain itu, data-data yang diperolehi melalui kaedah internet digunakan bagi menyokong kajian yang dilakukan. Ekoran daripada itu, pengkaji telah mengakses beberapa laman sesawang untuk mendapatkan data sokongan kepada kajian yang dilakukan. Antara laman sesawang yang diakses oleh pengkaji adalah *Google Scholar*, *My Thesis Online (MyTo)*, *Open Access Theses and Dissertations (OATD)*, *Academia.edu*, Artikel Jurnal atas talian, Dewan Bahasa dan Pustaka,

Wikipedia, Blogger ilmiah, Surat Khabar atas talian dan lain-lain lagi yang berkaitan kajian. Selain itu, kaedah sebegini penting digunakan oleh pengkaji dalam penulisan kajian. Hal ini demikian kerana, penggunaan kaedah internet amat membantu pengkaji dari aspek pengukuhan data dalam dapatan kajian.

3.2.2 Penerapan Teori

Sesebuah penyelidikan menggunakan teori sebagai panduan dalam menghasilkan kajian secara terperinci dan mengukuhkan lagi analisis data kajian yang dilakukan. Teori yang digunakan oleh pengkaji dalam proses menganalisis data adalah untuk menguatkan lagi sesebuah kajian. Justeru, kajian ini menggunakan Teori Keindahan Braginsky sebagai alat untuk menganalisis keindahan dalam peribahasa Melayu. Seperti yang diketahui umum, peribahasa Melayu yang merupakan salah satu tradisi kesusasteraan lisan bagi masyarakat Melayu itu mengandungi berbagai keindahan tersembunyi di sebalik pemaknaan simbol yang perlu digali supaya keindahan itu dapat diperlihatkan dengan jelas kepada khalayak. Oleh itu, penerapan Teori Keindahan Braginsky yang diterapkan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah untuk memperkukuhkan lagi sesuatu penjelasan dan hujahan bagi menjawab objektif serta persoalan kajian yang disertakan dengan fakta-fakta dalam Teori Keindahan Braginsky.

3.2.2.1 Teori Keindahan Braginsky

Teori Keindahan telah dikemukakan oleh Prof. V.I. Braginsky pada tahun 1994 yang merupakan sarjana ulung bagi kesusasteraan Melayu klasik. Teori ini membincangkan

mengenai nilai keindahan yang terkandung dalam sesebuah karya kesusasteraan baik secara lisan mahupun tulisan. Dalam mengkaji keindahan hasil tradisi kesusasteraan lisan, Teori Keindahan Braginsky dilihat sesuai untuk diterapkan dalam kajian yang dilakukan. Kesusasteraan lisan yang dicipta oleh masyarakat Melayu pada ketika dahulu seperti peribahasa Melayu sarat dengan nilai-nilai keindahan dan ianya berkait rapat dengan kehidupan masyarakat Melayu. Hal ini demikian kerana, masyarakat Melayu mempunyai pemahaman yang tersendiri tentang keindahan dan teknik yang tertentu bagi mewujudkan keindahan dalam hasil karya mereka (Fadzilah Amzah, 2016). Oleh yang demikian, Braginsky (1994) dalam teorinya ini telah mengemukakan konsep keindahan kepada dua bahagian iaitu pendekatan keindahan dalaman melalui aspek asal usul keindahan dan pendekatan keindahan luaran melalui aspek sifat-sifat *immanen* keindahan serta psikologi persepsi keindahan.

3.2.2.2 Pendekatan Keindahan Dalaman

Menurut pandangan Imam Ghazali yang merupakan salah seorang ilmuwan Islam telah mengistilahkan keindahan dalaman sebagai *mujarad* yang merujuk kepada keindahan tersirat yakni keindahan yang tidak dapat dinyatakan atau dirasakan tetapi hanya dapat dilihat oleh akal atau dicerap melalui akal (Braginsky, 1994). Keindahan dalaman bertindak sebagai keindahan yang membawa kepada pengajaran atau istilah lainnya keindahan didaktik. Manakala mengikut pandangan Abd al-Karim al-Jili, seorang pengikut aliran sufi Wahdatul al-Wujud telah berpendapat bahawa keindahan dalaman adalah keindahan *jamal* yang merujuk kepada keindahan ketuhanan sementara keindahan luaran merujuk kepada keindahan alam fizikal atau dengan diistilahkan sebagai *husn*. Perkataan “jamal” berasal daripada kata Arab yang memberi maksud indah dan cantik. Walau bagaimanapun perkataan “jamal”

dimaksudkan dengan perkataan “elok” oleh masyarakat Melayu. Hal ini demikian kerana, karya kesusasteraan dan karangan tasawuf Melayu sering menggunakan perkataan “elok” dan “indah” dalam membezakan antara keindahan hakiki (*jamal*) dengan keindahan fenomena (*husn*). Perkataan “elok” lebih dekat dengan makna yang mengutamakan pengertian baik, berguna, bermanfaat dan berfaedah berbeza dengan makna perkataan “indah”.

a) Aspek Asal Usul Keindahan

Asal usul keindahan merujuk kepada punca keindahan yang mempunyai perkaitan rapat dengan ilmu metafizik (Braginsky, 1994). Ilmu ini secara khususnya membicarakan mengenai hakikat kewujudan manusia dan alam di muka bumi ini. Erti kata lain, aspek ini berkaitan dengan kekuasaan dan kebesaran Allah SWT dalam mewujudkan segala makhluk yang ada di dunia ini termasuklah alam semula jadi. Asal usul keindahan yang terkandung dalam sesebuah karya sastera telah memberi kesedaran kepada para pengarang untuk mengenal punca keindahan itu sendiri sekaligus mengakui kewujudan dan kebesaran Allah SWT yakni Tuhan Yang Maha Esa melalui proses penciptaan. Ekoran daripada itu, istilah “indah” dalam aspek ini memberi cerminan kepada kekuasaan Allah SWT yang tiada tolok bandingnya dalam mencipta segala yang Dia kehendaki (Fadzilah Amzah, 2016). Petanda kekuasaan Allah SWT telah digunakan oleh pengarang dalam berbagai cara seperti menggunakan perkataan yang memuji Allah SWT dalam sesebuah karya dan lain-lain lagi. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa aspek asal usul keindahan ini berkait rapat dengan Islam yang mana ia memperlihatkan kepada khalayak tentang sesuatu keindahan itu adalah berpunca daripada kekuasaan dan keagungan Allah SWT.

3.2.2.3 Pendekatan Keindahan Luaran

Keindahan luaran adalah keindahan yang diperhatikan melalui pancaindera atau dicerap pancaindera (Braginsky, 1994). Istilah keindahan luaran oleh menurut Imam Ghazali, disebut sebagai *maujud* merujuk kepada keindahan yang terdedah pada penglihatan. Keindahan luaran itulah yang seharusnya disampaikan kepada pembaca melalui karya kesusasteraan pada zaman klasik dengan cara-cara tersendiri yakni menerusi keindahan luaran sebagai suatu bentuk, isyarat dan petunjuk (Faridatul Azida et al., 2014). Selain itu, keindahan luaran berasal daripada keindahan fenomena dala fizikal yang diistilahkan oleh Abd al-Karim al-Jili sebagai *husn* yang bermaksud “indah”. Perkataan “indah” sinonim dengan masyarakat Melayu yang menyebut “indah” sebagai “endah” dalam bahasa Jawa yang membawa maksud bagus, luar biasa, ganjil, menarik, aneh, sekaligus yang menonjol dan mencolok mata. Namun begitu, perkataan “elok” dan “indah” dilihat oleh masyarakat Melayu sebagai maksud yang sama namun pada hakikatnya ianya mempunyai makna perkataan yang berbeza.

Seterusnya, perkataan “indah” digunakan secara meluas dalam penulisan berbentuk hikayat bagi menjelaskan keadaan sesuatu benda yang nyata dan hadir di pancaindera. Contohnya, melalui pemandangan alam, taman-taman bunga, istana, pakaian dan sebagainya yang dapat dilihat oleh pancaindera. Selain itu juga, perkataan “indah” sering digunakan bagi memberi gambaran berkenaan sifat bunyi seperti bunyi percakapan, nyanyian, muzik dan lain-lain lagi bahkan bunyi daripada pernyataan sesebuah karya yang dihasilkan turut dapat dilihat sama ada secara tersurat mahupun tersirat. Bunyi daripada pernyataan dalam karya merujuk kepada kemerduan dan keharmonian karya itu sendiri dengan memanfaatkan penggunaan bahasa, rentak dan irama dalam sesebuah penghasilan karya. Meskipun penggunaan perkataan “indah” diberikan penekanan yang lebih dalam kesusasteraan Melayu tradisi bagi menafsirkan alam zahir (pemandangan, bunyi dan tindakan), namun perkataan tersebut tidak sekali-kali

digunakan bagi penafsiran wajah. Hal ini demikian kerana, penafsiran wajah lebih sesuai untuk digunakan dengan perkataan “elok” yang merujuk kepada keindahan dalaman disebabkan oleh keelokan wajah merupakan kewujudan secara langsung daripada zat Allah (Fadzilah Amzah, 2016).

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa konteks penggunaan kedua-dua perkataan yakni “elok” dan “indah” perlu diselidik secara lebih terperinci oleh kerana kedua-dua perkataan tersebut mempunyai titik pertemuan dan juga perbezaannya yang tersendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Melayu pada abad pertengahan mempunyai pemahaman dan tanggapan tersendiri mengenai erti keindahan yang terkandung dalam sesebuah karya kesusasteraan dan penggunaannya dalam hasil karangan Melayu serta ianya bukanlah hanya bersifat hiasan semata-mata, malahan mempunyai kewajaran dan kepentingannya yang khusus serta tersendiri.

a) Aspek Sifat-Sifat *Immanen* Keindahan

Secara umumnya, konsep keindahan dilatari oleh sifat-sifat *immanen* yang terkandung dalam sesuatu keindahan. Sifat-sifat *immanen* keindahan ini merujuk kepada berbagai sifat sama ada sifat yang beraneka ragam mahupun luar biasa (Braginsky, 1994). Sifat yang beraneka ragam adalah berkaitan dengan gambaran atau perihal sesuatu objek atau benda yang dinyatakan melalui pelbagai cara. Hal ini dikatakan demikian kerana kepelbagaian sifat yang disebut itu kebanyakannya dapat ditemui dalam karya kesusasteraan terutamanya dalam teks Melayu klasik menerusi pernyataan yang berbunga-bunga, alat muzik, irama, pakaian, pepohonan dan lain-lain lagi (Fadzilah Amzah, 2016). Selain itu, keanekaragaman yang terkandung dalam karya-karya kesusasteraan turut disusun secara harmoni sebagaimana yang

diperjelaskan oleh Braginsky (1994) bahawa suatu benda atau objek yang beraneka ragam haruslah bersifat teratur dan harmoni dengan disusun secara tertib, tersusun dan berstruktur. Keharmonian dapat ditelusuri dalam struktur mahupun isi dalam sesebuah karya kesusasteraan yakni melalui keteraturan dan ketertiban susun lapis sesebuah isi cerita. Di samping itu, keharmonian juga dapat diperhatikan menerusi pemilihan kata dan pemakaian bahasa yang sesuai untuk digunakan ketika memerihalkan sesuatu perkara mahupun objek (Fadzilah Amzah, 2016). Hal ini dikatakan demikian kerana perkara, benda, objek dan perbuatan yang elok atau indah itu diperikan dengan pemakaian bahasa yang sesuai dan padan. Sebagai contoh, syair, pantun, peribahasa dan seumpamanya memiliki gaya bahasa yang pelbagai sekaligus memancarkan keindahan karya tersebut.

b) Aspek Psikologi Persepsi Keindahan

Psikologi adalah suatu bentuk kajian mental, jiwa ataupun rohani individu selain interaksi seseorang dengan keadaan di persekitarannya baik secara fizikal mahupun sosial. (Kamus Dewan, 2005). Manakala aspek psikologi persepsi keindahan ini membincangkan mengenai cara bagaimana suatu “keindahan” yang terkandung dalam sesebuah karya kesusasteraan itu meninggalkan kesan atau jejak kepada khalayak pembaca mahupun pendengar. Hal ini dikatakan demikian kerana sifat keindahan yang dijelaskan dalam pelbagai bentuk sehingga mendorong kepada keharmonian pastinya dapat memberi kesan terhadap jiwa khalayak yang mendengar, membaca dan mengamati keindahan dalam sesebuah karya kesusasteraan. Walau bagaimanapun, kesan keindahan dalam aspek ini terbahagi kepada dua yakni kesan keindahan yang bersifat luaran dan kesan keindahan yang bersifat dalaman (Braginsky, 1994). Bagi menentukan kesan keindahan dalam sesebuah karya kesusasteraan

sama ada ia kesan yang bersifat luaran mahupun dalaman adalah bergantung kepada keadaan individu yang menerimanya. Contohnya, kesan keindahan luaran dapat dirasai oleh khalayak jika keindahan itu diamati secara zahir oleh pancaindera, manakala kesan keindahan dalaman pula dapat dirasai jika seseorang itu mengamati keindahan menggunakan kekuatan akal fikiran mereka (Fadzilah Amzah, 2016).

Justeru, dalam mengkaji hasil kesusasteraan tradisi lisan iaitu peribahasa Melayu, pengkaji akan mengeluarkan keindahan melalui dua konsep atau pendekatan Braginsky iaitu keindahan dalaman melalui aspek asal usul keindahan dan keindahan luaran melalui aspek sifat-sifat *immanen* keindahan serta aspek psikologi persepsi keindahan yang terkandung dalam peribahasa Melayu dengan menggunakan Teori Keindahan yang telah dikemukakan oleh Vladimir Braginsky dalam kajian yang dilakukan.

3.3 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini menjelaskan mengenai metodologi kajian dan reka bentuk kajian yang digunakan secara menyeluruh. Pemilihan reka bentuk kajian amat penting dalam menentukan kaedah analisis yang perlu digunakan oleh pengkaji sepanjang proses pelaksanaan kajian dilakukan. Selain itu, bagi melihat keberhasilan sesebuah kajian adalah dengan pemilihan reka bentuk kajian yang tepat dan sesuai. Sehubungan dengan itu, pemilihan reka bentuk kajian adalah berlandaskan kepada objektif kajian. Sebagai mengkaji hasil kesusasteraan tradisi lisan, reka bentuk kajian kualitatif telah dipilih untuk digunakan dalam kajian yang dilakukan. Hal ini dikatakan demikian kerana data-data yang berkaitan dengan perlambangan alam dalam peribahasa Melayu akan dianalisis selepas bahagian metodologi kajian dilaksanakan. Reka bentuk kajian yang jelas, kemas dan teratur akan mempengaruhi

dapatan kajian dan hasil kualiti kajian yang dilakukan. Oleh itu, data-data yang telah dikumpul dan diperolehi dalam reka bentuk kajian ini akan menghasilkan dapatan kajian berkaitan keindahan perlambangan alam dalam peribahasa Melayu.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan membuat perbincangan mengenai analisa data terhadap simbol-simbol yang melambangkan alam semula jadi yang telah dikenal pasti dalam peribahasa Melayu. Segala data yang diperoleh melalui penggunaan kaedah kualitatif akan dihuraikan dalam bab ini. Bahagian ini dilakukan oleh pengkaji bagi menjawab kepada objektif kajian yang telah dinyatakan dalam bab terdahulu dengan mengikut susunan. Pengkaji menyenaraikan simbol-simbol alam semula jadi dengan membahagikannya kepada dua bahagian yakni simbol alam semula jadi hidup dan bukan hidup. Simbol alam semula jadi tersebut akan dianalisis menerusi makna peribahasa yang dikemukakan berlandaskan teori Keindahan Braginsky (1994). Sehubungan dengan itu, kajian ini akan mengenal pasti simbol-simbol yang menjadikan alam semula jadi sebagai perlambangan terlebih dahulu. Kemudiannya, proses menganalisis simbol alam semula jadi sama ada alam semula jadi hidup ataupun bukan hidup akan dilakukan bagi memperlihatkan dan memperjelas kepada khalayak tentang keindahan yang terkandung di sebalik simbol alam dalam ungkapan peribahasa Melayu. Bagi melihat keindahan simbol alam tersebut, kajian ini akan menggunakan dua pendekatan keindahan yang dikemukakan oleh Braginsky (1994) yakni keindahan dalaman dan keindahan luaran berserta tiga aspek keindahan yang terkandung dalam pendekatan tersebut yakni aspek asal usul keindahan, sifat-sifat *immanen* keindahan dan persepsi psikologi keindahan.

4.2 Jenis Simbol Alam Semula Jadi

Simbol merupakan suatu bentuk perlambangan atau simbolik yang digunakan bagi menyatakan sesuatu lambang. Sebagai contoh, kata simbol digunakan untuk memberi perlambangan terhadap alam semula jadi. Alam merujuk kepada dunia atau segala apa yang ada di langit mahupun di bumi, manakala semula jadi dapat dikatakan sesuatu yang wujud sejak lahir atau erti lainnya, tanpa adanya gangguan dan campur tangan manusia (Damanhuri Djamil, 1985). Alam semula jadi pula mempunyai dua kategori yakni alam semula jadi hidup dan bukan hidup. Sesuai dengan pendefinisian alam semula jadi itu sendiri yang menyeluruhi segala benda hidup dan benda bukan hidup yang telah wujud secara semula jadi di dunia atau muka bumi ini. Oleh yang demikian, pengkaji mengelaskan simbol alam semula jadi ini kepada dua bahagian dengan menyenaraikan sebanyak enam peribahasa yang berlambangkan alam semula jadi hidup dan enam peribahasa simbol alam semula jadi bukan hidup, manakala setiap satu simbol akan dimasukkan sebanyak tiga peribahasa dalam kajian ini. Pengkelasan simbol alam tersebut adalah sepertimana dalam jadual di bawah:

Simbol Alam Semula Jadi Hidup	Simbol Alam Semula Jadi Bukan Hidup
Simbol Air	Simbol Minyak
Simbol Hujan	Simbol Batu
Simbol Sungai	Simbol Emas
Simbol Haiwan	Simbol Besi
Simbol Tumbuh-Tumbuhan	Simbol Kertas
Simbol Tanah	

Jadual 4.1: Kategori Simbol Alam (Sumber: Aisyah Humaira, 2022)

4.2.1 Simbol Alam Semula Jadi Hidup

Simbol alam semula jadi hidup adalah berkaitan dengan segala sesuatu yang bersifat hidup. Sesuatu yang hidup merujuk kepada sesuatu yang bergerak, bernafas bagi seorang manusia dan membiak bagi menambahkan jumlah bilangan (Nurfatihah Mustafa, 2015). Walau bagaimanapun, dalam kajian ini hanya berfokus kepada alam yang bersifat hidup secara semula jadi seperti tumbuh-tumbuhan, haiwan, air, tanah, angin, gunung-ganang, bukit-bukau dan lain-lain lagi yang dikelaskan sebagai alam flora, fauna dan alam cakerawala. Daripada 10 simbol alam semula jadi hidup yang diperolehi daripada data kajian, sebanyak enam simbol yang telah dikenal pasti untuk dianalisis dalam kajian iaitu simbol air, hujan, sungai, tumbuh-tumbuhan, haiwan, dan simbol tanah.

4.2.1.1 Simbol air

Air merupakan suatu sumber penting yang sangat diperlukan dalam kehidupan manusia sejagat dan ianya pasti tidak dapat dipisahkan juga dari kehidupan semua makhluk yang hidup di muka bumi ini (Ani Mardatila, 2020). Hal ini dikatakan demikian kerana air berperanan sebagai alat keperluan utama dalam kehidupan seharian kerana ianya bukan hanya sekadar diminum bagi menghilangkan dahaga, namun menjadi sebagai alat pembersihan seperti membersihkan diri, membasuh pakaian, kenderaan dan sebagainya selain turut menjadi alat bagi menyuburkan tanam-tanaman dan memulihkan haiwan. Air yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada umat manusia juga bertindak sebagai alat penyucian diri untuk berwuduk dan bersuci daripada hadas. Di samping itu, air juga penting untuk digunakan dalam menyediakan masakan. Erti kata lain, air amat akrab dengan kehidupan manusia kerana ia

menjadi salah satu sumber utama dalam kehidupan seharian sejak dulu, kini dan selamanya (Saifuddin et al, 2015).

Simbol air merupakan lambang kepada alam yang memberi banyak manfaat kepada seluruh kehidupan manusia. Berdasarkan fungsi dan peranan air dalam kehidupan manusia telah mendorong masyarakat Melayu untuk mentafsir, menilai dan menterjemahkan pemikiran atau pandangan mereka ke dalam peribahasa melalui proses pemerhatian terhadap air. Dengan itu, masyarakat Melayu telah menjadikan air sebagai suatu perlambangan dan makna tertentu yang mempunyai kaitannya dengan manusia. Beberapa peribahasa yang mengandungi simbolik air disenaraikan sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Data	Peribahasa Simbol Air	Makna Simbol
P66	Air jernih, ikannya jinak	Pemerintah yang baik
P59	Air dicincang tidak akan putus	Hubungan adik beradik
P60	Air di cucuran atap, jatuhnya di pelimbahan juga	Sikap seorang anak

Jadual 4.2: Peribahasa Simbol Air (Sumber: Sapinah Haji Said, 2013)

Peribahasa yang mengandungi simbolik air sepertimana yang telah disenaraikan dalam jadual di atas ialah “air jernih, ikannya jinak” yang membawa maksud keadaan di sesebuah negeri yang aman dan penduduknya hidup dalam keadaan yang baik serta harmoni semuanya (Sapinah Haji Said, 2013). Simbol air ini digunakan untuk merujuk kepada lambang kejernihan air tanpa berlakunya pencemaran. Hal ini menjadikan keadaan sesuatu tempat itu bersih dan menarik serta ikan-ikan yang hidup di situ juga turut dikatakan jinak. Keadaan kawasan yang

berair itu kelihatan menarik dan mempunyai ciri-ciri yang menyenangkan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa jika sesebuah negara mahupun negeri itu ditadbir oleh pemerintah yang baik dan beribawa, maka rakyat atau penduduknya juga akan hidup dalam keadaan yang baik tanpa berlaku sebarang persengketaan. Oleh itu, pemilihan pemerintah atau ketua yang baik amat penting bagi menjamin kesejahteraan dan keharmonian rakyat atau penduduk di sesebuah kawasan sama ada di daerah, negeri mahupun negara.

Seterusnya, ungkapan peribahasa “air dicincang tidak akan putus” membawa maksud perselisihan dan persengketaan yang berlaku dalam hubungan adik-beradik atau saudara-mara tidak akan kekal lama kerana pada akhirnya akan tetap berbaik semula (Sapinah Haji Said, 2013). Simbolik air yang digunakan dalam peribahasa ini merujuk kepada hubungan darah antara adik-beradik atau saudara-mara dalam keluarga. Ini bermaksud, hubungan antara adik-beradik atau saudara mara tidak akan dapat dirosakkan atau diputuskan dengan mudah selagi masih hidup meskipun berlaku pergaduhan atau perselisihan faham yang besar di antara keduanya. Hal ini dikatakan demikian kerana hubungan darah yang mengalir pada tubuh badan antara satu sama lain mempunyai satu ikatan kasih sayang yang amat kuat. Dalam hal ini jelas menunjukkan bahawa hubungan adik-beradik tidak mudah untuk diputuskan meski apa pun yang berlaku di antara keduanya. Oleh itu, setiap individu hendaklah menjauhi perbuatan atau sikap yang boleh mendatangkan keburukan antara satu sama lain bahkan memberi impak negatif demi menjaga keharmonian dan hubungan baik dalam sesebuah keluarga bersama-sama.

Air dapat dikaitkan dengan sifat dan perilaku manusia sepertimana peribahasa “air di cucuran atap, jatuhnya di pelimbahan juga” yang membawa maksud keadaan seorang anak yang dilahirkan bersih lama-kelamaan akan mengikut perilaku orang tuanya atau asal keturunannya (Sapinah Haji Said, 2013). Simbol air yang digunakan dalam peribahasa ini merujuk kepada air hujan yang turun akan jatuh ke atas bumbung rumah akan mengalir di

ruahan atap terlebih dahulu. Keadaan molekul air yang berada di tempat tinggi adalah bersih sebelum ia jatuh ke tanah lalu menjadi kotor. Walau bagaimanapun, air yang bersifat bersih itu tadi akhirnya akan jatuh juga ke pemetung atau tempat takungan air yang kotor sebagaimana air yang lain juga. Hal ini memberi gambaran kepada sifat keperibadian seseorang anak yakni tingkah lakunya akan mengikut sikap tidak baik kedua ibu bapa atau asal keturunannya apabila menginjak dewasa. Seseorang anak adalah ibarat sehelai kain putih yang kosong dan bersih yang diberikan kepada setiap ibu bapa untuk mencorakkannya sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Tidaklah seorang bayi yang dilahirkan melainkan dalam keadaan fitrah, maka kedua orang tuanya lah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Musyrik” (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim) Sumber: <http://addienblog.blogspot.com/2012/05/mencorakkan-anak-dengan-acuan-islam.html>

Oleh yang demikian, ibu bapa haruslah menunjukkan tauladan yang baik kepada anak-anak serta bertanggungjawab dalam mendidik seseorang anak supaya menjadi seorang manusia yang berkeperibadian mulia dan jauh dari sikap mazmumah.

4.2.1.2 Simbol Hujan

Hujan adalah salah satu anugerah nikmat yang diturunkan oleh Allah SWT kepada sekalian umat manusia serta makhluk-makhlukNya yang ada di muka bumi. Hal ini dikatakan demikian kerana penurunan hujan yang merupakan satu fenomena alam mendatangkan banyak

kebaikan kepada seluruh makhluk baik manusia, haiwan mahupun tumbuh-tumbuhan. Kenyataan ini disokong oleh Zamanuddin Jusoh (2015), di antara pelbagai nikmat yang dianugerahkan oleh Allah SWT, kita dapat menemukan beberapa nikmat kurniaan Ilahi antaranya nikmat tumbuh-tumbuhan dan mineral yang keluar dari perut bumi dan nikmat hujan yang turun daripada langit untuk menyuburkan tumbuh-tumbuhan serta dapat memberi manfaat kepada manusia dan seluruh makhluk Allah yang lainnya. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa hujan mendatangkan banyak manfaat kepada seluruh kehidupan di muka bumi. Dalam pada itu, manfaat hujan kepada manusia juga turut disebut di dalam Al Quran menerusi firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan Kami turunkan air dari langit berbentuk hujan yang penuh dengan keberkatan dan manfaat daripadanya sekaligus menjadikan tanaman dan kebun subur dengan hasil lumayan yang dapat dituai” (Surah al Qaf, ayat 9).

Masyarakat Melayu tradisional melihat hujan sebagai suatu kejadian alam yang mempunyai kaitannya dengan kehidupan manusia. Lalu, menjadikan hujan sebagai lambang untuk memberi gambaran tentang sikap dan kejadian sesuatu perkara, misalnya. Peribahasa yang mempunyai simbolik hujan adalah seperti yang disenaraikan dalam jadual di bawah:

Data	Peribahasa Simbol Hujan	Makna Simbol
P2554	Panas setahun dihapuskan oleh hujan sehari	Perlakuan kebaikan
P1459	Hujan berpohon, panas berasal	Sebab berlakunya sesuatu
P2845	Sediakan payung sebelum hujan	Bersiap sedia

Jadual 4.3: Peribahasa Simbol Hujan (Sumber: Sapinah Haji Said, 2013)

Terdapat tiga peribahasa yang menunjukkan simbol hujan sepertimana yang telah dinyatakan dalam rajah di atas. Peribahasa “panas setahun dihapuskan oleh hujan sehari” membawa maksud kebaikan yang banyak dilakukan oleh seseorang akan hilang disebabkan oleh kesalahan yang sedikit (Sapinah Haji Said, 2013). Simbol hujan digunakan adalah untuk menunjukkan apabila turunnya hujan selama sehari, keadaan cuaca yang panas atau kemarau jangka panjang yang berlarutan selama setahun di sesuatu kawasan atau tempat akan hilang. Perihal ini merujuk kepada walau sebesar mana pun kebaikan yang telah dilakukan oleh seseorang tidak lagi diingati oleh orang lain apabila seseorang itu melakukan kesalahan sekalipun kesalahan itu hanya sedikit atau kecil sahaja. Keadaan masyarakat yang pantas menghukum seseorang dengan membesar-besarkan kesalahan orang lain sehingga menyebabkan kebaikan yang dilakukan oleh orang itu lenyap begitu sahaja sering dikaitkan dengan peribahasa di atas. Oleh yang demikian, setiap individu tidak seharusnya menghukum seseorang hanya disebabkan satu kesalahan yang telah dilakukan sahaja dengan menghapus segala kebaikan yang telah dilakukan kerana pada hakikatnya semua manusia yang hidup di muka bumi ini pastinya tidak akan boleh lari daripada melakukan kesalahan.

Penurunan hujan adalah daripada awan disebabkan oleh awan yang penuh dengan embun kemudian embun itu menjadi air, lalu turun ke bumi menjadi hujan (Sofia, 2021). Peribahasa simbol hujan “hujan berpohon, panas berasal” telah dicipta oleh masyarakat Melayu yang bermaksud segala sesuatu yang berlaku sudah pasti mempunyai sebab-sebab tertentu (Sapinah Haji Said, 2013). Simbol hujan dalam peribahasa di atas merujuk kepada sebab atau punca turunnya hujan. Hal ini dikatakan demikian kerana hujan berasal daripada pokoknya yakni awan manakala panas turut mempunyai asalnya seperti hujan iaitu daripada matahari

atau api. Jelaslah, peribahasa “hujan berpohon, panas berasal” digunakan dalam menggambarkan setiap perkara atau kejadian mempunyai asal-usul atau sebab mengapa ia dicipta dan berlaku.

Selain itu, simbol hujan turut digunakan dalam peribahasa “sediakan payung sebelum hujan” yang bermaksud sentiasa berwaspada atau menyiapkan diri sebelum berlakunya perkara yang tidak diingini (Sapinah Haji Said, 2013). Simbol hujan tersebut merujuk kepada sesuatu perkara atau bencana yang tidak diduga akan berlaku. Hal ini dikatakan demikian kerana manusia tidak akan tahu pada waktu atau ketika bila hujan akan turun walaupun ramalan hujan dilakukan. Erti kata lain, penurunan hujan tidak dapat dipastikan oleh sesiapa sahaja. Sebagai langkah berjaga-jaga, setiap orang haruslah sentiasa membawa payung apabila keluar rumah meskipun cuaca di luar rumah tidak hujan ataupun tidak memiliki petanda untuk hujan. Jika payung disediakan dengan terlebih dahulu sudah pasti ia menjadi berguna apabila hujan turun sewaktu dalam perjalanan kerana payung tersebut dapat melindungi tubuh badan manusia daripada basah disebabkan hujan. Justeru, simbol hujan yang dinyatakan dalam peribahasa ini telah memberi gambaran kepada masyarakat untuk sentiasa bersedia terlebih dahulu baik dari aspek fizikal mahupun mental sebelum berlakunya sesuatu perkara atau bencana yang tidak diingini berlaku seperti ditimpa kesusahan, berhadapan dengan kejutan budaya, peperiksaan dan sebagainya.

4.2.1.3 Simbol Sungai

Sungai adalah laluan air semula jadi yang terbina dengan kekuasaan Sang Pencipta dan memiliki pelbagai fungsi dalam kehidupan manusia dan hidupan sungai. Menurut Dinamika Hidrosfer (2018) dalam Novi (2020), sungai ialah suatu aliran permukaan air yang berbentuk

memanjang dan mengalir secara berterusan dari hulu ke hilir. Hulu yang dikatakan adalah punca, sumber atau permulaan aliran sungai, manakala hilir pula sinonim dengan muara yang membawa maksud penghujung, pengakhiran atau berakhirnya aliran sungai. Sungai yang merupakan salah satu bahagian permukaan bumi yang terletak di bawah tanah didatangi oleh curahan air hujan sebelum air itu mengalir ke laut dan tasik (Hamzah, 2009).

Seterusnya, sungai digunakan oleh masyarakat Melayu untuk dijadikan sebagai perlambangan dalam peribahasa. Sungai bukan sahaja tempat untuk dijadikan sebagai kawasan perkelahan dan mandi-manda, namun sungai turut menjadi sumber bekalan air kepada manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Selain itu, simbol sungai digunakan dalam peribahasa kerana mempunyai pelbagai kegunaan dalam kehidupan manusia sebagai lubang sumber pendapatan, pembinaan, aktiviti riadah dan sebagainya yang menjadikan sungai mempunyai kaitan yang rapat dengan manusia (Anisa Nadiah et al., 2012). Sebanyak tiga jenis peribahasa yang mempunyai simbol sungai dihuraikan dalam kajian ini sepertimana yang disenaraikan dalam jadual di bawah:

Data	Peribahasa Simbol Sungai	Makna Simbol
P2092	Mana sungai yang tiada berhulu	Semua orang ada tempat asal-usulnya
P61	Air didih menganak sungai	Hiburan atau rezeki yang melimpah-ruah
P1953	Laksana mencari sungai yang tidak berhulu	Perbuatan yang sia-sia

Jadual 4.4: Peribahasa Simbol Sungai (Sumber: Sapinah Haji Said, 2013)

Setiap sungai yang mengalir mempunyai punca atau permulaan aliran sungai itu berlaku. Peribahasa “mana sungai yang tiada berhulu” menunjukkan maksud yang sama dengan pernyataan di atas yakni setiap bangsa atau kaum tentunya mempunyai asal-usul dari mana ia datang (Sapinah Haji Said, 2013). Simbol sungai dalam peribahasa ini merujuk kepada lambang asal-usul. Hal ini dikatakan demikian kerana walaupun kepastian air sungai kadangkala tidak dapat dikesan puncanya, namun setiap sungai yang mengalir tentu mempunyai asal mulanya yang disebut sebagai hulu dan daripada hulu itulah yang akan membawa air sungai itu mengalir ke hilir atau muara. Begitu juga dengan manusia yang mempunyai asal-usul. Oleh yang demikian, asal-usul sungai memberi gambaran sama dengan manusia bahawa setiap manusia tidak kira bangsa atau kaum apa pun sudah tentu mempunyai asal-usulnya sendiri sepertimana peribahasa yang terungkap “mana sungai tiada berhulu”.

Selanjutnya, peribahasa “air didih menganak sungai” memberi perlambangan tentang keadaan air sungai yang mengalir. Maksud peribahasa tersebut ialah hiburan menarik atau rezeki yang melimpah-ruah (Sapinah Haji Said, 2013). Simbol sungai yang digunakan dalam peribahasa ini merujuk kepada rezeki yang mencurah-curah banyaknya. Menurut Sapinah (2013) juga, peribahasa ini memperlihatkan keadaan yang berlaku pada zaman dahulu yang mana raja-raja pada masa itu mengadakan pesta atau kenduri dan kemudian memanggil rakyat-rakyatnya untuk meraikan pesta tersebut. Sungai dalam peribahasa ini dilambangkan dengan rezeki yang banyak kerana air apabila sedang mendidih dalam sebuah periuk akan melimpah ke luar daripada periuk jika jumlah air itu terlalu banyak di dalamnya, manakala perkataan “menganak” yang digunakan pula adalah singkatan daripada kata “anak” dan menganak sungai membawa maksud anak sungai. Justeru, apabila digabungkan menjadi “air didih menganak sungai” bermaksud air yang dikatakan melimpah keluar itu akan mengalir seperti anak sungai disebabkan air yang terlalu banyak itu, begitu juga dengan masyarakat yang mengadakan majlis keraian kerana mempunyai rezeki yang melimpah-ruah.

Sementara itu, peribahasa “laksana mencari sungai yang tidak berhulu” pula membawa makna sesuatu perbuatan atau kelakuan yang mendatangkan kesia-siaan sahaja. Simbol sungai ini merujuk kepada perbuatan sia-sia. Keterkaitan makna peribahasa ini dengan simbol sungai adalah kerana jika sungai itu dicari dari mana ia datang, kita tidak akan menemui punca atau hulunya kerana sungai sememangnya tidak memiliki punca atau hulu yang sebenar-benarnya. Erti kata lain, hulu sungai sukar untuk dikesan puncanya malahan seseorang yang mencari hulu sungai dikatakan sebagai melakukan sesuatu yang sia sia kerana hulu sungai yang dicari itu tentunya tidak akan ditemui bahkan membazirkan masa dan tenaga bagi siapa yang mencarinya (Sapinah Haji Said, 2013). Oleh yang demikian, seseorang yang melakukan perbuatan yang sia-sia atau tidak mendatangkan faedah kepadanya diibaratkan dengan “laksana mencari sungai yang tidak berhulu”.

4.2.1.4 Simbol Haiwan

Haiwan atau binatang adalah seekor makhluk bernyawa yang dicipta oleh Allah SWT dan merupakan makhluk Tuhan yang mempunyai hubungan paling dekat dengan kehidupan manusia (Arif Fahmi, 2020). Hal ini dikatakan demikian kerana haiwan mempunyai ciri-ciri persamaan dengan manusia dari segi kelakuan, watak, sifat dan sebagainya. Haiwan memiliki bermacam bentuk dan ciri-cirinya tersendiri sepertimana yang telah dijelaskan di dalam Al-Quran menerusi firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan Allah menciptakan berbagai jenis binatang dari air, kemudian sebahagian ada yang berjalan di atas perutnya, sebahagian berjalan dengan dua kaki, dan sebahagian yang lain berjalan dengan empat kaki. Allah menciptakan segala apa yang Dia

kehendaki, kerana sesungguhnya Allah Maha Berkuasa di atas tiap-tiap sesuatu”
(Surah an Nur, ayat 45).

Haiwan bukan sahaja dijadikan sebagai sumber makanan dan minuman bagi manusia malahan menjadi sumber bahan mentah dalam penghasilan barang keperluan manusia seperti pakaian, misalnya. Peranan, sifat dan perwatakan haiwan kepada kehidupan manusia menjadi faktor utama dalam terciptanya peribahasa yang berlambangkan haiwan. Peribahasa yang menggunakan simbolik haiwan adalah sepertimana yang disenaraikan dalam jadual di bawah:

Data	Peribahasa Simbol Haiwan	Makna Simbol
P3030	Seperti kucing kehilangan anak	Sangat gelisah dan tidak tentu arah
P3034	Seperti kura-kura terlentang	Orang sakit yang tidak berdaya
P3060	Seperti murai dicabut ekor	Banyak mulut

Jadual 4.5: Peribahasa Simbol Haiwan (Sumber: Sapinah Haji Said, 2013)

Salah satu sifat haiwan yang paling akrab dengan manusia ialah kucing. Kucing ialah haiwan yang sering diumpamakan dengan sifat manusia seperti sifat penyayang dan manja. Walau bagaimanapun, kelakuan lain yang ada pada kucing ialah gelisah sama seperti manusia. Perihal ini dilihat menerusi peribahasa “seperti kucing kehilangan anak” yang bermaksud kelakuan seseorang yang amat gelisah dan menjadi tidak tentu arah (Sapinah Haji Said, 2013). Simbol binatang yakni kucing ini merujuk kepada perasaan gelisah dan tidak tentu arah. Hal ini dikatakan demikian kerana kucing adalah binatang yang terserlah dengan sifat sayang akan anaknya sama seperti manusia. Disebabkan rasa sayang itu, jika anaknya hilang ibu kucing

tersebut akan menjadi tidak tentu arah kerana didorong oleh perasaan gelisah. Kucing itu akan berlari ke sana ke mari sambil mengiau untuk mencari anaknya. Begitulah persamaan kucing yang ditujukan kepada manusia yang sedang gelisah dan menjadi tidak tentu arah jika berlaku sesuatu perkara dalam kehidupan mereka. Oleh yang demikian, seseorang yang berasa resah, gelisah dan menjadi tidak tentu arah terhadap sesuatu disamakan dengan peribahasa “seperti kucing kehilangan anak”.

Seterusnya, sifat fizikal haiwan seperti tubuh badannya juga diberi persamaan dengan keadaan tubuh manusia. Salah seekor haiwan yang diberi persamaan tersebut adalah kura-kura. Sapinah Haji Said (2013: 1085) menjelaskan makna dari peribahasa “seperti kura-kura terlentang” adalah seseorang yang sedang sakit dan tidak berdaya. Simbol kura-kura yang digunakan dalam peribahasa ini merujuk kepada orang sakit yang tidak boleh bangun atau tidak boleh melakukan apa-apa perkara. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila seekor kura-kura terlentang atau terbalik, ia tidak akan mampu untuk kembali kepada keadaan atau posisi asalnya disebabkan badannya yang berat dan berkaki pendek. Kura-kura tersebut memerlukan pertolongan untuk mengembalikan badannya kepada keadaan asal semula. Oleh yang demikian, keadaan kura-kura ini telah disamakan dengan keadaan manusia kerana apabila ia sakit terbaring, sudah pasti dirinya tidak mampu untuk bangun kerana tubuh orang yang sakit berada dalam keadaan lemah dan menyebabkan tidak mempunyai kekuatan untuk melakukan sedemikian.

Manakala peribahasa “seperti murai dicabut ekor” pula membawa makna seseorang yang bising mulutnya. Simbol murai dalam peribahasa ini menggambarkan seseorang yang banyak mulut. Hal ini dikatakan demikian kerana murai disifatkan sebagai seekor burung yang suka membuat bising terutamanya pada waktu pagi dengan berkicau. Sifat burung murai yang sedia bising itu akan bertambah bising mulutnya apabila ekornya dicabut atau ditarik. Begitu

juga dengan seseorang yang suka membuat keadaan menjadi riuh-rendah apabila bertemu dengan orang lain yang sama perangai dengannya yakni bercakap banyak atau becok mulutnya. Oleh yang demikian, peribahasa di atas menggambarkan bahawa seseorang yang becok atau banyak mulut sering disamakan dengan peribahasa “seperti murai dicabut ekor” selain turut digelar sebagai “mulut murai”.

4.2.1.5 Simbol Tumbuh-Tumbuhan

Menurut Kamus Dewan (2017), tumbuh bermaksud sesuatu yang hidup merujuk kepada benih, pokok dan lain-lain, manakala tumbuh-tumbuhan bererti sesuatu yang hidup merujuk kepada sesuatu yang berakar, berbatang, berdaun, berbuah dan lain-lain akan disifatkan sebagai tumbuh-tumbuhan. Tumbuh-tumbuhan terdiri daripada pokok, buah-buahan dan tanam-tanaman yang dapat dilihat di seluruh muka bumi ini. Selain itu, tumbuh-tumbuhan yang hidup di muka bumi banyak mendatangkan manfaat kepada manusia dalam kehidupan mereka sehari-hari. Perihal ini telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam Al Quran dengan firman-Nya yang bermaksud:

“Dan Kami menghujani bumi dengan air hujan dari langit, lalu Kami tumbuhkan di bumi dengan berbagai jenis tumbuh-tumbuhan yang memberi banyak manfaat” (Surah al-Luqman, ayat 10).

Manfaat tumbuh-tumbuhan bukan sahaja untuk hidupan manusia, akan tetapi untuk hidupan haiwan serta alam semesta juga. Hal ini dikatakan demikian kerana tumbuh-tumbuhan

menjadi sumber makanan dan bekalan oksigen kepada hidupan manusia dan haiwan. Selain itu, masyarakat zaman dahulu menjadikan tumbuh-tumbuhan sebagai ubat-ubatan tradisional dan ia masih kekal digunakan oleh segelintir masyarakat dalam perubatan moden (Nor Hizal, 2017). Berdasarkan manfaat dan hubungan akrab masyarakat dengan tumbuh-tumbuhan telah mendorong masyarakat Melayu lama menghasilkan peribahasa yang bersimbolkan tumbuh-tumbuhan. Antara peribahasa yang menggunakan tumbuh-tumbuhan sebagai simbolik kepada alam adalah seperti yang dijadualkan di bawah:

Data	Peribahasa Simbol Tumbuh-Tumbuhan	Makna Simbol
P303	Bagai cendawan tumbuh selepas hujan	Sesuatu yang terlalu banyak
P3296	Takkan cempedak berbau nangka	Menyelidik sesuatu perkara terlebih dahulu
P1507	Ilmu padi, makin berisi makin tunduk	Seorang yang bersifat rendah diri

Jadual 4.6: Peribahasa Simbol Tumbuh-Tumbuhan (Sumber: Sapinah Haji Said, 2013)

Peribahasa “bagai cendawan tumbuh selepas hujan” membawa makna sesuatu yang terlalu banyak pada sesuatu masa (Sapinah Haji Said, 2013). Simbol tumbuh-tumbuhan melalui leksikal cendawan merujuk kepada sesuatu yang tidak terhitung banyaknya. Perihal ini menunjukkan bahawa cendawan atau kulat tumbuh subur di keadaan tempat yang lembab atau sejuk malah tempat seperti memudahkan lagi cendawan ini untuk tumbuh dengan banyak. Menurut Sapinah (2013), waktu paling sesuai bagi pertumbuhan cendawan adalah waktu selepas hujan. Hal ini dikatakan demikian kerana, selepas hujan tempat tanaman cendawan

akan berada pada suhu lembab dan sejuk yang mana menggalakkan lagi cendawan tersebut untuk tumbuh secara banyaknya. Justeru, peribahasa “bagai cendawan tumbuh selepas hujan” adalah untuk menggambarkan tentang keadaan sesuatu perkara yang menjadi terlalu banyak pada sesuatu masa sepertimana cendawan yang tumbuh banyak selepas hujan.

Selanjutnya, peribahasa “takkan cempedak berbau nangka” bermaksud selidik dahulu sesuatu perkara sebelum mempercayai kata-kata orang lain (Sapinah Haji Said, 2013). Simbol cempedak dalam peribahasa ini merujuk kepada jangan mudah percaya akan kata-kata orang lain. Cempedak adalah buah yang sama jenis dengan nangka. Walaupun rupanya dikatakan lebih kurang sama, namun bau kedua-dua jenis buah ini adalah berbeza. Perbezaan kedua-dua buah ini harus diteliti melalui bau dan rasanya terlebih dahulu bagi mengetahui yang mana satukah buah cempedak dan buah nangka. Berdasarkan perbezaan tersebut, sebagai manusia yang mempunyai deria rasa dan bau seharusnya tahu membezakan kedua-dua jenis buah yang memiliki kelainan dari segi bau dan rasanya. Oleh yang demikian, istilah cempedak yang digunakan dalam peribahasa ini adalah untuk memberi gambaran kepada manusia supaya selidik dengan teliti akan sesuatu perkara sebelum terus mempercayai kata-kata orang lain kerana sesuatu yang dilihat dan didengar belum tentu ia adalah betul sebaliknya perlulah diselidik kebenarannya terlebih dahulu.

Peribahasa “ilmu padi, makin berisi makin tunduk” pula membawa makna semakin banyak ilmu dan semakin tinggi pangkat seseorang itu, semakin merendah diri. (Sapinah Haji Said, 2013). Simbol padi dalam peribahasa ini merujuk kepada sifat rendah hati atau rendah diri yang ada pada diri seseorang. Hal ini dikatakan demikian kerana, istilah ilmu yang digunakan dalam pokok padi adalah apabila buah padi tersebut semakin berisi, semakin rendah pokok padi itu menunduk disebabkan kandungan buah itu yang bertambah berat. Perihal ini memberi persamaan kepada ilmu dan pangkat yang ada pada diri seseorang tidak menjadikannya seorang yang angkuh dan sombong, sebaliknya semakin merendah diri

walaupun memiliki banyak ilmu dan pangkat yang tinggi. Justeru, seseorang yang merendah diri, tidak angkuh dan sombong boleh dikaitkan dengan peribahasa “ilmu padi, makin berisi makin tunduk”.

4.2.1.6 Simbol Tanah

Menurut sarjana Barat Alfred (1920), tanah ialah campuran bahan pepejal dalam bentuk zarah-zarah kecil air dan udara yang mengandungi nutrien serta berfungsi dalam menumbuhkan tumbuhan. Hal ini dikatakan demikian kerana tanah adalah salah satu bahagian permukaan bumi yang terbentuk daripada mineral dan bahan semula jadi atau organik yang dihasilkan oleh tumbuh-tumbuhan dan haiwan yang telah mati. Bahan organik tersebut akan menyerap ke dalam tanah dan kemudiannya dijadikan sebagai bahan penghasilan baja organik. Tanah berperanan penting dalam kehidupan manusia dan hidupan lain di muka bumi khususnya hidupan tumbuh-tumbuhan. Fungsi tanah kepada manusia adalah sebagai alat untuk menghasilkan tumbuh-tumbuhan. Melalui tumbuh-tumbuhan tersebut akan terhasilnya bekalan makanan dan oksigen dan kemudiannya akan menyerap karbon dioksida dan nitrogen.

Selain itu, tanah turut menjadi bahan mentah kepada masyarakat tradisional dalam menghasilkan barang keperluan harian manusia contohnya periuk tanah. Terdapat pelbagai jenis tanah yang memiliki fungsi-fungsinya tersendiri. Oleh itu, fungsi dan peranan tanah dalam kehidupan masyarakat telah menjadi asbab kepada penciptaan peribahasa yang berlambangkan tanah. Beberapa peribahasa yang mempunyai simbol tanah dapat dilihat menerusi jadual di bawah:

Data	Peribahasa Simbol Tanah	Makna Simbol
P3137	Setinggi-tinggi melambung surutnya ke tanah juga	Kembali ke tempat asal
P1372	Hancur badan dikandung tanah, budi yang baik terkenang juga	Budi bahasa yang tidak dilupakan orang
P1420	Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah	Peraturan dan adat yang perlu diikuti

Jadual 4.7: Peribahasa Simbol Tanah (Sumber: Sapinah Haji Said, 2013)

Penggunaan simbol tanah dalam peribahasa dapat dilihat menerusi peribahasa “setinggi-tinggi melambung, surutnya ke tanah juga” yang membawa makna selalu kembali ke tempat asalnya (Sapinah Haji Said, 2013). Simbol tanah yang digunakan dalam peribahasa ini adalah asal usul tempat seseorang yakni tanah. Manakala leksikal melambung merujuk kepada terbang tinggi seperti burung yang terbang tinggi melambung akhirnya akan turun ke tanah juga yakni tempat asalnya untuk mencari makan. Begitu juga dengan manusia apabila mempunyai kampung halaman sudah tentu bercita-cita untuk kembali ke tanah yakni kampung halaman walaupun mempunyai kerjaya di tempat lain. Hal ini dikatakan demikian kerana kampung halaman yang dijadikan sebagai lambang tanah itu adalah tempat di mana seseorang membesar dan menghabiskan waktu-waktu kecilnya sehinggalah berjaya mendapat pekerjaan di tempat lain. Oleh yang demikian, peribahasa di atas menggambarkan walau dimana pun tempat tinggal seseorang setelah bekerja tentu akan pulang ke kampung halamannya juga.

Peribahasa “hancur badan dikandung tanah, budi yang baik terkenang juga” bermaksud budi bahasa yang baik tidak akan dilupakan orang (Sapinah Haji Said, 2013). Simbol tanah dalam peribahasa tersebut merujuk kepada tempat yakni tanah di mana jasad seseorang akan

dikebumikan setelah meninggal dunia. Hal ini dikatakan demikian kerana, jasad seseorang yang dikebumikan di dalam tanah selepas meninggal dunia akan hancur dimakan tanah. Walau bagaimanapun, jika seseorang itu memiliki budi yang baik dengan sentiasa melakukan kebaikan, jasa tersebut akan sentiasa dikenang selama-lamanya oleh orang ramai meskipun seseorang itu telah meninggal dunia dan jasadnya telah hancur di dalam tanah. Justeru, peribahasa di atas menunjukkan bahawa sesiapa yang melakukan kebaikan pasti akan diingat dan dikenang oleh orang meskipun dirinya tidak lagi hidup di muka bumi.

Manakala peribahasa “hidup dikandung adat, mati dikandung tanah” pula membawa makna hidup yang harus mengikut peraturan dan kebiasaan yang berlaku (Sapinah Haji Said, 2013). Simbol tanah dalam peribahasa ini merujuk kepada peraturan dan adat yang perlu diikuti semasa hidup. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam kehidupan manusia mempunyai adat dan peraturan-peraturan tertentu yang perlu dipatuhi dan diikuti bagi menjamin kehidupan yang selamat. Adat ialah suatu kebiasaan yang diamalkan oleh orang-orang terdahulu yakni pada zaman nenek moyang yang perlu diikuti oleh generasi selepasnya malah sehingga kini. Walaupun demikian, apabila seseorang itu telah mati, jasadnya akan dikandung tanah yakni berada di dalam kubur yang ditambuni dengan tanah dan pada ketika itu terpulanglah kepada hukum Tuhan pula.

4.2.2 Simbol Alam Semula Jadi Bukan Hidup

Simbol alam semula jadi bukan hidup pula adalah berkaitan dengan segala sesuatu yang bersifat tidak hidup atau hidupan yang tidak bernyawa. Sesuatu yang bukan hidup merujuk kepada sesuatu objek yang tidak bergerak, tidak bernafas bagi seorang manusia dan tidak membiak bagi menambahkan jumlah bilangan (Nurfatihahq Mustafa, 2015). Walau

bagaimanapun, bahagian dalam kajian ini akan berfokus kepada alam semula jadi yang bersifat bukan hidup seperti sumber mineral, galian, makanan, pakaian, objek kitar semula dan lain-lain lagi yang dikategorikan sebagai alam semula jadi. Daripada tujuh simbol alam semula jadi bukan hidup yang diperolehi daripada data kajian, sebanyak lima simbol yang telah dikenal pasti untuk disenaraikan dalam kajian yakni simbol minyak, batu, emas, besi dan simbol kertas.

4.2.2.1 Simbol Minyak

Minyak adalah satu kumpulan bahan kimia yang tergolong dalam golongan lipid yakni kumpulan sebatian organik seperti lemak dan lilin yang tidak larut dalam air (Abdillah Siddiq, n.d). Manakala dari sudut pandangan saintifik, minyak ialah bahan kimia alami yang berbentuk cecair likat dan kebiasaannya diletakkan pada suhu persekitaran dan ianya tidak larut dalam air (Oxford English Dictionary, 2001: 213) dalam Hishamudin & Mashetoh (2017). Sumber minyak diperolehi melalui sumber tanaman, haiwan dan hasil bumi. Kepelbagaian minyak yang ada di muka bumi ini mengandungi kegunaan dalam kehidupan manusia sehari-hari. Contohnya, minyak kelapa sawit penting dalam kehidupan seharian masyarakat untuk digunakan dalam bahan masakan, misalnya. Justeru, minyak turut mempunyai hubung kait dengan manusia. Istilah minyak yang digunakan sebagai simbol alam dalam peribahasa adalah sepertimana yang disenaraikan dalam jadual di bawah:

Data	Peribahasa Simbol Minyak	Makna Simbol
P3051	Seperti menatang minyak yang penuh	Dijaga dengan baik dan sempurna
P458	Bagai pelita kehabisan minyak	Tidak bercahaya atau berseri lagi
P3059	Seperti minyak dengan air	Sesuatu yang mustahil untuk bersatu

Jadual 4.8: Peribahasa Simbol Minyak (Sumber: Sapinah Haji Said, 2013)

Peribahasa yang menggunakan simbol minyak adalah peribahasa “seperti menatang minyak yang penuh” yang membawa maksud dijaga dengan baik dan sempurna (Sapinah Haji Said, 2013). Simbol minyak yang digunakan dalam peribahasa ini merujuk kepada ibu bapa yang menjaga anak-anak mereka dengan sempurna sekali walau dalam apa jua keadaan. Leksikal menatang dalam peribahasa tersebut adalah membawa sesuatu benda atau objek di atas tapak tangan. Manakala minyak pula adalah sesuatu yang mempunyai kegunaannya dalam kehidupan manusia sehari-hari dan apabila minyak itu dituang di dalam bekas sehingga penuh ia perlulah dijaga dengan baik sewaktu ditatang menggunakan tangan. Hal ini dikatakan demikian kerana minyak yang ditatang atau dibawa dengan menggunakan tangan perlulah dijaga dengan sempurna supaya minyak tersebut tidak tumpah. Justeru, ibu bapa yang menjaga anak-anak mereka dengan baik dan sempurna diibaratkan dengan peribahasa “seperti menatang minyak yang penuh”.

Peribahasa simbol minyak yang seterusnya ialah “bagai pelita kehabisan minyak” membawa makna tidak berseri-seri atau bercahaya lagi (Sapinah Haji Said, 2013). Simbol minyak dalam peribahasa ini merujuk kepada wajah seseorang yang kehilangan seri atau tidak

kelihatan berseri-seri lagi. Hal ini dikatakan demikian kerana pelita merupakan sebuah bekas yang dimasukkan sumbu dan diisi minyak di dalamnya. Kaedah itu dilakukan adalah untuk menyalakan api pelita tersebut dan pelita itu berfungsi sebagai alat yang memberi cahaya dalam keadaan gelap seperti pada waktu malam. Walau bagaimanapun, api yang memberi cahaya itu akan terpadam jika minyak di dalam pelita tersebut habis. Pelita yang mempunyai minyak yang sedikit pula akan menyebabkan api yang member cahaya tersebut menjadi semakin malap dan akhirnya akan terpadam pada bila-bila waktu sahaja. Justeru, perihal ini menggambarkan wajah seseorang yang menghidap penyakit atau sedang sakit akan kelihatan pucat yakni tidak berseri-seri lagi sebagaimana api pelita tersebut yang semakin malap cahayanya apabila kehabisan minyak.

Manakala peribahasa “seperti minyak dengan air” membawa makna sesuatu perkara yang mustahil untuk disatukan (Sapinah Haji Said, 2013). Simbol minyak yang digunakan dalam peribahasa ini merujuk kepada suatu perkara yang tidak mungkin boleh bersatu dengan perkara yang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana minyak merupakan suatu cecair yang tidak boleh atau erti lainnya tidak akan dapat bercampur dengan air. Molekul minyak dikatakan ringan berbanding dengan molekul air menyebabkan minyak tidak dapat bersatu dengan air. Apabila minyak dicampurkan juga dalam air, minyak tersebut akan naik ke atas dan berada tetap di situ, manakala air pula akan turun ke bawah. Peribahasa ini adalah untuk memberi gambaran tentang ibadah dan maksiat yang tidak akan dapat bersatu kerana ibadah merupakan kebaikan sedangkan maksiat pula adalah keburukan. Oleh yang demikian, ibadah dan maksiat sama sekali tidak boleh bersatu sepertimana minyak dengan air yang mustahil untuk disatukan kedua-duanya agar menjadi satu.

4.2.2.2 Simbol Batu

Menurut Kamus Pelajar (2008), batu bermaksud suatu objek keras dan kukuh yang berasal dari bumi. Walaupun batu merupakan objek yang keras dan kukuh akan tetapi ia bukan kategori logam dan terdiri daripada pelbagai jenis batu. Bukan logam yang dikatakan adalah merujuk kepada sifat batu yang tidak terbakar, tidak boleh ditempa dan tidak larut dalam air. Batu merupakan objek semula jadi yang terstruktur daripada sekumpulan mineral yang membentuk kerak bumi secara padat, tumpat dan berselerakan. Selain itu, batu turut dikategorikan sebagai alam semula jadi kerana keadaannya yang terhasil secara alami. Batu yang bersifat keras dan kukuh ini mengandungi pelbagai kegunaan dalam kehidupan manusia terutamanya sebagai alat pembinaan bagi menggantikan kayu. Istilah batu turut digunakan dalam bidang perubatan seperti dijadikan nama sesuatu penyakit dan juga menjadi lambang kekerasan, sesuatu yang berat dan seangkatan dengannya. Penggunaan simbol batu dalam peribahasa dapat dilihat menerusi jadual di bawah sebagaimana yang telah disenaraikan dalam kajian ini:

Data	Peribahasa Simbol Batu	Makna Simbol
P1520	Intan disangka batu kelikir	Tidak tahu menghargai
P588	Batu jatuh ke lubuk	Hilang atau lenyap
P597	Beban berat senggulung batu	Tanggungan yang berat

Jadual 4.9: Peribahasa Simbol Batu (Sumber: Sapinah Haji Said, 2013)

Peribahasa yang menggunakan simbol batu dapat dilihat sepertimana yang disenaraikan dalam jadual di atas iaitu peribahasa “intan disangka batu kelikir” yang bermaksud tidak tahu menghargai sesuatu yang indah atau baik (Sapinah Haji Said, 2013). Simbol batu yang digunakan dalam peribahasa ini merujuk kepada seseorang yang tidak tahu atau tidak pandai menghargai sesuatu yang indah ataupun baik. Hal ini dikatakan demikian kerana intan merupakan sejenis batu permata yang sangat berharga dan mempunyai nilai yang tinggi manakala batu kelikir pula adalah sejenis batu-batu kecil yang tidak mempunyai nilai. Walau bagaimanapun, intan yang mahal dan mempunyai nilai yang tinggi itu akan dianggap sebagai batu kerikil yang tidak bernilai bagi orang yang tidak pandai menilai. Oleh yang demikian, sesuatu yang indah dan baik itu perlulah dihargai oleh semua orang supaya sesuatu yang bernilai itu dapat dihargai dengan sebaik-baik mungkin.

Selanjutnya, peribahasa “batu jatuh ke lubang” pula bermaksud hilang atau lenyap sekelip mata (Sapinah Haji Said, 2013). Simbol batu yang digunakan dalam peribahasa ini merujuk kepada sesuatu benda atau seseorang yang hilang atau lenyap secara tiba-tiba. Hal ini dikatakan demikian kerana batu apabila jatuh ke dalam sebuah lubang yakni sebuah tempat yang dalam akan terus lenyap dan batu itu tidak mungkin akan timbul mahupun muncul lagi. Bunyi batu yang jatuh ke dalam lubang juga tidak akan didengari kerana kawasan lubang yang begitu dalam. Perihal ini disamakan dengan seseorang yang secara tiba-tiba hilang tanpa khabar berita dan tidak kembali lagi. Oleh yang demikian, sesuatu objek yang hilang atau seseorang yang hilang sama seperti batu yang dijatuhkan di dalam lubang yang sangat dalam sehingga bunyi batu tersebut tidak dapat didengari apatah lagi untuk timbul semula.

Manakala peribahasa “beban berat senggulung batu” membawa makna tanggungan yang amat berat (Sapinah Haji Said, 2013). Simbol batu dalam peribahasa ini merujuk kepada sesuatu beban yang berat untuk ditanggung oleh seseorang. Beban merupakan sejenis muatan

atau barang yang dibawa oleh seseorang, manakala senggulung pula bermaksud suatu objek yang dijadikan sebagai alas kepala untuk disandarkan di belakang kepala bagi melegakan sakit kepala yang dirasakan sewaktu mengangkat barang. Walau bagaimanapun, senggulung tersebut diperbuat daripada batu yang tentunya berat. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila seseorang sedang mengangkat beban yang sedia ada berat, ditambah pula dengan alas kepala yang diperbuat daripada batu itu menjadikan beban yang ditanggung oleh seseorang semakin bertambah beratnya.

4.2.2.3 Simbol Emas

Menurut Kamus Dewan (2005), emas ialah sejenis logam yang berwarna kuning dan mempunyai nilai yang sangat tinggi atau mahal. Emas mempunyai pelbagai kegunaan dalam kehidupan manusia antaranya dijadikan sebagai barang perhiasan, sumber matawang, hasil seni dan sebagainya. Emas berasal daripada logam yang berupa ketulan *nugget* atau butiran kecil yang terdapat dalam batuan. Masyarakat Melayu yang berada pada zaman pra-sejarah lagi telah menggunakan emas sebagai barang perhiasan dalam kehidupan seharian mereka dan ia masih kekal sehingga kini dan dikatakan kekal sepanjang zaman kerana nilai emas yang semakin tinggi. Oleh yang demikian, masyarakat Melayu lama mewujudkan peribahasa yang menggunakan simbol emas sebagai suatu lambang ketulenan, bernilai tinggi atau berharga dan juga lambang kedaulatan oleh kerana nilai emas yang sangat berharga. Peribahasa yang menggunakan simbol emas adalah seperti yang disenaraikan dalam jadual di bawah:

Data	Peribahasa Simbol Emas	Makna Simbol
P1468	Hutang emas dapat dibayar, hutang budi dibawa mati	Kebaikan orang yang akan diingat selama-lamanya
P1251	Emas disangka loyang	Orang miskin yang disangka jahat
P1250	Emas berpeti, kerbau berkandang	Harta benda yang perlu dijaga dan disimpan di tempat selamat

Jadual 4.10: Peribahasa Simbol Emas (Sumber: Sapinah Haji Said, 2013)

Peribahasa “hutang emas dapat dibayar, hutang budi dibawa mati” bermaksud budi bahasa seseorang tidak dapat dibalas dengan wang ringgit tetapi akan diingat oleh orang lain seumur hidup (Sapinah Haji Said, 2013). Simbol emas yang digunakan dalam peribahasa ini merujuk kepada kebaikan yang dilakukan oleh seseorang akan dikenang sepanjang hayat walaupun telah orang itu telah tiada. Emas adalah suatu objek yang sangat bernilai, manakala budi pula adalah perbuatan atau tingkah laku yang baik. Merujuk kepada maksud peribahasa ini, apabila seseorang itu mempunyai hutang emas dengan orang lain, hutang tersebut perlulah dibayar atau dilangsaikan dengan emas juga. Walau bagaimanapun, jika seseorang itu terhutang budi dengan orang lain yakni suatu benda yang tidak dapat dilihat, hutang tersebut tidak mampu dibayar dengan wang ringgit atau emas sekalipun malahan akan dikenang budinya itu sehingga akhir hayatnya. Justeru, peribahasa ini menggambarkan bahawa seseorang yang mempunyai budi pekerti mulia dan sentiasa berbuat kebaikan akan diingat selama-lamanya walaupun orang itu telah mati.

Simbol emas lainnya merujuk kepada seseorang yang miskin disangka orang jahat. Ini dapat dilihat menerusi peribahasa “emas disangka loyang” yang mempunyai makna keadaan

orang miskin dan sedang melarat disangkakan jahat oleh orang lain (Sapinah Haji Said, 2013). Emas seperti yang diketahui umum adalah sejenis logam yang berwarna kuning keemasan dan mempunyai nilai yang tinggi atau dapat dikatakan sesuatu yang sangat berharga, manakala loyang pula adalah sejenis tembaga yang sama warna dengan emas yakni berwarna kuning. Persamaan warna emas dan loyang ini menjadi asbab kepada segelintir masyarakat yang beranggapan bahawa emas itu adalah loyang yang berharga rendah walhal emas tersebut adalah sesuatu yang sangat berharga. Oleh yang demikian, emas dalam peribahasa ini dijadikan sebagai perlambangan kepada keadaan orang yang miskin manakala loyang pula sebagai simbol orang jahat sedangkan orang miskin tersebut ialah orang yang baik sepertimana sifat emas yang bernilai tinggi dan amat berharga.

Selanjutnya, simbol emas dalam peribahasa “emas berpeti, kerbau berkandang” pula bermaksud harta benda yang perlu dijaga dan disimpan di tempat yang sepatutnya bagi menjamin keselamatan harta benda tersebut (Sapinah Haji Said, 2013). Simbol emas yang digunakan dalam peribahasa ini merujuk kepada penjagaan selamat terhadap harta benda yang dimiliki. Hal ini dikatakan demikian kerana emas adalah logam berharga yang kebiasaannya digunakan sebagai perhiasan dan juga sebagai simbol kekayaan. Emas secara kebiasaannya, disimpan di dalam sebuah peti selamat bagi mengelak sebarang kecurian berlaku. Manakala kerbau pula adalah sejenis binatang yang akan disimpan atau diletakkan di dalam sebuah kandang bagi mengelak kerbau itu terlepas atau melarikan diri serta mengelak daripada dicuri oleh orang. Oleh yang demikian, emas yang dilambangkan sebagai harta benda yang sangat bernilai dan berharga akan mendorong untuk orang lain mencuri. Emas tidak sepatutnya disimpan di tempat terbuka atau diletakkan di merata tempat kerana ia sangat berharga, begitu juga dengan harta benda yang melimpah-ruah. Justeru, harta benda yang banyak perlulah disimpan di tempat yang sepatutnya harta itu berada supaya selamat tanpa dicuri oleh sesiapa.

4.2.2.4 Simbol Besi

Besi ialah salah satu kategori logam sama seperti emas dan ia berwarna putih perak (Kamus Dewan, 2005). Besi disifatkan sebagai bahan mudah karat berbeza dengan emas yang bersifat anti karat. Selain itu, besi juga bersifat magnet dan berat. Terdapat pelbagai kegunaan besi dalam kehidupan masyarakat salah satunya adalah menjadi sebagai alat dan bahan pembinaan rumah, kereta dan sebagainya yang menggunakan besi sebagai bahan pembuatan atau pembinaan. Di samping itu, tubuh badan manusia memerlukan zat besi dalam pembentukan sel darah merah yakni *hemoglobin*. Besi merupakan unsur logam yang terdapat dalam kerak bumi. Fungsi dan kegunaan besi dalam hidupan manusia khususnya telah mendorong masyarakat Melayu tradisional mencipta peribahasa yang mempunyai perlambangan besi di dalamnya. Simbol besi yang digunakan dalam peribahasa adalah sebagaimana yang disenaraikan dalam jadual di bawah:

Data	Peribahasa Simbol Besi	Makna Simbol
P860	Besi ditempa selagi panas	Berusaha selagi masih kuat dan berdaya
P2197	Memegang besi panas	Melakukan sesuatu dengan diselubungi perasaan takut atau khatir
P2584	Parang gabus menjadi parang besi	Orang yang lemah menjadi kuat dan berkuasa

Jadual 4.11: Peribahasa Simbol Besi (Sumber: Sapinah Haji Said, 2013)

Antara peribahasa yang mengandungi simbolik besi sepertimana yang disenaraikan dalam jadual di atas ialah “besi ditempa selagi panas” yang membawa maksud berusaha selagi mempunyai kudrat yang kuat (Sapinah Haji Said, 2013). Simbol besi dalam peribahasa ini merujuk kepada seseorang yang perlu berusaha gigih selagi berdaya dan mampu. Hal ini dikatakan demikian kerana besi adalah sejenis logam yang hanya boleh dibentuk atau ditempa sewaktu ia masih dalam keadaan panas membara. Besi yang bersifat keras itu tidak akan mendatangkan kesan apabila diketuk sekuat mana pun atau ingin dibentuk apa pun kerana besi tersebut sudah berada dalam keadaan sejuk dan keras. Perihal ini untuk memberi gambaran tentang keadaan tubuh badan seseorang yang masih kuat dan mampu seharusnya perlu berusaha dengan gigih dalam membuat sesuatu pekerjaan. Erti kata lain, berusaha keras ketika usia masih muda adalah perlu kerana pada ketika itu mempunyai tenaga yang banyak dan apabila sudah tua tentunya tidak akan larat atau berdaya lagi untuk membuat kerja-kerja berat, misalnya.

Peribahasa simbol besi yang seterusnya ialah “memegang besi panas” bermaksud melakukan sesuatu pekerjaan dengan tidak tetap kerana berasa takut atau khuatir (Sapinah Haji Said, 2013). Simbol besi yang digunakan dalam peribahasa ini merujuk kepada perasaan takut yang menyelubungi seseorang mendorong kepada perlakuan kerja yang tidak tetap. Hal ini dikatakan demikian kerana besi dikatakan sebagai objek yang panas apabila dibakar atau terkena api dan apabila seseorang terpegang besi panas tersebut sudah tentu pegangan tersebut tidak akan bertahan lama. Justeru, besi itu akan dilepaskan dengan serta merta apabila tangan seseorang tersentuh objek yang panas kerana ia sangat menyakitkan dan boleh menyebabkan kepada melecur. Oleh yang demikian, besi dijadikan sebagai perlambangan kepada pekerjaan yang dilakukan secara tidak tetap, manakala panas pula sebagai lambang perasaan takut atau khuatir yang menyelubungi diri seseorang.

Manakala peribahasa “parang gabus menjadi parang besi” membawa maksud orang yang lemah tidak disangka akan menjadi kuat dan berkuasa. Simbol besi dalam peribahasa ini merujuk kepada orang yang dianggap biasa tidak disangka akan menjadi seorang yang hebat. Orang yang lemah itu diibaratkan seperti parang gabus kerana parang itu dihasilkan daripada gabus yang bersifat amat lembut. Namun demikian, parang gabus tersebut telah bertukar menjadi sebilah parang yang diperbuat daripada besi yang kuat dan tajam. Hal ini dikatakan demikian kerana sesuatu yang bersifat lembut tidak mungkin boleh digunakan untuk sesuatu yang keras. Begitu juga dengan manusia yang dianggap orang biasa tentunya tidak akan disangka akan menjadi seorang yang kuat dan berkuasa pada suatu hari sepertimana orang lain yang hebat. Oleh yang demikian, apabila orang yang dianggap biasa atau lemah, kemudian menjadi kuat, hebat dan berkuasa akan diibaratkan sebagai “parang gabus menjadi parang besi.

4.2.2.5 Simbol Kertas

Kertas merupakan perkataan Melayu yang dipinjam daripada perkataan Arab yakni قرطاس (qirtās). Menurut Kamus Dewan (2005), kertas ialah suatu objek yang berbentuk helaian atau kepingan nipis yang diperbuat daripada bahan alam semula jadi yakni pokok kayu lembut seperti pokok cemara dan pinus. Kertas adalah suatu objek atau bahan yang digunakan di atasnya untuk tujuan menulis, melukis, mencetak, membungkus makanan dan lain-lain lagi. Bahan yang digunakan dalam penghasilan kertas adalah daripada alam semula jadi hidup iaitu pokok. Bagaimanapun, pokok kayu yang dijadikan sebagai bahan pembuatan kertas telah menjadikan kertas sebagai bahan alam semula jadi bukan hidup. Kegunaan kertas amat penting dalam kehidupan masyarakat khususnya dalam media pendidikan. Oleh yang demikian, wujud peribahasa yang bersimbolkan kertas sebagai lambang kepada hubungan erat manusia

disebabkan kertas sering digunakan dalam kehidupan manusia sepertimana yang disenaraikan dalam jadual di bawah:

Data	Peribahasa Simbol Kertas	Makna Simbol
P305	Bagai dakwat dengan kertas	Perhubungan yang sangat akrab
P1480	Ibarat dakwat dengan kertas, bila boleh renggang terlepas	Pasangan yang sesuai dan saling berkasihan

Jadual 4.12: Peribahasa Simbol Kertas (Sumber: Sapinah Haji Said, 2013)

Peribahasa “bagai dakwat dengan kertas” membawa maksud perhubungan yang sangat akrab dan saling memerlukan antara satu sama lain (Sapinah Haji Said, 2013). Simbol kertas yang digunakan dalam peribahasa ini merujuk kepada hubungan persahabatan atau persaudaraan yang amat rapat dan tidak boleh berenggang. Hal ini dikatakan demikian kerana untuk menulis kertas haruslah mempunyai dakwat supaya dapat menghasilkan bentuk tulisan mahupun lukisan di atas kertas tersebut. Dakwat bermaksud suatu cecair berwarna yang terdiri daripada warna hitam, merah, biru dan sebagainya yang berfungsi sebagai alat tulis pada sehelai kertas. Dakwat kebiasaannya dimasukkan ke dalam bentuk pen yang berbadan panjang dan berbentuk runcing di bahagian bawahnya atau dikenali sebagai mata pen bagi memudahkan proses penulisan di atas kertas. Jika seseorang mempunyai dakwat akan tetapi tidak mempunyai kertas, ia menjadikannya tidak berguna kerana dakwat tersebut perlu dihasilkan pada kertas untuk membentuk tulisan di atasnya. Perihal ini menunjukkan bahawa dakwat memerlukan kertas, dan kertas memerlukan dakwat. Begitu juga dengan sahabat atau saudara yang saling memerlukan antara satu sama lain ataupun seorang sahabat yang tidak pernah berenggang dengan sahabatnya yang lain oleh kerana hubungan akrab yang telah terjalin antara mereka.

Seterusnya, peribahasa “ibarat dakwat dengan kertas, bila boleh renggang terlepas” pula membawa makna sangat sesuai dan berkasih-kasih antara satu sama lain (Sapinah Haji Said, 2013). Simbol kertas yang digunakan dalam peribahasa ini merujuk kepada pasangan yang berkasih sayang antara satu sama lain. Hal ini dikatakan demikian kerana dakwat yang merupakan tinta digunakan untuk tujuan menulis dan melukis. Bagi menghasilkan tulisan atau lukisan menggunakannya, dakwat memerlukan kertas kerana pasangan dakwat adalah kertas. Begitu juga dengan pasangan suami isteri, misalnya, yang saling berkasih sayang antara satu sama lain dan pasangan ini dilihat sesuai sekali. Seorang suami memerlukan seorang isteri untuk saling mencintai dan berkasih-kasih sama seperti dakwat dan kertas yang saling memerlukan.

4.3 Makna Keindahan Simbol-Symbol Alam Semula Jadi dalam Peribahasa Melayu Melalui Teori Keindahan Braginsky

Peribahasa dicipta oleh masyarakat Melayu tradisional yang berlambangkan alam semula jadi mengandungi ciri-ciri keindahan tersendiri bagi setiap makna lambang yang digunakan baik keindahan dari aspek dalaman mahupun luaran. Istilah makna mempunyai pengertian yang sama maksud dengan sesuatu takrif, pengertian, definisi mahupun tafsiran bagi sesuatu (Kamus Dewan, 2005). Setiap peribahasa yang wujud tentunya mengandungi maknanya sendiri baik tersirat mahupun tersurat bagi penyampaian kepada masyarakat secara sopan tanpa mengguriskan perasaan orang lain. Menurut Braginsky (1994: 18), istilah keindahan merujuk kepada salah satu istilah utama yang kebiasaannya digunakan dalam bentuk estetika kesusasteraan Melayu khususnya. Keindahan itu dapat dilihat menerusi keindahan alam fizikal, gaya bahasa yang digunakan, susunan kata, cara penyampaian dan pengajaran

tersirat di sebalik makna simbol peribahasa yang digunakan. Walau bagaimanapun, untuk melihat keindahan tersebut, perlulah diterokai dan dikupas makna peribahasa yang berlambangkan alam semula jadi bagi memperlihatkan secara lebih jelas lagi kepada khalayak tentang keindahan perlambangan alam yang digunakan tersebut. Sehubungan dengan itu, bahagian ini akan menganalisis makna keindahan simbol alam sepertimana yang telah disenaraikan sebelumnya dalam kajian ini dengan berpaksikan Teori Keindahan Braginsky (1994). Makna keindahan simbol tersebut akan dihuraikan dengan lebih mendalam melalui dua pendekatan yang telah dikemukakan oleh Braginsky (1994) dalam teorinya yakni pendekatan keindahan dalaman melalui aspek asal usul keindahan dan pendekatan keindahan luaran melalui aspek sifat-sifat *immanen* keindahan serta aspek psikologi persepsi keindahan.

4.3.1 Keindahan Dalaman

Keindahan dalaman merujuk kepada keindahan yang tidak dapat dilihat oleh pancaindera, namun hanya dapat dilihat dan dirasai melalui akal (Fadzilah Amzah, 2016). Makna tersirat dikatakan sebagai keindahan dalaman kerana ia menjerumus kepada hakikat kerohanian dengan mengagumi kewujudan, kekuasaan dan sifat Allah SWT yakni Tuhan bagi sekalian alam. Erti kata lain, keindahan dalaman adalah suatu keindahan yang bersifat hakiki dan tersembunyi yang melahirkan pengertian atau makna tersirat kepada khalayak (Braginsky, 1994a: 25). Hal ini dikatakan demikian kerana makna tersirat terhadap simbol alam yang digunakan dalam peribahasa hanya dapat difahami apabila seseorang melihat alam sebagai tanda kewujudan, kekuasaan dan kebesaran Allah SWT melalui akal yang dikurniakan-Nya. Sebagaimana pendapat yang diutarakan oleh Braginsky (1994) bahawa segala keindahan dalam kesusasteraan Melayu adalah berpunca daripada kudrat Allah SWT.

Kewujudan Allah dapat dilihat atau dirasakan oleh seluruh makhluk bernama manusia berdasarkan kewujudan alam semula jadi yang digunakan oleh pengarang sebagai lambang dalam peribahasa Melayu. Antara peribahasa yang menggunakan simbol alam semula jadi yang membuktikan secara jelas kewujudan Allah SWT sepertimana yang telah disenaraikan dalam bahagian objektif satu di atas adalah peribahasa simbol air, hujan, sungai, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan simbol tanah. Keenam-enam simbol ini tergolong dalam golongan alam semula jadi hidup. Erti kata lain, alam yang tercipta atau wujud secara semula jadi sebagai tanda kebesaran dan kekuasaan Allah SWT hanya boleh diamati melalui akal manusia. Di samping itu, keindahan Ilahi melalui penciptaan alam semesta turut banyak dibicarakan dalam al-Quran al-Karim bagi menyeru umat manusia untuk berfikir menggunakan anugerah akal yang dikurniakan Allah SWT dan merenungi keindahan-Nya sebagaimana yang telah disebut di dalam al-Quran menerusi firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan Dia lah Tuhan yang menghamparkan bumi dan meciptakan di atasnya gunung-ganang (yang berdiri kukuh) serta sungai-sungai (yang mengalir). Dan Dia menjadikan di atasnya buah-buahan yang terdiri dari pelbagai jenis dan setiap daripada buah itu secara berpasang-pasangan. Allah menggantikan malam kepada siang. Lihatlah! Semua ini mengandungi tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Allah bagi mereka yang (boleh) berfikir” (Surah ar-Ra’d, ayat 3).

Selain itu, keindahan dalaman disebut sebagai keindahan didaktik yang dapat dilihat melalui makna peribahasa yang ingin disampaikan oleh pengarang. Kesusasteraan Melayu tradisional secara keseluruhannya banyak mengandungi makna tersirat yang berbentuk didaktik atau pengajaran bersifat keagamaan kepada khalayak masyarakat (Braginsky, 1994:

47). Tambahan lagi, melalui keindahan didaktik yang disampaikan oleh pengarang akan melahirkan faedah atau manfaat dalam sesebuah karya khususnya dalam peribahasa Melayu. Oleh yang demikian, keindahan didaktik dapat dilihat menerusi makna keindahan hubungan manusia dengan Sang Pencipta yakni Allah SWT. Hal ini dikatakan demikian kerana manusia adalah sebagai perantaraan untuk menginterpretasikan keindahan alam yang merupakan anugerah keindahan Ilahi yang tidak bertepian buat seluruh hidupan di muka bumi ini.

4.3.1.1 Asal Usul Keindahan

Keindahan dalam peribahasa dilihat menerusi aspek yang dikemukakan oleh Braginsky yakni aspek asal usul keindahan. Aspek ini menekankan punca atau asal usul keindahan peribahasa Melayu. Masyarakat Melayu tradisional pada zaman dahulu melihat alam sekeliling sebagai tanda kekuasaan dan kekayaan Allah SWT, lalu mendorong mereka untuk menghargai keindahan *jamal* dengan mencipta peribahasa yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat sejagat. Menurut Abdul Halim Ali (2014), asal usul keindahan adalah salah satu aspek yang tergolong dalam keindahan dalaman yang mempunyai perkaitan langsung dengan keindahan Ilahi dan keindahan tersebut adalah sebahagian daripada Islam itu sendiri. Pernyataan ini sesuai dengan sifat Allah SWT yang indah sepertimana yang diriwayatkan oleh Ibnu Mas'ud r.a dalam sebuah hadis "*Sesungguhnya Allah itu Maha Indah dan Dia suka akan keindahan*" (HR. Muslim dari Ibnu Mas'ud r.a, sumber: Radio Muslim). Oleh yang demikian, asal usul keindahan meliputi keindahan dalaman telah diterokai dan ditafsir oleh akal pengarang melalui idea atau pemikirannya dalam mencipta peribahasa.

Pemikiran pengarang dapat dilihat menerusi simbol air, hujan dan simbol sungai, misalnya, yang berkait rapat dengan kehidupan pengarang. Walaupun ketiga-tiga simbol ini

merupakan satu komponen yang bersifat air, namun ia mempunyai pemikiran dan makna yang berbeza daripada pengarang pada setiap satu simbol alam itu. Makna peribahasa melalui simbol air yang berkaitan dengan sifat seseorang pemerintah, hubungan akrab yang terjalin antara adik-beradik dan sikap keperibadian seseorang dapat dilihat menerusi peribahasa “air jernih, ikannya jinak”, “air dicincang tidak akan putus”, dan “air dicucuran atap, jatuhnya di pelimbanan juga”. Pengarang melihat unsur alam semula jadi menerusi simbol air dan kaitannya dengan sikap masyarakat. Air dicipta oleh Allah SWT untuk memberi manfaat kepada seluruh makhluk di muka bumi baik manusia, haiwan mahupun tumbuh-tumbuhan. Air yang merupakan anugerah Ilahi secara lahiriahnya bersifat jernih, bersih dan tidak kotor telah mendorong pemikiran pengarang untuk mencipta peribahasa yang melambangkan seseorang manusia melalui sifat dan keperibadian seseorang itu sama ada baik mahupun buruk. Hal ini dikatakan demikian kerana air yang bersih boleh bertukar menjadi kotor jika tidak dijaga dengan baik. Begitu juga dengan diri seseorang manusia yang terdiri daripada sifat baik dan sifat buruk. Sifat air yang jernih dan bersih melambangkan sifat baik dalam diri seseorang, manakala sifat air yang kotor pula menjadi lambang kepada sifat dan peribadi manusia yang buruk. Oleh yang demikian, hubungan manusia dengan air melalui asal usul keindahan air telah mewujudkan pengarang menggunakan akal fikirannya dalam mencipta peribahasa yang menggunakan simbol air.

Selain itu, hubungan manusia dapat dilihat menerusi asal usul keindahan sungai yang merupakan ciptaan Allah SWT. Sungai adalah tempat di mana air mengalir secara berterusan dari hulu ke hilir (Kamus Dewan, 2005). Hubungan manusia dengan sungai telah terjalin akrab sejak sekian lamanya. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Melayu tradisional pada zaman dahulu kebanyakannya hidup merantau dari satu sungai ke satu sungai yang lain (Shida Omar et al., 2013). Kehidupan masyarakat yang merantau pada zaman dahulu telah menjadikan sungai sebagai bekalan air domestik, pertanian serta alat bagi pengangkutan dan perhubungan

bagi mereka. Selain itu, sungai turut menjadi sumber rezeki bagi kehidupan masyarakat sejagat dan ini secara tidak langsung mewujudkan keakraban hubungan manusia dengan sungai. Pengalaman kehidupan pengarang yang tinggal di tepi sungai mendorongnya untuk merakam keindahan Ilahi dengan menghasilkan peribahasa yang mengandungi simbol sungai. Selain itu, keindahan ciptaan Allah SWT menerusi kejadian alam semula jadi yakni sungai menjadi alat pengangkutan dan perhubungan manusia untuk merentasi sesuatu tempat ke suatu tempat yang lain. Perihal ini dibuktikan oleh Allah SWT di dalam al-Quran menerusi firman-Nya yang bermaksud:

“Dan Dia mendirikan di atas bumi ini dengan gunung-ganang lalu menetapkannya supaya ia tidak menggoncangkan kamu, dan Dia menciptakan sungai-sungai serta jalan-jalan untuk kamu lalu lalang, supaya kamu sampai ke tempat yang dituju” (Surah al-Nahl, ayat 15).

Ayat di atas menunjukkan bahawa keindahan sungai yang terjadi menjadi alat untuk manusia pergi ke suatu-suatu tempat selain menjadi sumber bagi kehidupan manusia baik dari aspek pertanian, perikanan mahupun pendapatan sehari-hari. Dalam pada itu, kejadian sungai memberi gambaran kepada pengarang tentang asal usul penciptaannya sama seperti manusia yang mempunyai asal usul kejadian. Sehubungan dengan itu, pengarang mencipta peribahasa dengan menggunakan simbol air seperti peribahasa “mana sungai yang tiada berhulu” yang membawa makna sebagai lambang asal usul tempat manusia. Pemikiran pengarang melihat kejadian sungai dengan menggunakan akal fikiran yang dikurniakan Allah SWT lalu mengaitkannya dengan kehidupan tempat tinggal masyarakat yang tentunya mempunyai asal usul sebagaimana asal usul kejadian manusia yang bermula atau berasal daripada tanah.

Kejadian asal usul manusia telah dibuktikan dalam al-Quran menerusi firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dia menciptakan segala sesuatu dengan seindah-indah kejadian, dan kejadian manusia diciptakan oleh-Nya daripada tanah” (Surah as-Sajadah, ayat 7).

Asal usul keindahan melalui kejadian sungai telah mendorong pengarang untuk melahirkan peribahasa yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat melalui penempatan asal seseorang itu menetap. Simbol sungai yang digunakan dalam peribahasa di atas membuktikan bahawa setiap kejadian Allah SWT mempunyai asbab dan fungsinya dalam kehidupan masyarakat sejagat. Keindahan itu tidak dapat dilihat oleh manusia melalui pancaindera, akan tetapi ia dapat dilihat oleh manusia yang menggunakan akal fikiran mereka berlandaskan al-Quran al-Karim. Hal ini dikatakan demikian kerana asal usul keindahan yang menjadi aspek keindahan yang dikemukakan oleh Braginsky (1994) dilihat sebagai manifestasi daripada kebesaran, kekayaan dan kekuasaan Allah SWT menerusi penciptaan alam semula jadi (Fadzilah Amzah, 2016). Oleh yang demikian, makna keindahan sesuatu kejadian Yang Maha Esa hanya dapat difahami jika menjadikan al-Quran dan al-Hadis sebagai sumber panduan kehidupan sekaligus dapat memberi pengajaran kepada khalayak pendengar mahupun pembaca melalui makna simbol peribahasa yang digunakan oleh pengarang secara tersirat.

4.3.2 Keindahan Luaran

Keindahan luaran merujuk kepada keindahan yang dilihat dan dirasai oleh pancaindera manusia yakni melalui penglihatan, pendengaran, sentuhan, rasa dan deria bau secara fizikal

(Fadzilah Amzah, 2016). Melalui keindahan luaran, khalayak pembaca mahupun pendengar dapat memahami dengan jelas berkaitan dengan makna kandungan yang ingin disampaikan oleh pengarang dalam sesebuah ungkapan peribahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana keindahan luaran yang disebut sebagai keindahan tersurat dapat dialami oleh sesiapa sahaja bahkan sesiapa yang tidak mempercayai akan kewujudan Tuhan turut dapat mengalami perasaan dan pengalaman melalui makna tersurat yang terkandung dalam peribahasa Melayu (A. Halim Ali). Berbeza dengan makna tersirat yang lebih menekankan keindahan Ilahi, makna tersurat dalam peribahasa Melayu pula dianggap sebagai keindahan luaran kerana ia lebih menekankan kepada aspek-aspek luaran yang indah seperti gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang di samping struktur ayat bagi setiap ungkapan peribahasa tersebut.

Selain itu, keindahan luaran diistilahkan sebagai keindahan *maujud* oleh Imam Ghazali yang membawa makna kepada suatu keindahan terbuka yang dapat dilihat oleh daya penglihatan dan pancaindera lainnya (Fadzilah Amzah, 2016). Erti kata lain, keindahan *maujud* ialah sesuatu perkara atau objek yang bersifat ada (wujud) dan ianya dapat dinikmati secara fizikal oleh pancaindera manusia. Keindahan alam fizikal yang disebut sebagai keindahan luaran menjadi medium pengarang dalam menerangkan sesuatu keadaan ataupun memberi perumpamaan terhadap sesuatu dengan menggunakan gaya bahasa yang indah, tersusun dan harmoni melalui ungkapan peribahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan gaya bahasa yang indah, tersusun dan harmoni dalam sesebuah karya dapat mendedahkan makna yang ingin disampaikan oleh pengarang secara terus kepada khalayak masyarakat tanpa perlu menggali makna tersembunyi dengan menggunakan akal fikiran (Braginsky, 1994). Dalam pada itu, seseorang pengarang yang kreatif akan melihat keindahan bahasa dalam sesebuah karya sebagai medium penting dalam menyampaikan pemikiran pengarang kepada khalayak pembaca mahupun pendengar.

Di samping itu, unsur keindahan yang dimasukkan oleh pengarang melalui penggunaan gaya bahasa yang baik dan tersusun secara langsung menarik perhatian masyarakat untuk mengetahui makna di sebalik simbol alam semula jadi yang digunakan dalam peribahasa. Antara gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang dalam mencipta peribahasa adalah simile yang membawa makna kepada perumpamaan untuk memberi ungkapan persamaan antara perbandingan antara sesuatu sama ada orang, benda ataupun keadaan. Tambahan lagi, gaya bahasa simile dalam peribahasa bukan sahaja dicipta oleh manusia bahkan Allah SWT turut menyebut tentang perumpamaan dan perbandingan dalam al-Quran sebagai memberi peringatan kepada umat manusia menerusi firman-Nya yang bermaksud:

“Sesungguhnya Kami telah adakan dalam al-Quran ini bermacam perumpamaan kepada manusia agar mereka mendapat pengajaran daripadanya” (Surah az-Zumar, ayat 27).

Ayat di atas menunjukkan bahawa Allah turut mencipta perumpamaan kepada manusia sebagai peringatan, tauladan dan pengajaran kepada mereka begitu juga dengan perumpamaan yang terkandung dalam peribahasa Melayu bertujuan untuk memberi nasihat, didikan dan pengajaran kepada khalayak masyarakat. Justeru, keindahan luaran yang terkandung dalam peribahasa Melayu dapat dilihat menerusi aspek sifat-sifat *immanen* keindahan yakni melalui gaya bahasa, susunan dan keharmonian kata serta aspek psikologi persepsi keindahan yang telah dikemukakan oleh Braginsky (1994) dalam Teori Keindahan melalui kesan makna yang ingin disampaikan oleh pengarang dalam peribahasa Melayu.

4.3.2.1 Sifat-Sifat *Immanen* Keindahan

Keindahan perlambangan alam dalam peribahasa Melayu dapat dilihat menerusi aspek sifat-sifat *immanen* keindahan yang terdapat dalam Teori Keindahan Braginsky. Menurut Braginsky (1994: 26), sifat-sifat *immanen* keindahan merujuk kepada kepelbagaian atau keanekaragaman terhadap makna keindahan dalam kesusasteraan Melayu tradisional. Braginsky menjelaskan lagi bahawa kepelbagaian ragam yang wujud dalam suatu bentuk puisi, misalnya, harus berada dalam keadaan tersusun, tertib, harmoni dan berstruktur. Hal ini dikatakan demikian kerana kepelbagaian tersebut memerlukan gandingan, integrasi dan saling melengkapi bagi menghasilkan kesan yang seimbang. Kepelbagaian yang bersifat harmoni dan teratur dalam sesebuah penghasilan karya seperti peribahasa Melayu akan menjadikan makna keindahan itu kelihatan sempurna sebagaimana yang dirumuskan oleh Al-Ghazali tentang hubungan antara keindahan dan kesempurnaan sebagai “*setiap suatu keindahan itu adalah suatu kesempurnaan*” (Fadzilah Amzah, 2016). Oleh yang demikian, keindahan makna peribahasa akan dikesan menerusi penggunaan gaya bahasa dan penyusunan kata dalam peribahasa Melayu yang menjadikan makna peribahasa itu dilihat indah dan sempurna oleh khalayak masyarakat.

Terdapat pelbagai keharmonian dalam sifat-sifat *immanen* keindahan dan salah satunya ialah keharmonian menerusi pemakaian gaya bahasa yang digunakan bagi memerihalkan sesuatu perkara, keadaan ataupun objek. Perkara, tingkah laku, objek mahupun benda yang dilihat elok dan mempunyai kesempurnaan dari sifatnya akan diperihalkan menggunakan bahasa yang indah, berirama dan berpuitis. Hal ini dikatakan demikian kerana pemilihan bahasa yang baik dan sesuai secara tidak langsung akan mengungkapkan keindahan dalam peribahasa serta makna yang ingin disampaikan oleh pengarang. Tamsilnya, hasil kajian

mendapati bahawa terdapat beberapa peribahasa yang menggunakan gaya bahasa simile yakni perumpamaan sepertimana yang dapat dilihat menerusi peribahasa di bawah:

Laksana mencari sungai yang tidak berhulu
Seperti kucing kehilangan anak
Seperti kura-kura terlentang
Seperti murai dicabut ekor
Seperti menatang minyak yang penuh
Bagai cendawan tumbuh selepas hujan
Bagai pelita kehabisan minyak
Seperti minyak dengan air
Bagai dakwat dengan kertas
Ibarat dakwat dengan kertas, bila boleh renggang terlepas

(Sapinah Haji Said, 2013)

Senarai peribahasa di atas menunjukkan keindahan makna peribahasa melalui gaya bahasa simile yang digunakan oleh pengarang. Simile adalah satu bentuk gaya bahasa yang digunakan untuk membuat perbandingan atau perumpamaan secara jelas tentang sesuatu objek, keadaan mahupun perbandingan manusia dengan objek atau benda lainnya. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan gaya bahasa simile akan menggunakan perkataan tertentu sebagai penegasan makna yang ingin disampaikan. Perkataan tersebut ialah umpama, seperti, bagai, bak, ibarat, laksana dan lain-lain lagi. Perkataan-perkataan yang disebut sebagai simile ini terkandung dalam beberapa ungkapan peribahasa yang telah disenaraikan seperti di atas. Sebagai contoh, pengarang menggunakan perkataan “seperti” dalam peribahasa dengan

menggunakan simbol haiwan sebagai perumpamaan kepada sesuatu keadaan, tingkah laku dan sifat seseorang manusia. Peribahasa tersebut ialah “seperti kucing kehilangan anak”, “seperti kura-kura terlentang” dan “seperti murai dicabut ekor”.

Pengarang melihat hubungan manusia dengan haiwan mempunyai banyak persamaan dari segi sifat, tingkah laku, perasaan, tubuh badan haiwan dan lain-lain lagi. Selain itu, kehidupan pengarang yang tinggal di dalam hutan dan tepian sungai telah menjadikan kehidupan pengarang dekat dengan haiwan-haiwan yang tinggal di situ. Dalam pada itu, pemerhatian pengarang terhadap haiwan telah mendorongnya untuk menghasilkan perumpamaan antara haiwan dengan manusia disebabkan oleh sifat dan tubuh badan haiwan yang dilihat mempunyai persamaan dengan manusia. Peribahasa “seperti kucing kehilangan anak” diumpamakan dengan seseorang yang berada dalam keadaan gelisah dan tidak tentu arah. Manakala peribahasa “seperti kura-kura terlentang” diumpamakan dengan tenaga tubuh badan seseorang yang sudah lemah dan peribahasa “seperti murai dicabut ekor” diibaratkan dengan manusia yang riuh atau tidak berhenti bercakap. Ketiga-tiga peribahasa yang menggunakan gaya bahasa simile iaitu perkataan “seperti” telah memperlihatkan keindahan makna peribahasa secara luarannya kepada khalayak sekaligus menjadikan khalayak memahami apa yang ingin disampaikan oleh pengarang melalui makna tersurat tersebut.

Di samping itu, perlambangan yang digunakan oleh pengarang turut menjadi aspek pemilihan keindahan gaya bahasa dalam peribahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana perlambangan yang terdapat dalam peribahasa membawa kepada makna-makna tertentu selain berfungsi dalam memberi penegasan kepada maksud. Pengarang menjadikan alam semula jadi sebagai perlambangan dalam penciptaan peribahasa seperti simbol sungai, haiwan, tumbuh-tumbuhan, minyak, kertas dan sebagainya. Penggunaan simbol atau lambang alam dalam peribahasa ini berdasarkan pemerhatian pengarang terhadap hubungan manusia dengan alam

di sekeliling mereka yang mempunyai perkaitan secara langsung dalam kehidupan pengarang. Pemerhatian pengarang terhadap alam semula jadi akan mendorong pengarang untuk berfikir tentang sesuatu secara mendalam. Melalui pemerhatian dan pemikiran akan wujudnya satu hubungan yang dipanggil sebagai keindahan (Macroni Kamal, 2011). Oleh yang demikian, gaya bahasa melalui unsur perlambangan jelas membuktikan keindahan secara tersurat menerusi makna simbol peribahasa.

4.3.2.2 Psikologi Persepsi Keindahan

Setiap karya kesusasteraan Melayu yang dihasilkan tentunya memberi pengajaran dan meninggalkan kesan dalam jiwa khalayak. Perihal ini tidak terkecuali dengan puisi Melayu tradisional yakni peribahasa Melayu yang meninggalkan atau memberi kesan keindahan kepada khalayak pembaca mahupun pendengarnya baik dari keindahan dalaman mahupun keindahan luaran (Fadzilah Amzah, 2016). Keindahan makna peribahasa Melayu dalam aspek ini bersangkut paut dengan psikologi persepsi keindahan dalam peribahasa itu sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana keindahan yang meliputi pemilihan bahasa dan penyusunan kata yang membawa kepada keharmonian sesebuah karya tentunya akan meninggalkan kesan ke dalam jiwa seseorang yang membaca atau mendengar ungkapan peribahasa tersebut, misalnya. Walau bagaimanapun, psikologi persepsi keindahan melalui kesan keindahan dilihat berbeza terhadap diri setiap individu kerana kesan keindahan ini bergantung kepada keadaan setiap individu yang menerimanya.

Psikologi persepsi keindahan tidak hanya dilihat melalui kesan keindahan luaran, namun ia boleh dianggap sebagai kesan keindahan dalaman. Menurut Fadzilah (2016), kesan keindahan dalam sesebuah karya akan bersifat luaran apabila sesuatu keindahan itu diperhati

dan diamati oleh pancaindera secara zahir melalui deria penglihatan, pendengaran, rasa dan sebagainya. Manakala, kesan keindahan yang bersifat dalaman pula adalah apabila keindahan itu dicerap dan diamati oleh akal yang mendorong seseorang mengakui hakikat kewujudan Allah SWT melalui asal usul keindahan itu sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana asal usul keindahan adalah daripada kekuasaan dan kekayaan Allah SWT yang tiada tolok bandingnya. Ekoran daripada kesan keindahan dalaman yang dicerap oleh akal itu akan menimbulkan rasa kagum dan takjub dalam diri seseorang terhadap kekayaan Sang Pencipta yakni Allah SWT. Di samping itu, kesan keindahan dalaman turut mewujudkan perasaan bersyukur dalam diri seseorang akan anugerah Ilahi menerusi penciptaan alam semula jadi sekaligus dapat meningkatkan keimanan seseorang terhadap Yang Maha Pencipta bagi keindahan itu (Fadzilah Amzah, 2016).

Kesan keindahan luaran dapat dilihat menerusi sifat kepelbagaian dalam *immanen* keindahan yakni pemilihan dan pemakaian gaya bahasa. Pemakaian gaya bahasa simile dan perlambangan, misalnya akan memberi kesan keindahan kepada khalayak masyarakat melalui makna perlambangan dalam peribahasa tersebut. Contohnya, peribahasa “seperti menatang minyak yang penuh”, “bagai pelita kehabisan minyak” dan “seperti minyak dengan air” yang menggunakan gaya bahasa simile dengan perkataan “seperti” dan “bagai” dalam ungkapan peribahasa tersebut. Dalam aspek luaran, gaya bahasa simile yang digunakan oleh pengarang akan memberi kesan keindahan kepada khalayak masyarakat kerana ia dapat dicerap melalui pancaindera tentang perumpamaan yang diberikan oleh pengarang. Masyarakat dapat memahami secara jelas tentang apa yang ingin disampaikan oleh pengarang melalui gaya bahasa perlambangan yang digunakan iaitu minyak. Pelbagai maksud yang dapat disampaikan melalui satu perlambangan yakni minyak yang digunakan dalam peribahasa. Tambahan lagi, minyak juga terdiri daripada pelbagai jenis seperti minyak petrol, minyak masak dan lain-lain lagi. Perlambangan minyak dalam peribahasa tersebut mempunyai perkaitan rapat dengan

manusia dalam menyampaikan makna tentang keadaan seseorang, sesuatu benda mahupun sikap manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana minyak memiliki pelbagai kegunaan dalam kehidupan sehari-hari masyarakat seperti dijadikan bahan utama dalam masakan, kenderaan, pengangkutan awam dan sebagainya. Oleh yang demikian, gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang bukan sahaja dapat memberi didikan atau nasihat bahkan telah melahirkan kesan keindahan tersurat dalam jiwa khalayak masyarakat.


4.4 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini menjelaskan mengenai hasil dapatan kajian secara menyeluruh yang diperoleh melalui data-data yang telah dikemukakan dalam bab yang sebelumnya. Selain itu, bab ini juga menjawab segala persoalan dan objektif yang telah dikemukakan dalam kajian ini dengan mengikut susunan dan urutan. Kajian ini menyenaraikan 11 simbol alam semula jadi yang telah dipilih oleh pengkaji untuk proses pengenalan pastian secara lebih terperinci. Pengkelasan simbol telah dibuat dengan menyenaraikan sebanyak enam simbol alam semula jadi hidup dan lima simbol alam semula jadi bukan hidup. Berdasarkan simbol alam yang telah disenaraikan, pengkaji menganalisis makna keindahan simbol peribahasa yang digunakan berlandaskan Teori Keindahan Braginsky. Pengkaji mengkelaskan keindahan tersebut kepada dua kategori yakni aspek keindahan dalaman yang terdiri daripada asal usul keindahan. Manakala aspek kedua ialah keindahan luaran yang terdiri daripada sifat-sifat immanen keindahan dan psikologi persepsi keindahan. Oleh yang demikian, kajian ini melihat keindahan tersebut melalui asal usul keindahan yakni keindahan Ilahi, pemakaian gaya bahasa simile dan perlambangan serta kesan keindahan dalaman dan luaran terhadap jiwa khalayak pembaca mahupun pendengar. Jelaslah bahawa keindahan perlambangan alam bukan


sahaja dilihat menerusi simbol yang digunakan dalam peribahasa, namun asal usul penciptaan alam, gaya bahasa dan kesan daripada keindahan tersebut turut menjadikan peribahasa Melayu itu kelihatan indah baik dari aspek dalaman mahupun luaran.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Berdasarkan perbincangan kajian yang telah dilakukan dalam bab empat, dapat disimpulkan bahawa keindahan perlambangan alam merupakan satu unsur yang tidak asing lagi dalam peribahasa Melayu baik keindahan yang bersifat dalaman mahupun bersifat luaran. Keindahan tersebut bukan sahaja dilihat menerusi penciptaan alam itu sendiri malahan gaya bahasa, pemilihan kata, kesan makna, penyusunan kata dan lain-lain turut dapat dilihat oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian ini. Selain itu, terdapat pelbagai jenis peribahasa Melayu yang mempunyai perlambangan alam dikenal pasti dalam kajian ini. Sebagai makluman, bab lima ini akan menjadi bab terakhir dalam kajian yang dilakukan. Oleh yang demikian, pengkaji akan melakukan rumusan ringkas terhadap segala perbincangan dan hasil dapatan daripada kajian yang telah dilakukan sebelum ini bermula dari bab satu sehinggalah bab empat. Di samping itu, pada akhir bab ini juga pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan daripada hasil apatan kajian sebagai suatu refleksi terhadap keseluruhan kajian tesis yang dilakukan.

5.2 Rumusan Kajian

Pada permulaan bab, pengkaji telah membincangkan mengenai pengenalan kajian tentang peribahasa Melayu. Kajian ini telah memilih peribahasa Melayu dalam kategori puisi

Melayu tradisional dengan tajuk kajian Keindahan Perlambangan Alam dalam Teori Keindahan Braginsky. Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam kajian ini, alam merupakan ciptaan Allah SWT secara semula jadi yang mempunyai hubungan erat dengan seluruh makhluk Allah SWT yakni manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan cakerawala. Lebih-lebih lagi dalam kehidupan manusia itu sendiri. Akibat hubungan erat manusia dengan alam itulah telah menjadi asbab masyarakat Melayu lama mencipta peribahasa Melayu dengan menjadikan alam sebagai simbol atau lambang kepada sesuatu perkara, objek, keadaan dan sebagainya yang ingin disampaikan oleh mereka. Kebijaksanaan akal masyarakat Melayu lama dalam mencipta peribahasa sememangnya tidak dapat disangkal lagi. Hal ini dikatakan demikian kerana peribahasa Melayu yang dicipta telah memberi gambaran kepada kekuatan dan kebijaksanaan akal masyarakat Melayu lama dalam menghubungkan alam dengan manusia dan Sang Pencipta selain memperlihatkan kepada khalayak tentang ketinggian budi bahasa yang dimiliki oleh masyarakat Melayu pada ketika itu.

Selain itu, permasalahan yang tercetus berkaitan dengan tajuk kajian telah mendorong pengkaji untuk melaksanakan kajian ini. Permasalahan berbangkit tersebut adalah kurangnya pendedahan kepada masyarakat khususnya golongan muda kini tentang asal usul terjadinya ungkapan peribahasa Melayu, masyarakat yang kurang berpengetahuan dalam bidang kesusasteraan yang menyebabkan kepada ketidakjelasan terhadap makna bagi sesebuah peribahasa dan kurangnya kajian berkaitan dengan peribahasa Melayu pada masa ini. Sebagai langkah untuk menyelesaikan permasalahan tersebut, pengkaji telah mengemukakan dua objektif dalam kajian ini yakni untuk mengenal pasti jenis-jenis simbol alam semula yang terkandung dalam peribahasa Melayu dan menganalisis makna simbol-simbol alam semula jadi dalam peribahasa Melayu tersebut dengan menggunakan Teori Keindahan Braginsky. Objektif kajian yang dikemukakan adalah bertujuan untuk menjawab persoalan-persoalan kajian yang akan dihuraikan pada bab keempat.

Dalam pada itu, pengkaji turut menghuraikan definisi konsep berdasarkan tajuk kajian yang dilakukan. Definisi konsep adalah untuk memberi pemahaman jelas kepada khalayak tentang makna bagi setiap istilah yang digunakan dalam kajian ini. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan tiga buah teks sebagai rujukan sepanjang proses pelaksanaan kajian dilakukan salah satunya ialah teks *Kamus Peribahasa Melayu* oleh Sapinah Haji Said (2013) bagi mengenal pasti jenis simbol alam semula jadi dalam peribahasa Melayu yang telah dibahagikan kepada dua yakni simbol alam semula jadi hidup dan bukan hidup. Di samping itu, kajian ini memilih Teori Keindahan yang dikemukakan oleh V.I Bragisnky (1994) untuk digunakan dalam proses penganalisisan kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana teori yang dikemukakan oleh Braginsky membincangkan mengenai keindahan baik dari aspek dalaman mahupun luaran. Oleh yang demikian, nilai keindahan melalui makna simbol alam tersebut akan dikupas oleh pengkaji dalam kajian ini. Sehubungan dengan itu, keseluruhan bab satu ini telah membincangkan secara umum kepada khalayak berkaitan dengan perkara yang ingin dikaji oleh pengkaji dan memutuskan kaedah apa yang ingin digunakan dalam kajian ini.

Seterusnya, bab dua membincangkan mengenai kajian literatur yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu bagi mengisi kelompangan yang terdapat pada kajian-kajian lepas dalam kajian ini. Selain itu, kajian literatur dilakukan adalah untuk melihat kekurangan yang terdapat dalam kajian-kajian lepas sebagai penambahan kepada kajian yang dilakukan ini. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah melakukan tinjauan terhadap kajian literatur dengan pembahagian mengikut tema kajian dan kajian-kajian lepas tersebut telah dibincangkan oleh pengkaji menerusi enam kategori. Kategori-kategori kajian lepas yang dikemukakan oleh pengkaji adalah melalui tesis Ijazah Doktor Falsafah, tesis Ijazah Sarjana, tesis Ijazah Sarjana Muda, artikel jurnal, buku dan kategori lain-lain yang merujuk kepada majalah, laman sesawang ataupun akhbar. Kesemua kajian lepas yang dibincangkan pada bab dua ini adalah

berkaitan dengan tajuk kajian yang dilakukan. Berdasarkan tinjauan literatur yang telah dilakukan pada bab dua, kajian berkaitan dengan peribahasa Melayu melalui aspek-aspek lain didapati belum begitu meluas. Perihal ini telah mendorong pengkaji untuk melaksanakan kajian berkaitan peribahasa Melayu yang berfokus kepada keindahan perlambangan alam dalam peribahasa Melayu. Aspek keindahan yang dikaji dalam kajian ini adalah melalui keindahan dalaman dan keindahan luaran perlambangan alam semula jadi yang digunakan tersebut. Oleh yang demikian, aspek keindahan yang dikaji dalam kajian ini secara tidak langsung dapat memberi pengetahuan kepada khalayak pembaca secara lebih terperinci dan jelas tentang makna keindahan simbol alam semula jadi yang mempunyai perkaitan erat dengan kehidupan masyarakat Melayu malahan turut memperlihatkan keindahan kekayaan dan kekuasaan Allah SWT menerusi penciptaan alam semula jadi.

Manakala dalam bab tiga pula membincangkan mengenai metodologi kajian yakni kaedah-kaedah dan penerapan teori yang digunakan oleh pengkaji sepanjang pelaksanaan kajian dilakukan. Perkara yang telah dibincangkan dalam bahagian bab tiga ini adalah reka bentuk kajian yang terdiri daripada kaedah kualitatif, kaedah analisis teks, kaedah pengumpulan data, kaedah kepustakaan dan kaedah internet. Kajian ini tidak memerlukan maklum balas responden memandangkan fokus kajian ini adalah kepada bentuk kualitatif sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana pemerolehan data peribahasa untuk dimasukkan ke dalam bahagian analisis kajian yakni bab empat adalah daripada teks *Kamus Peribahasa Melayu* oleh Sapinah Haji Said (2013). Walau bagaimanapun, kaedah kepustakaan dan kaedah internet telah dilakukan oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat atau sumber rujukan tambahan dalam proses penganalisan data kajian. Selain itu, kajian ini turut menerapkan Teori Keindahan oleh Braginsky yang mengandungi dua pendekatan keindahan yakni keindahan dalaman dan keindahan luaran. Tambahan lagi, teori ini turut mengandungi tiga aspek keindahan yang terdiri daripada asal usul keindahan, sifat-sifat *immanen* keindahan dan

psikologi persepsi keindahan. Berdasarkan pendekatan dan aspek yang terkandung dalam teori ini, pengkaji telah menggunakan kesemuanya bagi tujuan menganalisis makna simbol alam semula jadi dalam peribahasa Melayu. Oleh yang demikian, kesemua data yang dikumpul dan diperoleh dalam bahagian ini telah digunakan oleh pengkaji dalam menghasilkan dapatan kajian yang berkaitan dengan keindahan perlambangan alam dalam peribahasa Melayu.

Selanjutnya, bahagian bab empat membincangkan mengenai hasil dapatan kajian. Hasil daripada analisis kajian yang dilakukan, kajian ini dapat dirumuskan bahawa simbol-simbol alam semula jadi dalam peribahasa Melayu melalui buku *Kamus Peribahasa Melayu* telah dikenal pasti. Hal ini dikatakan demikian kerana buku ini mengandungi 3664 peribahasa Melayu yang telah disusun mengikut abjad oleh penulisnya. Daripada keseluruhan jumlah peribahasa Melayu tersebut, sebanyak 110 peribahasa yang mengandungi simbol alam semula jadi hidup dan bukan hidup telah dipilih bagi tujuan analisis dalam kajian ini. Walau bagaimanapun, daripada jumlah peribahasa yang telah dipilih itu, sebanyak 32 peribahasa sahaja yang terdiri daripada simbol alam semula jadi hidup dan juga bukan hidup telah dimasukkan dalam kajian ini. Sebanyak 11 simbol alam semula jadi yang dapat dikelaskan daripada 32 peribahasa tersebut yang mana telah dibahagikan dalam kajian ini kepada dua bahagian yakni enam simbol alam semula jadi hidup dan lima simbol alam semula jadi bukan hidup. Sebagai penjelasan secara lebih ringkasnya tentang dapatan kajian objektif satu dapat dilihat menerusi jadual di bawah.

UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN

Pengkelasan Simbol Alam Semula Jadi			
6 Simbol Alam Semula Jadi Hidup		5 Simbol Alam Semula Jadi Bukan Hidup	
Jenis Simbol	Jumlah Peribahasa	Jenis Simbol	Jumlah Peribahasa
Simbol Air	3	Simbol Minyak	3
Simbol Hujan	3	Simbol Batu	3
Simbol Sungai	3	Simbol Emas	3
Simbol Haiwan	3	Simbol Besi	3
Simbol Tumbuh-Tumbuhan	3	Simbol Kertas	2
Simbol Tanah	3		
Jumlah Peribahasa	18	Jumlah Peribahasa	14

Jadual 5.1: Pengkelasan Simbol Alam Semula Jadi

(Sumber: Aisyah Humaira, 2022)

Berdasarkan jadual 5.1, kajian ini merumuskan bahawa simbol alam semula jadi yang dimasukkan dalam kajian ini merupakan simbol yang kerap digunakan oleh masyarakat Melayu tradisional dalam memberi perumpamaan atau ibarat kepada sesuatu objek, perkara mahupun keadaan. Sebanyak 11 simbol alam semula jadi hidup yang disenaraikan dalam kajian ini terbukti mempunyai perkaitan rapat dengan kehidupan masyarakat sehari-hari. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Melayu tradisional pada ketika itu tinggal di hutan dan tepian sungai. Perihal ini telah menjadikan mereka sering berhubungan dengan alam semula jadi dan menjadi kebiasaan bagi mereka melihat keindahan alam semula jadi. Lantas, telah

mendorong masyarakat Melayu tradisional untuk mencipta peribahasa Melayu menggunakan alam sebagai perlambangan. 32 peribahasa yang dicipta oleh masyarakat Melayu tradisional seperti yang disenaraikan dalam kajian bukan sahaja memperlihatkan kepada khalayak tentang simbol yang digunakan, malahan turut mengandungi keindahan tersembunyi di sebalik penggunaan simbol alam tersebut. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian daripada objektif satu bukan sekadar menyenaraikan peribahasa yang mengandungi simbol alam semula jadi, tetapi juga telah menghuraikan makna bagi setiap peribahasa tersebut dengan terperinci dalam kajian ini. Penghuraian makna peribahasa yang dijelaskan dalam kajian ini adalah dengan menyatakan definisi simbol, sebab dan mengapa suatu simbol itu digunakan dalam peribahasa tersebut. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa dapatan kajian bagi objektif satu adalah untuk mengelaskan jenis simbol alam semula jadi kepada dua bahagian yakni simbol alam semula jadi hidup dan bukan hidup, kemudian memasukkan dua atau tiga contoh peribahasa yang mengandungi simbol alam serta menghuraikan makna simbol dan makna peribahasa tersebut supaya khalayak dapat mengetahui kategori alam semula jadi, peribahasa yang menggunakan simbol alam serta makna simbol dan peribahasa itu dengan lebih jelas. Justeru, melalui dapatan kajian objektif satu tersebut dapat memudahkan pengkaji untuk melakukan proses menganalisis makna simbol alam semula jadi dengan berpandukan Teori Keindahan Braginsky pada objektif kedua.

Seterusnya, rumusan dapatan kajian bagi objektif dua adalah memperlihatkan kepada khalayak masyarakat tentang makna keindahan yang bersifat implisit dan eksplisit terhadap simbol alam semula jadi yang digunakan dalam peribahasa Melayu. Keindahan implisit merujuk kepada keindahan dalaman yakni keindahan tersirat di sebalik simbol alam yang digunakan. Keindahan dalaman yang telah dianalisis dalam bahagian objektif kedua ini lebih menjurus kepada keindahan Ilahi yakni melalui penciptaan alam secara semula jadi oleh Allah SWT. Sebagai contoh, dapat dilihat menerusi simbol alam semula jadi hidup iaitu simbol air,

hujan, sungai, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan simbol tanah yang mana kesemua simbol ini merupakan hasil kekuasaan dan kekayaan Allah SWT dalam mewujudkannya. Simbol alam semula jadi yang digunakan dalam peribahasa Melayu dapat melahirkan keindahan didaktik yang memberi faedah dan manfaat kepada seluruh khalayak. Hal ini dikatakan demikian kerana keindahan dalaman dapat dilihat menerusi aspek asal usul keindahan sepertimana yang dikemukakan oleh Braginsky dalam Teori Keindahan. Asal usul keindahan merujuk kepada keindahan Ilahi yang mana menjadi asal usul kepada penciptaan simbol alam tersebut. Oleh yang demikian, keindahan Ilahi melalui asal usul keindahan penciptaan alam hanya dapat diterokai oleh khalayak yang mengakui akan hakikat kewujudan Allah SWT serta menjadikan al-Quran dan al-Hadis sebagai sumber panduan kehidupan kerana keindahan penciptaan alam tersebut banyak dinyatakan oleh Allah SWT dalam al-Quran.

Keindahan yang bersifat eksplisit pula merujuk kepada keindahan luaran yakni keindahan tersurat yang dapat dilihat oleh mata atau pancaindera manusia yang lainnya. Erti kata lain, keindahan alam fizikal yang diperlihatkan oleh pengarangnya melalui peribahasa yang dicipta dengan menggunakan gaya bahasa yang indah, tersusun dan harmoni. Hal ini dikatakan demikian kerana kekreatifan pengarang telah menjadikan mereka melihat keindahan bahasa sebagai suatu alat yang penting dalam menyampaikan pemikiran pengarang kepada khalayak. Ekoran daripada itu, keindahan yang bersifat luaran ini dapat diungkapkan kepada khalayak melalui aspek sifat-sifat *immanen* keindahan yang terdiri daripada gaya bahasa, susunan serta keharmonian kata dan psikologi persepsi keindahan yakni kesan makna yang ingin disampaikan oleh pengarang dalam peribahasa Melayu. Melalui aspek sifat-sifat *immanen* keindahan, keindahan makna peribahasa dapat dikesan menerusi gaya bahasa yang digunakan dan susunan kata dalam peribahasa Melayu. Ini secara tidak langsung menjadikan makna peribahasa itu dilihat indah dan sempurna oleh khalayak masyarakat. Oleh yang demikian, pengkaji telah mengemukakan gaya bahasa simile dan perlambangan sebagai contoh

gaya bahasa yang sering digunakan dalam peribahasa Melayu untuk memperlihatkan keindahan makna peribahasa.

Selain itu, kesan keindahan makna peribahasa dibincangkan dalam kajian ini menerusi aspek psikologi persepsi keindahan. Tidak dapat dinafikan bahawa setiap peribahasa Melayu yang dicipta tentunya dapat meninggalkan kesan keindahan kepada khalayak pembaca ataupun pendengarnya. Hal ini dikatakan demikian kerana kesan keindahan yang ditinggalkan ke dalam jiwa seseorang yang membaca atau mendengar ungkapan peribahasa tersebut adalah melalui pemilihan bahasa dan penyusunan kata yang membawa kepada keharmonian peribahasa itu. Ekoran daripada itu, pengkaji menghuraikan kesan keindahan luaran yang dapat dilihat oleh khalayak sifat kepelbagaian dalam *immanen* keindahan yakni pemilihan dan pemakaian gaya bahasa. Contohnya, pemakaian gaya bahasa simile “seperti” dan perlambangan alam yang digunakan dalam peribahasa akan memberi kesan keindahan kepada khalayak masyarakat melalui makna perlambangan itu. Perlambangan yang digunakan oleh pengarang dalam penciptaan peribahasanya mempunyai kaitan rapat dengan kehidupan masyarakat secara jelas dapat menjadikan khalayak memahami makna yang ingin disampaikan dalam peribahasa tersebut. Justeru, jelaslah bahawa penggunaan gaya bahasa dalam peribahasa bukan sahaja dapat memberi didikan atau nasihat bahkan dapat melahirkan kesan keindahan tersurat dalam jiwa khalayak masyarakat pembaca mahupun pendengar.

5.3 Cadangan

Hasil daripada analisis dan dapatan kajian bagi kedua-dua objektif yang dikemukakan dalam kajian ini, pengharapan pengkaji kepada pihak-pihak yang terlibat amat tinggi dan besar dalam memastikan hasil kesusasteraan Melayu tradisional yakni puisi Melayu tradisional ini

terus dikaji dan digunakan oleh khalayak masyarakat tanpa mengenal lapisan umur. Menurut pengkaji, pemeliharaan puisi Melayu tradisional agar tidak semakin dilupakan oleh khalayak adalah suatu langkah yang wajar dilakukan oleh semua pihak baik dalam institusi kemasyarakatan mahupun pendidikan. Walau bagaimanapun, umum mengetahui bahawa sesuatu pembelajaran adalah bermulanya daripada institusi pendidikan. Oleh yang demikian, terdapat beberapa cadangan yang ingin dikemukakan oleh pengkaji yakni kepada pihak pengkaji hadapan dan sekolah dalam memastikan warisan bangsa ini terus dikaji, dipelajari dan dipelihara sepanjang zaman.

5.3.1 Cadangan Kepada Pengkaji Hadapan

Hasil penelitian daripada tinjauan literatur yang dilakukan sepanjang kajian ini dijalankan, pengkaji mendapati bahawa kajian mengenai kesusasteraan tradisional yakni peribahasa Melayu kurang dilakukan oleh para pengkaji khususnya bagi mereka dalam bidang kesusasteraan. Ekoran daripada itu, pengkaji ingin mencadangkan kepada para pengkaji hadapan yang ingin melakukan kajian berkaitan peribahasa Melayu untuk mengkaji perbandingan keindahan makna peribahasa Melayu dari sudut keindahan Melayu dan keindahan Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui kajian keindahan yang dilakukan tentunya akan dapat menimbulkan perasaan di jiwa khalayak untuk menghargai nilai keindahan dari semua aspek yang terkandung dalam peribahasa Melayu. Pengkaji hadapan boleh memberi fokus kajian kepada perbandingan keindahan Melayu menggunakan Teori Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Haji Salleh (1989) dan keindahan Islam menggunakan Teori Keindahan oleh V.I Braginsky (1994). Melalui kajian perbandingan ini, khalayak dapat mengetahui makna di sebalik keindahan peribahasa Melayu dari pelbagai aspek dengan

mengkaji hubungan keindahan peribahasa Melayu melalui sikap, budaya, pandangan hidup, sejarah dan alam sekitar masyarakat Melayu itu sendiri. Tambahan lagi, khalayak turut mengetahui keindahan Islam melalui hubungkait penciptaan peribahasa Melayu dengan manusia dan Sang Pencipta. Oleh yang demikian, cadangan ini dapat membuka mata hati khalayak untuk melihat keindahan peribahasa Melayu bukan sahaja dari sudut ekstrinsik, malahan sudut intrinsik yang berkait dengan keindahan Allah SWT.

5.3.2 Cadangan Kepada Pihak Sekolah

Cadangan yang ingin dikemukakan oleh pengkaji kepada pihak sekolah adalah dengan menganjurkan aktiviti yang berkaitan dengan peribahasa Melayu kepada pelajar. Antara aktiviti yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah adalah dengan menganjurkan aktiviti mencari makna-makna peribahasa Melayu dalam pelbagai tema, misalnya dan mengemukakan bahan carian kepada pihak penganjur. Selain itu, pihak sekolah terutamanya guru-guru boleh mempamerkan pelbagai jenis ungkapan peribahasa dengan menulis menggunakan cat air di dinding lorong laluan pelajar ataupun di sudut-sudut tertentu supaya mereka dapat sentiasa melihat ungkapan peribahasa tersebut. Perihal ini secara tidak langsung membolehkan pelajar untuk mengingati ungkapan peribahasa yang dilihat sehari-hari sepanjang berada di sekolah. Dengan adanya aktiviti sebegini dan inisiatif yang dilakukan oleh pihak sekolah, dapat memberi pengetahuan tambahan kepada para pelajar tentang peribahasa-peribahasa Melayu sekaligus mengaplikasikan peribahasa tersebut ke dalam karangan bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana segelintir pelajar pada masa ini didapati kurang menggunakan ungkapan peribahasa Melayu ketika proses menulis karangan khususnya dalam ujian peperiksaan. Pengenalan awal tentang peribahasa Melayu di peringkat sekolah menjadikan

pelajar mengetahui pelbagai jenis peribahasa beserta maknanya apabila mereka kian dewasa sekaligus menggunakannya dalam kehidupan seharian. Oleh yang demikian, cadangan yang dikemukakan oleh pengkaji kepada pihak sekolah adalah suatu cadangan yang wajar diambil bagi memastikan kelestarian penggunaan peribahasa Melayu di masa hadapan kerana suatu pelajaran itu bermulanya dari sekolah.

5.4 Kesimpulan

Sebagai menggulung segala yang telah diperkatakan dalam kajian ini, keindahan perlambangan alam semula jadi yakni menerusi simbol alam semula jadi hidup dan bukan hidup mempunyai perkaitan rapat dengan kehidupan masyarakat yang bukan sahaja diperlihatkan dari sudut keindahan luaran simbol alam tersebut malahan juga dari sudut keindahan dalaman. Hal ini dikatakan demikian kerana puisi Melayu tradisional khususnya peribahasa Melayu ini tidak dihasilkan secara kosong semata-mata untuk hiburan walakin terkandung nilai murni, keindahan, adat, budaya dan pengajaran di dalamnya untuk dijadikan sebagai alat pemanduan bagi seluruh kehidupan manusia. Tambahan lagi, keindahan perlambangan alam yang dikaji dalam kajian ini merujuk kepada keindahan Islam itu sendiri yang mana memperlihatkan kepada khalayak tentang kekuasaan dan kebesaran Allah SWT mencipta alam semula jadi untuk dimanfaatkan oleh semua manusia. Ekoran daripada itu, setiap perkataan dan ungkapan dalam peribahasa Melayu telah menggambarkan kepintaran dan logika masyarakat Melayu kepada khalayak berdasarkan penggunaan gaya bahasa serta susunan kata yang digunakan dalam mencipta peribahasa. Di samping itu, melalui penggunaan gaya bahasa dalam peribahasa Melayu juga meninggalkan kesan yang memberi faedah dan manfaat kepada jiwa khalayak. Oleh yang demikian, dengan adanya kajian yang dilakukan oleh

pengkaji tentang keindahan perlambangan alam dalam peribahasa Melayu ini dapat membuka mata hati khalayak pembaca untuk mengakui kewujudan Allah SWT serta mengangumi kekayaan dan kekuasaan Allah SWT terhadap penciptaan alam semula jadi. Justeru, harapan pengkaji agar peribahasa Melayu yang merupakan warisan bangsa ini terus dimartabatkan oleh pengkaji-pengkaji hadapan dengan meneruskan kajian yang berkaitan peribahasa Melayu agar ia kekal hidup dalam jiwa setiap bangsa sepanjang zaman bahkan sentiasa utuh berjalan seiring dengan karya-karya kesusasteraan lain.

RUJUKAN

- Abdul Halim Ali. (2014). Konsep Estetika Bersepadu: Satu Kaedah Baharu Kaedah Kritik Estetik dalam Kesusasteraan Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*, Jil 9, 84-104.
- Abdul Halim Ali. (2011). Konsep Keindahan dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 2, 99-117.
- Ad-Dien Abdul Kadir. (2012, 19 Mei). Mencorakkan Anak dengan Acuan Islam. Diakses 10 Disember, 2021, daripada <http://addienblog.blogspot.com/2012/05/mencorakkan-anak-dengan-acuan-islam.html>
- Ahmad Fuad Mat Hassan. (2016). Warisan Budaya Pemikiran dalam Peribahasa Melayu. Kedah: *Jurnal Peradaban*, Jil. 9, 1-10.
- Ahmad Fuad Mat Hassan. (2010). Bahasa dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu dari Sudut Pragmatik. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Ahmad Fuad Mat Hassan & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2010). Pengkategorian Peribahasa Melayu Berdasarkan Aspek Nilai dan Pemikiran: Satu Analisis Pragmatik. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Al Quran Al Karim. (2018). Tajwid dan Terjemahan Humaira. Terbitan: Humaira Publication Sdn. Bhd.
- Ani Mardatila. (2020). Pengertian Air, Fungsi, Karakteristik, Beserta Sumbernya. Diakses 10 Disember, 2021, [https://www.merdeka.com/sumut/pengertian-air-fungsi-karakteristik-beserta sumbernya-kln.html](https://www.merdeka.com/sumut/pengertian-air-fungsi-karakteristik-beserta-sumbernya-kln.html)

Anisa Nadiah, et al. (2012, 29 April). Kepentingan Sungai. Diakses 10 Disember, 2021, daripada <http://elmocookies-blogspot.blogspot.com/2012/04/kepentingan-sungai.html>

Balai Pustaka. (2002). *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.

Braginsky, V.I. (1994a). *Erti Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusasteraan Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dina Rizka Faidhani, Rakhmat Soleh, S.S. & M.Hum. (2018). *Keindahan dalam Hikayat Syah Mandewa: Kajian Estetika Melayu Braginsky*. Fakultas Ilmu Budaya. Yogyakarta: Universitas Gadjah Mada.

Dzahwa Nur Aqli. (2021). *Pemanfaatan Air Bersih bagi Masyarakat dan Menjaga Kualitasnya*. Diakses 10 Disember, 2021, daripada <https://www.scribd.com/document/531963082/PEMANFAATAN-AIR-BERSIH-BAGI-MASYARAKAT-DAN-MENJAGA-KUALITASNYA>

Fadzilah Amzah. (2016). *Sfera Keindahan dalam Cerita Penglipu Lara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Indrawati Zahid. (1998). Peribahasa Melayu: Satu Klasifikasi yang Tiada Penentu. Kuala Lumpur: *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 42, (11), 978-984.

Ishak Ramly. (1990). Perkembangan Peribahasa dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, 34 (1), 54-61.

- Johari Yahaya. (2015). *Pantun Peribahasa Melayu: Analisis Daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. George Town: Universiti Sains Malaysia.
- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin & Wan Nurasikin Wan Ismail. (2016). Ikan (Pisces) dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 4(1), 31-42.
- Kamarul Azmi Jasni. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif*. Fakulti Tamadun Islam. Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kasmaizun Enuni Mohd Sarji. (2018). *Unsur Alam dalam Cerpen Pilihan Siti Zainon Ismail*. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Macroni Kamal. (2011, 18 Disember). Hubungan Manusia dan Keindahan. Diakses 13 Disember, 2021, daripada <http://marcopangngewa.blogspot.com/2011/12/hubungan-manusia-dan-keindahan.html>
- Mikdar Rusdi, et al. (2018). Bab 4. Flora dan Fauna dalam al-Quran dan al-Hadis. *Reserachgate*. Diakses 15 Disember, 2021, daripada https://www.researchgate.net/publication/322222429_FLORA_DAN_FAUNA_DALAM_AL-QUR'AN_DAN_AL-HADIS
- Mohamad Radzi Salleh. (1999). *Peribahasa dalam Masyarakat Melayu Satu Analisis Pemikiran dan Cerminan Falsafah*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Ridzuan Md Nasir. (2020). *Memahami Asal Usul Peribahasa Melayu*. Kota Bharu: Uni Press Sdn. Bhd.

- Mohd Raman Daud. (2016, 27 Jun). Berpeluh-peluh Ajar Peribahasa. *Akhbar Berita Harian*. Diakses 2 Jun, 2021, daripada <https://www.beritaharian.sg/bahasa-budaya/berpeluh-peluh-ajar-peribahasa>
- Muhammad Afandi Yahya. (1995). *Symbolisme dalam Seni Bina Rumah Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Zaid Daud. (2020). *Unggas dalam Peribahasa Melayu: Satu Analisis Semantik Inkuisitif*. Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Norfatihaq Mustafa. (2015). Benda Hidup dan Benda Bukan Hidup. Diakses 13 Disember, 2021, daripada <http://fatihagmustafa.blogspot.com/p/benda-hidup-dan-benda-b-ukan-hidup.html>
- Nor Hizal. (2017, 16 Mei). Kepentingan Tumbuhan kepada Hidupan. Diakses 10 Disember, 2021, daripada <https://www.slideshare.net/norhizal9/kepentingan-tumbuhan-kepada-hidupan>
- Novi Hardita Larasati. (2020, 8 Julai). Pengertian Sungai dan Jenisnya Menurut Para Ahli. Diakses 10 Disember, 2021, daripada <https://www.diadona.id/d-stories/pengertian-sungai-dan-jenisnya-menurut-para-ahli--200708g.html>
- Noraini Abd. Shukor. (2016). Padi Dan Air Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Firasat. *Akademi Pengajian Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nur Abdillah Siddiq. (n.d). Minyak dan Lemak: Pengertian, Kandungan dan Bahaya Minyak Bekas. Diakses 11 Disember, 2021, daripada <https://warstek.com/minyaklemak/>

- Nur Afiqah Wan Mansor. (2016). *Deria Rasa dalam Kiasan Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Prof Madya Dr Arif Fahmi Md Yusof. (2020, 4 Oktober). *Bernama*. Menghargai Haiwan Sebagai Makhhluk Tuhan. Diakses 10 Disember, 2021, daripada <https://bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1885854>
- Radio Muslim. (2020, 11 Jun). Allah Maha Indah dan Mencintai Keindahan. Diakses 19 Disember, 2021, daripada <https://radiomuslim.com/allah-maha-indah-dan-mencintai-keindahan/>
- Ragini Ragavan. (2016). *Perbandingan Aspek Leksikal dan Makna dalam Peribahasa Melayu dan Peribahasa Tamil*. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Russel Dundang Anak Jeffrey & Mary Fatimah Subet. (2018). Unsur Alam dalam Peribahasa Iban (Jaku' Sempama): Satu Analisis Semantik Inkuisitif. Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). 1(1), 10-15.
- Saidatul Nornis Haji Mahali & Mohd. Rasdi Saamah. (2013). Haiwan sebagai Perlambangan dalam Peribahasa Orang Semai. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13(1), 83-98.
- Salinah Jaafar. (2005). Fungsi Leksikal Bunga dalam Simpulan Bahasa dan Peribahasa Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 5(4), 40-66.

- Salinah Jaafar. (2017). Unsur Alam dan Masyarakat dalam Teks Terjemahan Bahasa Melayu Surah ar-Rahman. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 5 (3), 1-23.
- Sapinah Hj Said. (2013). *Kamus Peribahasa Melayu*. Johor Bahru: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
- Shida Irwana Omar, Nurbaidura Salim dan Badaruddin Mohamed. (2013). Tradisi Merantau Masyarakat Melayu Dahulu dan Sekarang: Suatu Perbandingan. George Town: Universiti Sains Malaysia.
- Siti Sarah. (2015). Bab 3 Metodologi Kajian. Aplikasi Komputer dalam Kajian Linguistik. <https://crazylinguists.wordpress.com/category/siti-sarah-a141264/bab-3-metodologikajian-sarah/>
- Sofia Humaniora. (2021, 3 September). Begini Proses Terjadinya Hujan Hingga Kemana Perginya Air Hujan. Diakses 17 Disember, 2021, daripada <https://mediaindonesia.com/humaniora/430049/begini-proses-terjadinya-hujan-hingga-kemana-perginya-air-hujan>
- Suhairah Ismail. (2003). Konsep dan Kerangka Teori. Diakses 7 Jun, 2021, daripada <http://studentsrepo.um.edu.my/2256/1/PENDAHULUAN.pdf>
- Tuan Rusmawati Raja Hassan. (2021). Alam dan Perlambangan dalam Cerpen S.Othman Kelantan. 311-32.
- Zabedah Mohammed. (2020). Citra Wanita dalam Peribahasa Melayu. Fakulti Sains dan Kemanusiaan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zabedah Mohammed & Shaiful Bahri Md Radzi. (2020). Konotasi Bunga dalam Peribahasa Melayu. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(3), 31-45.

Zaid Mohd Zin & Wan Suhaila Wan Idris. (2017). Kajian Persamaan Makna Peribahasa Melayu dan Peribahasa Jepun. *Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun*, 7, 19-33.

Zamanuddin Jusoh. (2015, 11 November). *Berita Harian Online*. Hujan boleh Sebabkan Manusia Beriman, Kufur. Diakses 17 Disember, 2021, daripada <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2015/11/96019/hujan-boleh-sebabkan-manusia-beriman-kufur>

Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). Bahasa dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(3), 31-51.

Zaitun Hasan. (2015). Manifestasi Citra Alam dalam Novel Ombak Bukan Penghalang: Suatu Penelitian Firasat Melayu. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Zurinah Hassan. (2001). Penggunaan Unsur Alam Sebagai Perlambangan dalam Puisi Melayu Moden. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Zurinah Hassan. (2010). Unsur Alam dalam Puisi Melayu Moden. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zurinah Hassan. (2005). Perlambangan Alam dan Dakwah. Diakses 3 Jun, 2021, daripada <https://kualihitam.com/perlambangan-alam-dan-dakwa/>